

**Himpunan Risalah  
Dalam Beberapa  
Persoalan Ummah**

**Buku 6**

Hafiz Firdaus Abdullah

**Judul:**

Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 6)

**Penyusun:**

Hafiz Firdaus bin Abdullah  
hafizfirdaus2@yahoo.com.my  
SMS: 019-384 8467

© Hafiz Firdaus Abdullah.

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2008

**Penerbit:**

Perniagaan Jahabersa  
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,  
81200 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim,  
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.  
Fax: 07-235 1603  
<http://www.jahabersa.com.my>  
jahabers@tm.net.my  
jahabers@starhub.net.sg

**Pencetak:**

Bin Halabi Press  
12/21 Mo.1 Talubo Moung Pattani, Thailand 94000  
Tel: 66-73-310296, 310339  
Fax: 66-73-334863

**Kandungan:**

1. Pandangan Ibn Taimiyah Dalam Tasawwuf	5
2. Solat Sunat Hajat: Perlukah Berjemaah?	60
3. Meninjau Semula Hukum Wanita Yang Didatangi Haid Memasuki Masjid	95
4. 2007 Tahun Melawat Malaysia .....Kecuali Masjid?	113
5. Meninjau Semula Hukum Nikah, Iddah Dan Nasab Anak Bagi Penzina	129
6. <i>Wal 'Ashr</i> : Pengurusan Masa Dalam Islam	154
7. Surah al-Sajdah Dan Solat Subuh Hari Jumaat: Beberapa Perkara Yang Perlu Diperhatikan	181
8. Cadangan Terhadap Prosedur Merebut Mayat Bagi Orang Yang Diperselisihkan Keislamannya	194



## **Pandangan Ibn Taimiyah Dalam Tasawwuf.<sup>1</sup>**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah.

11

III III III III III III III III

!!!!!! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! !

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi  
Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah,  
kami memuji-Nya dan kami memohon

<sup>1</sup> Risalah ini merupakan kertas kerja saya pada seminar *Pemikiran Ibnu Taimiyah* yang diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak pada 24 April 2004.

Risalah ini tersimpan agak lama kerana saya sejak awal bercadang untuk mengembangkannya hingga dapat dijadikan sebuah buku. Akan tetapi nampaknya sehingga kini (25 November 2007) saya masih belum dapat melakukannya. Oleh itu, tanpa mahu melengahkan lagi ilmu yang bermanfaat, saya mengambil keputusan untuk meletakkannya dalam buku *Himpunan Risalah* ini.

Risalah ini memiliki kenangan yang istimewa untuk diri saya kerana dengannya saya pertama kali berucap dalam sebuah seminar. *Alhamdulillah* ia adalah pengalaman menarik yang saya hargai hingga ke saat ini.

pertolongan-Nya dan kami memohon keampunan-Nya, dan kami berlindung kepada Allah dari keburukan diri kami dan dari keburukan perbuatan kami. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tiadalah kesesatan baginya dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka tiadalah petunjuk baginya. Kami bersaksi bahawa tiada tuhan kecuali Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya dan kami bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya.

### **Pendahuluan**

Topik "Pandangan Ibn Taimiyah dalam Tasawwuf" adalah satu persoalan yang amat penting kepada masyarakat Islam. Paling kurang kepentingan ini terletak dalam dua sudut:

1. Membetulkan salah anggap sebahagian masyarakat Islam yang cenderung kepada ilmu tasawwuf bahawa kononnya Ibn Taimiyah menolak ilmu tasawwuf secara keseluruhannya, malah bertindak keras untuk membasminya.
2. Menjernihkan salah faham sebahagian lain masyarakat Islam yang cenderung kepada manhaj Ibn Taimiyah akan tetapi tidak menguasainya secara keseluruhan. Mereka tersalah faham bahawa

kononnya Ibn Taimiyyah menolak dan membasmi ilmu tasawwuf lalu dengan itu mereka juga menolak dan membasmi ilmu tasawwuf.

*Insya-Allah* dalam ruangan yang serba terbatas ini, penulis akan cuba untuk membetulkan salah anggap dan menjernihkan salah faham di atas. Atas dasar ini penulis membahagikan kertas kerja ini kepada dua bahagian utama, **Bahagian Pertama** memberi pengenalan umum kepada ilmu tasawwuf manakala **Bahagian Kedua** membahas pandangan Ibn Taimiyyah dalam ilmu tasawwuf.

**Bahagian Pertama:**  
**Pengenalan Kepada Ilmu Tasawwuf.**

**Pengertian Tasawwuf.**

Para pengkaji ilmu tasawwuf berselisih pendapat tentang pengertian atau definisi tasawwuf. Perselisihan mereka bermula dari perkataan *Sufi* (الصوفي) itu sendiri. Ada yang membahas dari sudut maksudnya, ada yang membahas dari sudut asal usulnya dan ada yang membahas dari sudut masa kelahiran perkataan itu sendiri.

Akan tetapi di antara perselisihan ini, yang *rajih*

ialah perkataan "Sufi" hanyalah satu julukan atau gelaran.<sup>2</sup> Yang penting bukanlah perkataan tetapi intipati dan kandungan yang dibawa oleh perkataan tersebut. Pengertian "Sufi" di sisi 'Abd al Qadir al-Jilani *rahimahullah* (561H) ialah orang yang berjaya merealisasikan ciri-ciri murni serta sifat-sifat mulia sehingga dia berhak untuk disebut sebagai seorang Sufi. Beliau menulis:<sup>3</sup>

Sufi diambil dari kata *al-Mushafaat*, iaitu seorang hamba yang disucikan Allah atau orang yang suci daripada penyakit jiwa, bersih dari sifat-sifat tercela, menempuh mazhabnya yang terpuji dan mengikuti hakikat serta tidak tunduk kepada salah seorang makhluk.

Dalam ketika yang lain 'Abd al-Qadir al-Jilani berkata:<sup>4</sup>

Sufi ialah orang yang bersih batinnya dan zahirnya serta mengikuti Kitab Allah (al-Qur'an) dan Sunnah Rasul-Nya.

Kembali kepada perbahasan asal kita tentang pengertian tasawwuf (*التصوف*) (*al-Tashawwuf*), 'Abd al-

---

<sup>2</sup> Demikian rumus al-Qusyairi di dalam *al-Risalah*, juga dikenali sebagai *Risalah al-Qusyairiyah* (tahqiq: Abd al-Halim Mahmud & Mahmud Syarif; Dar al-Kutub al-Haditsah, Mesir), jld. 2, ms. 550.

<sup>3</sup> *Al-Ghunyah li al-Thalib Thariq al-Haq* (Dar al-Bab, Damsyik), jld. 2, ms. 160.

<sup>4</sup> *al-Fath al-Rabbani* (Maktabatu Mushtafa al-Babi al-Halabi, Mesir, 1979), ms. 207.

Qadir al-Jilani mengertikannya sebagai:<sup>5</sup>

Tasawwuf ialah percaya kepada Yang Haq (Allah) dan berperilaku baik kepada makhluk.

Pengertian ini beliau jelaskan sebagai berikut:<sup>6</sup>

Yaitu bertaqwa kepada Allah, mentaati-Nya, menerapkan syari'at secara zahir, menyelamatkan hati, memperkayakan hati, mengindahkan wajah, berdakwah, mencegah penganiayaan (ke atas orang lain), sabar menerima penganiayaan dan kefakiran, menjaga kehormatan guru, bersikap baik dengan saudara, menasihati orang kecil dan besar, meninggalkan permusuhan, bersikap lemah lembut, melaksanakan keutamaan, menghindari dari menyimpan (harta benda), menghindari persahabatan dengan orang yang tidak setingkat (dalam keimanan) dan (akhirnya) tolong menolong dalam urusan agama dan dunia.

Daripada nukilan-nukilan di atas, jelas bahawa pengertian Tasawwuf di sisi 'Abd al-Qadir al-Jilani ialah ciri-ciri murni dan sifat-sifat mulia yang patut diterapkan oleh orang Islam ke atas dirinya. Penerapan ini dilakukan dengan *bermujahadah*, yakni pertarungan ruhani untuk mengawal dan menumpaskan nafsu yang tercela.<sup>7</sup> Apabila

---

<sup>5</sup> *Al-Ghunyah li al-Thalib Thariq al-Haq*, jld. 2, ms. 160.

<sup>6</sup> *Futuh al-Ghaib* (himpunan risalah oleh M. Salim Bawwab; Dar al-Bab, Damsyik 1413H), ms. 166.

<sup>7</sup> 'Abd al-Qadir al-Jilani juga menamakan *bermujahadah* ini sebagai *al-Mutashawif*. Rujuk *Al-Ghunyah li al-Thalib Thariq al-Haq*, jld.

seseorang itu berjaya menerap dan merealisasikan ciri-ciri murni dan sifat-sifat mulia tersebut, barulah dia digelar sebagai seorang Ahli Sufi.

Pengertian Tasawwuf dan Sufi yang diberikan oleh 'Abd al-Qadir al-Jilani di atas mungkin berbeza dengan tokoh-tokoh tasawwuf yang lain. Namun jika dicermati perbezaan-perbezaan ini, akan didapati bahawa kesemuanya tetap mengarah kepada maksud yang satu. Hal ini sepertimana yang dirumuskan oleh 'Abd al-Fatah Ahmad al-Hawi:<sup>8</sup>

Secara ringkasnya *Risalah al-Qusyairiyah*, *Hilyah al-Auliya'*, *Tazkirah al-Auliya'* dan lain-lain buku yang memperkatakan tentang tasawwuf dipenuhi dengan ratusan lafadz dan cerita tentang ahli sufi dan ahli tasawwuf. Kesemuanya memiliki perbezaan ta'bir dan sumber pengambilan. Namun begitu kesemuanya tetap menuju kepada satu tujuan sahaja, iaitu menghindarkan diri daripada kelazatan dunia, membersihkan jiwa dan berusaha mencapai cinta Illahi dalam ruang lingkup ketinggian rohani dan *mujahadah nafsu*.

---

2, ms. 160.

<sup>8</sup> *Akidah & Suluk Dalam Tasawwuf: Antara Keaslian dan Penyelewengan* (edisi terjemahan Bhs. Melayu oleh Basri Ibrahim; Jahabersa, Johor Bahru, 2001), ms. 23.

### **Kepentingan Ilmu Tasawwuf.**

Setiap manusia memiliki lima unsur yang penting di dalam dirinya. Lima unsur tersebut adalah (1) Ruh, (2) Qalbu atau hati, (3) Hawa nafsu atau Syahwat, (4) Jasad dan (5) Anggota Badan. Peranan kelima-lima unsur ini boleh diumpamakan sebagai sebuah kerajaan di mana Ruh adalah Sultannya, Qalbu adalah singgahsananya, Hawa Nafsu adalah musuh dalaman, Jasad adalah wilayah kekuasaannya dan Anggota Badan adalah rakyatnya.

Di antara lima unsur ini, sentiasa wujud persaingan antara Ruh sebagai Sultan yang ingin memerintah dengan adil dan Hawa Nafsu sebagai musuh dalaman umpama "duri dalam daging" yang berusaha untuk menzalimi rakyat, malah berhasrat menghancurkan wilayah kekuasaan dan pemerintahan Sultan.

Oleh kerana itu Sultan hendaklah sentiasa berwaspada terhadap perancangan Musuh dan memerhatikan gerak gerinya. Sultan perlu memantau apa-pa tindakan musuh yang akan menzalimi rakyat, apatah lagi jika musuh bertindak ganas untuk menghancurkan wilayah kekuasaannya dan merebut tahta pemerintahannya. Jika tidak rakyat akan ditindas, wilayah akan dijajah oleh musuh luar sementara musuh bermaharajalela membuat kezaliman. Selain daripada itu, Sultan juga sentiasa perlu meningkatkan kecemerlangan dirinya sebagai seorang pemerintah. Dia sentiasa perlu meluaskan ilmunya, meningkatkan iman dan taqwanya,

memperbaiki ciri-ciri kepimpinannya ke atas wilayah dan rakyat seperti memiliki wawasan untuk mencapai sesuatu yang jauh lebih baik dan besar pada masa akan datang.

Sebagaimana perumpamaan kerajaan di atas, demikianlah juga peranan unsur-unsur Ruh, Qalbu, Hawa Nafsu, Jasad dan Anggota Badan. Aktiviti Ruh ke atas Hawa Nafsu dinamakan *Mujahadah* manakala aktiviti Ruh untuk mencemerlangkan dirinya dinamakan *Tazkiyat al-Nafs*. Ruh sentiasa *bermujahadah* ke atas Hawa Nafsu supaya dengan itu Hawa Nafsu tidak mengganggu atau mempengaruhi Jasad dan Anggota Badan dengan perbuatan-perbuatan mungkar yang dilarang oleh syari'at. Ruh juga *bermujahadah* ke atas Hawa Nafsu agar dengan itu Qalbu tidak diusik oleh Hawa Nafsu dengan sifat-sifat yang tercela. Pada waktu yang sama Ruh sentiasa berusaha meningkatkan kecemerlangannya sendiri agar ia dihiasi dengan sifat-sifat mulia. Sifat-sifat mulia ini kemudian akan terpancar keluar hingga memberi pengaruh kepada Qalbu, Jasad dan Anggota Badan.

Ilmu Tasawwuf berperanan membantu Ruh untuk melakukan *Mujahadah* ke atas Hawa Nafsu dan pada waktu yang membantu meningkatkan lagi kecemerlangan Ruh itu sendiri. Tujuannya tidak lain supaya Ruh dan segala yang dipimpinnya berjaya menjadi manusia yang mulia di sisi Allah dan mencapai kejayaan yang hakiki di dunia dan akhirat.

Di sini perlu ditekankan bahawa untuk

merealisasikan tujuan di atas, ilmu tasawwuf tidak berperanan secara tersendiri atau berasingan. Ia bergandingan bahu dengan lain-lain ilmu syari'at Islam seperti aqidah yang tulen di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan amal yang ikhlas lagi benar di sisi al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Setiap tokoh dan penuntut tasawwuf yang berada di atas jalan yang benar tidak sekali-kali akan memisahkan ilmu tasawwuf daripada lain-lain ilmu syari'at.

Pada waktu yang sama, setiap individu Muslim yang berada di atas jalan yang benar tidak boleh mengasingkan ilmu tasawwuf daripada dirinya. Pengasingan daripada ilmu tasawwuf akan menyebabkan diri seseorang itu terserlah dengan sifat yang tercela seperti riya', ujub, hasad, membazir, bakhil, malas, tidak berdisiplin, berburuk sangka dan pelbagai lagi sekalipun dia beriman kepada Allah dan mendirikan solat.

Malah pengasingan ilmu tasawwuf akan menyebabkan dia terhindar dari sifat-sifat mulia seperti *al-Tawabah* (sentiasa beristighfar dan bertaubat), *al-Zuhd* (membebaskan hati daripada mencintai dunia), *al-Shabr* (sabar), *al-Syukr* (berterima kasih), *al-Ridha'* (rela terhadap Allah), *al-Khauf* (takut kepada Allah), *al-Haya'* (malu kepada Allah), *al-Raja'* (mengharapkan pertemuan dengan Allah), *al-Faqr* (berhajat kepada Allah), *al-Tawakkul* (berserah kepada Allah) dan *al-Mahabbah* (cinta yang tidak berbelah bahagi kepada Allah).

Kesemua sifat yang mulia ini digaris dan dituntut oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih manakala ilmu tasawwuf hanya berperanan membantu umat Islam untuk mencapainya. Di sinilah letaknya kepentingan ilmu tasawwuf.

### **Beberapa Kritik Atas Ilmu Tasawwuf dan Jawapannya.**

Menjadi lumrah manusia bahawa setiap yang baik itu pasti menerima kritikan dan ilmu tasawwuf tidak terkecuali. Berikut kita akan kupas secara ringkas tiga kritikan yang paling lazim dilontarkan kepada ilmu tasawwuf diikuti dengan jawapannya.

#### Kritikan Pertama:

Istilah "Tasawwuf" atau "Sufi" tidak wujud di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Ini menunjukkan bahawa ilmu tasawwuf tidak memiliki tempat di dalam Islam.

#### Jawapan:

Yang penting bukanlah istilah tetapi intipati dan kandungan yang dibawa oleh istilah tersebut. Istilah "Tasawwuf" dan "Sufi" memang tidak wujud di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah akan tetapi ilmu dan peranan yang dimiliki olehnya memiliki dasar daripada al-Qur'an

dan al-Sunnah yang sahih. Sesiapa yang lazim mengkaji ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi akan mendapati kedua-dua sumber yang mulia ini sentiasa memberi perhatian ke arah membersihkan umat Islam daripada sifat-sifat yang tercela sambil menerapkan sifat-sifat mulia sebagaimana yang digariskan di atas.

Apabila mengupas istilah "Tasawwuf", Abu Ishaq al-Syathibi *rahimahullah* (790H) berkata:<sup>9</sup>

Merujuk kepada kata "Tasawwuf" di sisi mereka (Ahli Tasawwuf) ia menghasilkan dua makna: Yang pertama berakhhlak dengan akhlak yang baik dan melepaskan diri dari akhlak yang rendah. Yang kedua ialah kebinasaan (الفناء) bagi diri manusia sendiri sedangkan keabadian (البقاء) adalah bagi Tuhan (Allah).

Kedua-duanya pada penelitian lanjut mengarah kepada makna yang satu. Hanya sahaja yang pertama ditujukan kepada tahap permulaan manakala yang kedua ditujukan kepada tahap akhir. Kedua-dua makna ini adalah satu penyifatan kecuali yang pertama tidak memerlukan kewujudan keadaan rohani (لا يلزمها الحال) manakala yang kedua memerlukan keadaan rohani (يلزمها الحال). Kedua-dua makna tersebut adakalanya diungkap dengan istilah yang lain, yang pertama adalah perbuatan yang dibebankan manakala yang kedua adalah

---

<sup>9</sup> Al-'Itishom (الاعتصام) (dengan semakan dan pensahihian oleh Ahmad 'Abd al-Syafi; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut), jld. 1, ms. 150.

hasil daripada perbuatan tersebut. Oleh itu yang pertama adalah penyifatan yang zahir manakala yang kedua adalah penyifatan yang batin. Perhimpunan keduanya - itulah (yang dinamakan)"Tasawwuf."

Jika telah sabit hal ini, maka perbicaraan tasawwuf dengan makna pertama bukanlah satu bid'ah kerana sesunguhnya ia hanyalah merujuk kepada makna memahami (فَقَه). (Dengan tasawwuflah) amal perbuatan dibangunkan dan perkara-perkara yang menjadi penghalangnya dapat dikenali secara terperinci. Termasuklah juga pembaikan ke atas perkara-perkara yang dapat menghindari keburukan. Dan ini adalah pemahaman yang benar (وَهُوَ فَقَهٌ صَحِيقٌ) yang dasardasarnya terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang jelas.<sup>10</sup>

---

<sup>10</sup> Selanjutnya al-Syathibi menjelaskan bahawa perkara-perkara cabang yang menjadi amalan pendidikan akhlak dalam tasawwuf bukanlah satu bid'ah selagi mana ia memiliki asas di dalam dasar agama. Adapun makna kedua bagi tasawwuf, iaitu *al-Fana'* dan *al-Baq'a'*, al-Syathibi membahas dengan membahagikannya kepada beberapa kategori sesuai dengan pemahaman dan pelaksanaannya oleh aliran-aliran tertentu. Beliau menjelaskan kategori mana yang benar (*sunnah*) dan kategori mana yang salah (*bid'ah*). Sengaja penulis tidak menukil keseluruhan perbincangan al-Syathibi di dalam kertas kerja ini kerana ia akan mengambil ruang yang sangat banyak.

Kritikan Kedua:

Di dalam sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang mulia, tasawwuf tidak pernah dikenali sebagai satu cabang ilmu.

Jawapan:

Diakui bahawa pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, tasawwuf tidak pernah dikenali sebagai satu cabang ilmu. Demikianlah juga dengan ilmu-ilmu yang lain seperti ilmu hadis, ilmu tafsir, ilmu usul fiqh, ilmu nahwu (bahasa) dan pelbagai lagi.

Semua ilmu ini, termasuk ilmu tasawwuf, hanya muncul pada masa terkemudian apabila tamadun dan peradaban umat Islam berkembang luas, ditambahi pula dengan pelbagai pengaruh yang datang dari luar Islam. Sebagai contoh, ilmu hadis tidak pernah wujud di zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Akan tetapi setelah munculnya pelbagai fitnah dari dalam dan luar umat, para tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengusulkan ilmu hadis yang dengannya dapat dibezakan antara hadis yang sahih, dha'if dan sebagainya. Di sini ilmu hadis berperanan sebagai medium yang membolehkan umat mencapai tujuan, iaitu untuk mentaati dan mengikuti Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ilmu hadis bukanlah agama baru tetapi ia adalah alat yang menyampaikan umat kepada tuntutan agamanya yang asal, iaitu agama Islam.

Demikian juga bagi ilmu tasawwuf. Ia muncul

apabila umat Islam tenggelam di dalam keburukan akhlak dan kecelaan moral kerana ghairah mengejar permainan dunia. Ini menyebabkan para tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengusulkan ilmu tasawwuf yang dengannya umat dapat kembali kepada sifat-sifat mulia lagi di pertengahan antara dunia dan akhirat. Ilmu tasawwuf bukanlah agama baru tetapi ia adalah medium atau alat yang menyampaikan umat kepada tuntutan agamanya yang asal, iaitu agama Islam.

Sayyid Nur bin Sayyid 'Ali memiliki penjelasan yang baik untuk menjawab fitnah ini:<sup>11</sup>

Antara sebab utama yang menjadikan orang keliru ialah penggunaan istilah tasawwuf yang bukan pada tempatnya. Pada kenyataannya, tasawwuf adalah satu istilah bagi jalan transformasi untuk memperbaiki hati (تَرْكِيَّةُ النُّفُوسِ) dan penyucian jiwa (إِصْلَاحُ الْقُلُوبِ). .....Para tokoh tasawwuf berpendapat bahawa terdapat kepelbagaian cara (*flexibility*) untuk mencapai maksud agama (الْمَقَاصِدُ الدِّينِيَّةُ). Mereka merandang bahawa peletak garis syari'at, yakni Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak pernah membatasi jalan dan medium agama kepada formula atau teknik yang terbatas.

.....Akan tetapi tugas perancangan formula dan

---

<sup>11</sup> Nukilan berpisah daripada bukunya *al-Tashawwuf al-Syar'iyyah* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 2000), ms. 4,6 & 7.

teknik itu diserahkan kepada para ulama peneliti (المحققين) yang memiliki mata hati (بصيرة) dengan syarat formula dan teknik tersebut (1) memiliki asas (مستنبطة) daripada al-Qur'an dan al-Sunnah, (2) tidak bertentangan dengan nas-nas syara', (3) tidak menyerupai atau menandingi ibadah yang sudah sedia disyari'atkan, (4) tidak dijadikan satu iktikad oleh orang ramai sebagai jalan ibadah untuk menghampirkan diri kepada Allah Ta'ala.

Di tempat yang lain Sayyid Nur bin Sayyid 'Ali mengulas lanjut:<sup>12</sup>

Para ulama' memandang bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* telah memerintahkan (umat) untuk menuntut ilmu-ilmu syara' sedangkan baginda tidak menentukan medium tertentu untuk mencapai kehasilannya. Akan tetapi baginda menyerahkannya kepada para ulama' peneliti yang memiliki mata hati untuk mempertimbangkannya sesuai dengan tuntutan waktu dan tempat. Maka dengan itu bangkitlah para ulama' menyajikan pelbagai medium selari dengan tuntutan keadaan tempat dan masa, dengan catitan bahawa ia (medium-medium) tersebut tetap memelihara ruh syari'at, berdasarkan kaedah-kaedah yang disepakati ke atasnya. Mereka (para ulama') tampil menyatakan bahawa itu semua (medium-medium yang disajikan) tidak

---

<sup>12</sup> *al-Tashawwuf al-Syar'iyyah*, ms. 7.

lain hanya memiliki kedudukan sebagai medium untuk mencapai tujuan syari'at.

Akhir sekali Sayyid Nur bin Sayyid 'Ali menukil kata-kata Muhammad bin Shalih al-'Utsaimin *rahimahullah* (1420H):<sup>13</sup>

Perkara tersebut pada realitinya bukanlah bid'ah kerana ia hanyalah medium untuk memungkinkan sampai kepada apa yang disyari'atkan. Medium tersebut mungkin berbeza-beza selari dengan perbezaan tempat dan waktu.

Termasuk daripada kaedah yang telah ditetapkan, bahawa medium-medium tersebut memiliki maksud-maksud hukum (أحكام المقاصد), maka medium untuk mencapai yang apa disyari'atkan adalah disyari'atkan manakala medium untuk mencapai apa yang tidak disyari'atkan adalah tidak disyari'atkan. Mendirikan sekolah, menyusun ilmu dan mengarang buku, walaupun merupakan satu bid'ah kerana tidak ditemui pada zaman Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam bentuk sepetimana sekarang, (ia bukanlah bid'ah yang dilarang syari'at kerana) ia bukanlah maksud tetapi hanya medium di mana medium termasuk di dalam maksud-maksud hukum.

---

<sup>13</sup> *al-Tashawwuf al-Syar'iyyah*, ms. 7-8.

Kritikan Ketiga:

Di dalam ilmu tasawwuf terdapat banyak penyelewengan dan amalan bid'ah yang dilarang, bahkan terkeluar daripada garis-garis syari'at Islam.

Jawapan:

Kritikan di atas memiliki kebenaran di satu sudut dan kesalahan di sudut yang lain. Kebenarannya adalah di dalam ilmu dan pengamalan tasawwuf terdapat penyelewengan dan amalan bid'ah yang dilarang. Kesalahannya adalah, kritikan di atas tidak boleh digeneralisasikan ke atas ilmu tasawwuf secara keseluruhannya.

Ilmu tasawwuf, sebagaimana juga ilmu-ilmu yang lain, tidak selamat daripada pelbagai kesilapan ijтиhad dan perbuatan keliru. Justeru sikap yang benar lagi adil adalah meneliti dan membezakan antara ilmu tasawwuf yang benar dan salah. Apa yang selari dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah diambil manakala apa yang bertentangan dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah ditolak. Ilmu tasawwuf tidak boleh ditolak keseluruhannya semata-mata kerana adanya pencemaran daripada kesilapan ijтиhad para tokohnya dan perbuatan keliru para pengikutnya.

Apabila membandingkan antara ilmu tasawwuf yang wujud pada zaman awal Islam dengan ilmu tasawwuf terkemudian yang dicemari dengan pelbagai

penyelewengan dan bid'ah, Abu Ishaq al-Syatibi *rahimahullah* menulis:<sup>14</sup>

Sesungguhnya telah masuk ke dalam (ilmu tasawwuf terkemudian) perkara-perkara yang merosak dan bid'ah oleh kaum tasawwuf sendiri setelah zaman mereka berada jauh daripada *al-Salaf al-Shalih*. Mereka mendakwa memasukkan ke dalam ilmu tasawwuf sesuatu yang selain daripada jalan-jalan syari'at padahal mereka tidak memahami maksud sebenar ahli-ahlinya (ahli tasawwuf sebelum mereka).

Mereka juga memperkatakan tentang (ahli tasawwuf sebelum mereka) apa yang sebenarnya tidak diperkatakan sehingga pada akhir zaman ini (kurun ke 8H) seolah-olah wujud sebuah syari'at lain yang tidak dibawa oleh Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Mereka (ahli tasawwuf terkemudian) mengagungkannya sehingga meremehkan ikutan kepada sunnah (Rasulullah) bahkan menyakini bahawa mencipta ibadah (yang baru) adalah jalan yang benar untuk beribadah. Padahal jalan (ahli tasawwuf sebelum mereka) bebas daripada perkara-perkara buruk tersebut, segala puji bagi Allah.

Yang sebenarnya merosakkan ilmu tasawwuf adalah orang-orang jahil yang melakukan pelbagai penyelewengan dan bid'ah lalu kemudian menyandarkannya atas nama "tasawwuf." Sayyid Nur bin

---

<sup>14</sup> *Al-'Itishom*, jld. 1, ms. 68.

Sayyid 'Ali, seorang tokoh tasawwuf masa kini mengkritik keras orang-orang seperti ini:<sup>15</sup>

Pemahaman orang-orang yang keliru menganggap tasawwuf ialah satu penciptaan ibadah yang baru di dalam Islam yang bercampur dengan tarian, memukul rebana dan meniup seruling syaitan. Demikian juga, diselenggarakan majlis-majlis zikir dan pesta-pesta di kawasan perkuburan atas nama *al-Sima'* (السماع) dan (demi majlis perkahwinan) pengantin. Diselenggarakan juga pesta-pesta mawlid Nabi *shallallahu 'ala'ih wasallam*, berdiri untuk berselawat kepada Nabi, menghampiri perkuburan, menyampaikan nazar, memberi kurban atas nama para wali di perkuburan untuk meminta hajat dan meminta pertolongan daripada pemilik kubur.

Kita berlindung kepada Allah Ta'ala daripada kesesatan-kesesatan ini dan kita berlindung kepada Allah Ta'ala daripada kemurkaan-Nya. Bagaimana mungkin para pembuat bid'ah dapat menyebarkan perbuatan-perbuatan bid'ah dan kurafat ini atas nama tasawwuf?

.....(yang benar) semua jalan Sufisme yang sesuai dengan ruh tasawwuf dan tujuan-tujuan penyucian serta selari dengan syarat dan batas yang disepakati

---

<sup>15</sup> Nukilan berpisah daripada *al-Tashawwuf al-Syar'iyyah*, ms. 4 & 24.

berdasarkan Kitab Allah Ta'ala (al-Qur'an) dan sunnah Rasul-Nya *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka seluruhnya menjadi seumpama satu keluarga dalam satu rumah yang sama.<sup>16</sup> Adapun jalan yang disandarkan kepada "tasawwuf" akan tetapi ia berselisih dengan al-Qur'an dan al-Sunnah serta terkeluar daripada asas dan tujuan Sufisme maka janganlah membuka ruang untuk mereka masuk ke dalam golongan tasawwuf. Demikian juga, tidak dibolehkan bagi seorang juu untuk mempelajari doktrin Sufisme daripada para pembuat bid 'ah ini.

Oleh itu sekali lagi ditekankan bahawa ilmu tasawwuf tidak boleh dikritik dan ditolak keseluruhannya semata-mata kerana wujudnya pelbagai pencemaran di dalamnya. Sikap yang benar lagi adil adalah meneliti dan mengambil daripada ilmu tasawwuf apa yang selari dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah manakala apa yang bertentangan diasingkan.

### **Tasawwuf Pada Masa Kini**

Disebabkan jauhnya umat Islam masa kini dari ilmu agama yang sahih, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah

---

<sup>16</sup> Perumpamaan "satu keluarga dalam satu rumah" yang digunakan oleh Sayyid Nur di atas merujuk kepada kata-kata seorang tokoh besar ilmu tasawwuf bernama al-Junaid bin Muhammad al-Junaid *rahimahullah* (297H) yang berbunyi: "Para ahli sufi adalah penghuni satu rumah yang tidak dapat dimasuki oleh selain mereka."

berdasarkan kefahaman *al Salaf al-Shalih*, amat sukar untuk ditemui pengajian ilmu tasawwuf yang benar lagi tulen.

Sekali lagi diulangi bahawa musuh sebenar bagi ilmu tasawwuf bukan orang-orang yang mengkritiknya, tetapi orang-orang jahil yang mencipta pelbagai iktikad dan amalan yang aneh lalu menyandarkannya kepada tasawwuf.

Demikian juga dengan guru-guru (syaikh atau mursyid) yang ingin mendapat kemasyhuran dan pujaan dari manusia, mereka melakukan pelbagai helah atas nama tasawwuf agar dengan itu orang ramai menyembah, memuja dan menggunakan mereka.

Semua ini menyebabkan ilmu tasawwuf telah berevolusi menjadi seolah-olah satu agama yang baru. Ia telah jauh menyimpang dari tujuan asalnya untuk membersihkan jiwa dari nafsu yang buruk dan memperbaiki akhlak ke arah ciri-ciri yang mulia.

Justeru dinasihatkan kepada para pembaca yang budiman sekalian agar amat berhati-hati sebelum menceburji ilmu tasawwuf. Bahkan tidak berlebihan jika dikatakan adalah lebih selamat untuk tidak menceburinya langsung.

Akan tetapi jika ada yang tetap ingin menceburinya, berikut dikemukakan tiga garis kasar bagi mengenal sama ada ia adalah pengajian tasawwuf yang tulen atau sebaliknya:

1. Syaikh tasawwuf akan mendakwa dia memiliki kedudukan yang istimewa di sisi Allah. Dia akan mendakwa kerap kali menerima ilham, kasyaf dan mimpi dari Allah.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menerima kewujudan ilham, kasyaf dan mimpi sebagai kurniaan istimewa Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* kepada hamba-hambanya yang terpilih. Akan tetapi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* meletakkan syarat-syarat yang ketat untuk membezakan sama ada ilham, kasyaf dan mimpi tersebut berasal dari Allah atau mainan syaitan semata-mata.

2. Syaikh tasawwuf akan mendakwa dia menerima ilmu secara terus dari Allah. Ilmu tersebut lebih unggul dari ilmu yang diterima dari kertas (*al-Qur'an*) dan dari orang yang sudah mati (*hadis/sunnah*).
3. Oleh kerana ciri 1 dan 2 di atas, iktikad dan amalan yang diajar oleh syaikh tasawwuf tersebut akan berbeza dari *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*.

Ketiga-tiga ciri di atas akan disampaikan dengan strategi berikut:

1. Percakapan yang menggunakan susunan bahasa, nada dan gaya badan (*body language*) yang amat menyakinkan.
2. Bertahap-tahap. Pada awalnya pengajian syaikh

akan selari dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Akan tetapi perlahan-lahan, ia akan semakin jauh menyimpang.

3. Tidak menerima soalan. Sesiapa yang suka bertanya, maka dia akan "terhijab dari kurniaan Allah" untuk mendapat maqam (kedudukan) yang lebih tinggi dari status orang awam.

**Bahagian Kedua:**

**Pandangan Ibn Taimiyyah Dalam Tasawwuf.**

Pandangan Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H) dalam tasawwuf ialah pandangan yang adil lagi berdasarkan ilmu. Sifat adil ini menyebabkan beliau berada di pertengahan, tidak ekstrim ke kanan dalam menerima apa sahaja yang disandarkan atas nama tasawwuf dan tidak ekstrim ke kiri dalam menolak apa sahaja yang disandarkan atas nama tasawwuf. Ukuran yang beliau gunakan untuk berada di pertengahan antara dua ekstrim di atas adalah ilmu yang diambil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih berdasarkan pemahaman generasi *al-Salaf al-Shalih*.

Untuk memperoleh gambaran sebenar tentang sikap pertengahan Ibn Taimiyah ini, tiada cara yang lebih baik melainkan dengan merujuk kepada hasil tulisan beliau sendiri. Akan tetapi memandangkan tulisan-tulisan Ibn Taimiyah dalam subjek tasawwuf ini sangat luas dan banyak, penulis hanya akan mengemukakan beberapa nukilan sahaja sesuai dengan tajuk dan ruang lingkup kertas kerja ini. Kita mulakan dengan mengkaji pandangan umum Ibn Taimiyah dalam tasawwuf.

### **[1] Pandangan Ibn Taimiyah Tentang Ilmu Tasawwuf.**

Sepertimana yang disebut di atas, sikap Ibn Taimiyah tentang tasawwuf adalah di jalan pertengahan antara ekstrim yang menerima secara keseluruhan dan ekstrim yang menolak secara keseluruhan. Beliau berkata:<sup>17</sup>

Sekumpulan orang menerima (secara keseluruhan) baik yang benar tentang tasawwuf mahupun yang salah tentang tasawwuf manakala sekumpulan lagi mengingkari (secara keseluruhan) baik yang benar tentang tasawwuf mahupun yang salah tentang tasawwuf. Ini sebagaimana segolongan ahli kalam dan ahli fiqh.

---

<sup>17</sup> Majmu' al-Fatawa (dihimpun dan disusun oleh 'Abd al-Rahman al-Asimi dan anaknya Muhammad bin 'Abd al-Rahman; Dar al-Wafa', Kaherah 2002), jld. 10, ms. 82.

Sikap yang benar adalah, sesungguhnya sesuatu itu diterima - sama ada berkenaan tasawwuf atau selainnya - hanya apabila ia selari dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Dan sesuatu itu diingkari - sama ada berkenaan tasawwuf atau selainnya - apabila ia berselisihan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Di tempat yang lain Ibn Taimiyah berkata:<sup>18</sup>

Dalam tasawwuf wujud orang yang benar dan orang yang silap sebagaimana yang ditemui pada orang-orang selain mereka (dalam bidang yang lain). Tidaklah pada perkara yang sedemikian menandingi para sahabat dan tabi'in (kerana) tidak ada seorang jua yang maksum dalam setiap perkataannya (pendapatnya) kecuali Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Maksud Ibn Taimiyah, kesilapan-kesilapan yang wujud di kalangan sebahagian ahli tasawwuf tidaklah lebih berat atau lebih ringan daripada kesilapan generasi sahabat dan tabi'in kerana semua manusia sedikit atau banyak pasti berbuat silap kecuali Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ibn Taimiyah memperjelaskan lagi hal ini di tempat yang lain:<sup>19</sup>

Penelitian ke atas persoalan ini mendapati bahawa (ilmu tasawwuf) mengandungi sesuatu yang

---

<sup>18</sup> *Al-Istiqamah* (tahqiq: Muhammad Rasyad Salim; Dar Ibn Hazm, Beirut 2000), jld. 1, ms 163.

<sup>19</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 10, ms. 370.

terpuji dan yang tercela sebagaimana juga jalan (ilmu) yang lain. Yang tercela daripada ilmu tasawwuf adakalanya bersifat ijtihad dan adakalanya tidak. Kedudukan para ahli tasawwuf dalam perkara ini adalah sebagaimana kedudukan para ahli fiqh dalam mengeluarkan pendapat. Pendapat para ahli fiqh adakalanya turut tercela, apatah lagi pendapat ahli ibadah dan golongan orang ramai.

## [2] Pandangan Ibn Taimiyyah Tentang Ahli Tasawwuf.

Ibn Tamiyyah ialah seorang tokoh yang amat menghormati dan menyanjung tinggi tokoh-tokoh tasawwuf. Selagi mana mereka berada pada jalan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih berdasarkan pemahaman generasi *al-Salaf al-Shalih*, Ibn Tamiyyah akan menyebut nama mereka dengan penuh kehormatan, puji dan sanjungan. Antara bukti yang paling jelas ialah kata-kata Ibn Tamiyyah berikut ini:<sup>20</sup>

.....bahwasanya mereka adalah para syaikh umat Islam dan para imam pemberi petunjuk yang dijadikan Allah Ta'ala di lisan mereka kebenaran untuk ummah, (mereka itu ialah) seperti Sa'id bin al-Musayyib, al-

---

<sup>20</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 2, ms. 472. (yang dihitamkan oleh penulis beserta tahun meninggal dunia ialah tokoh-tokoh tasawwuf yang terkemuka).

Hasan al-Bashri, 'Umar bin 'Abd al-'Aziz, Malik bin Anas, al-Awza'ie, Ibrahim bin Adham (160H), Sufyan al-Tsauri, al-Fadhil bin 'Iyadh (187H), Ma'aruf al-Karkhi (200H), al-Syafi'ie, Abi Sulaiman (al-Darani) (215H), Ahmad bin Hanbal, Bisyr al-Hafi (227H), 'Abd Allah bin al-Mubarak, Syaqiq al-Balkhie (194H) dan banyak lagi yang tidak dapat diperkira.

Contoh mereka yang terkemudian ialah **al-Junaid bin Muhammad al-Qawarairi** (297H), **Sahl bin 'Abd Allah al-Tustari** (283H), **'Umar bin 'Utsman al-Makki** (291H) dan orang-orang sesudah mereka sehingga kepada **Abi Thalib al-Makki** (386H), sehingga seumpama **'Abd al-Qadir al-Kailani** (561H)<sup>21</sup> .....

Adapun pandangan Ibn Taimiyyah tentang para tokoh tasawwuf yang lain, ia adalah pandangan yang berada di pertengahan antara memberi pujian dan kritikan. Antaranya beliau menulis:<sup>22</sup>

Yang benar adalah, bahwasanya mereka (ahli tasawwuf) ialah orang yang bersungguh-sungguh (مجتهدون) dalam ketaatan kepada Allah sebagaimana juga kesungguhan orang selain mereka daripada kalangan yang taat kepada Allah. Maka di kalangan mereka terdapat orang yang terkehadapan (السابق) dalam menghampirkan

---

<sup>21</sup> 'Abd al-Qadir al-Jilani adakalanya digelar sebagai 'Abd al-Qadir al-Kailani. Rujuk *al-A'lam* oleh al-Zarikli (Dar al-'Ilm li al-Malayin, Beirut), jld. 4, ms. 47.

<sup>22</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 11, ms. 18.

diri (kepada Allah) sesuai dengan ijtihadnya dan di kalangan mereka terdapat juga orang yang cermat (**المقصود**), yakni mereka yang daripada ahli kebaikan (**أهل اليمين**). Apapun, pada setiap golongan orang yang bersungguh-sungguh, kadang-kala dia tersilap. Maka di kalangan mereka ada yang berdosa lalu (di antara mereka) ada yang bertaubat atau tidak bertaubat.

Dan di antara yang menyandarkan diri kepada para ahli tasawwuf adalah orang yang zalim kepada dirinya sendiri lagi berbuat dosa terhadap tuhanya. Bahkan adakalanya yang menyandarkan diri para ahli tasawwuf adalah daripada kelompok ahli bid'ah dan zindik. Namun di sisi para peneliti ahli tasawwuf, orang-orang seperti ini bukanlah daripada mereka.

Seperti al-Hallaj (309H) misalnya, kerana sesungguhnya ramai syaikh tasawwuf yang mengingkari dan mengeluarkannya daripada tarikat sufisme. Contohnya ialah al-Junaid bin Muhammad, penghulu tarikat sufisme (**سيد الطائفة**) dan orang selainnya. Ini sebagaimana yang disebut oleh al-Syaikh Abu 'Abd al-Rahman al-Sulami di dalam kitabnya *Thabaqat al-Shufiyyah* dan al-Hafiz Abu Bakar al-Khatib di dalam kitabnya *Tarikh Baghdad*.<sup>23</sup>

---

<sup>23</sup> Ibn Taimiyyah memiliki risalah yang khas tentang al-Hallaj yang berjudul *al-Jawab 'an Su'al 'an al-Hallaj: Hal kana Shiddiqan aw Zindiqan [Jami' al-Rasail Ibn Taimiyyah]* (himpunan risalah oleh M. Rasyad Salim; Kaherah)]

Sikap pertengahan Ibn Taimiyyah juga menyebabkan dia menganggap yang paling utama ialah orang yang bertaqwa kepada Allah tanpa mengira sama ada orang tersebut cenderung kepada aliran tasawwuf atau selain tasawwuf. Apabila membahas pertanyaan tentang pembahagian kaum sufi kepada *al-Fuqara'* (orang-orang yang fakir) dan sebagainya, beliau merumuskan:<sup>24</sup>

Kesimpulannya, bahawa yang paling afdal di antara keduanya (ahli sufi dan *fuqara'*) adalah yang paling bertaqwa di antara keduanya. Maka jika seorang sufi bertaqwa kepada Allah maka dialah yang lebih afdal daripada seorang *faqir*, di mana dia (dengan sifat taqwa tersebut) melakukan amal yang disukai oleh Allah dan meninggalkan apa yang tidak disukai oleh-Nya. Maka dialah yang lebih afdal daripada orang *faqir*.

Dan jika orang *faqir* melakukan amalan yang disukai oleh Allah dan meninggalkan apa yang tidak disukai oleh-Nya, maka dialah yang lebih afdal daripada seorang sufi. Dan jika kedua-duanya (sufi dan *faqir*) bersamaan dalam melakukan amalan yang disukai (oleh Allah) dan meninggalkan selain daripada yang disukai (oleh Allah) maka darjat (keafdalan) kedua-duanya adalah sama.

(Ini kerana) para wali Allah adalah mereka yang beriman dan bertaqwa tanpa mengira apakah dia seorang

---

<sup>24</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 11, ms. 22.

*faqir, ahli sufi, ahli fiqh, ahli ilmu, ahli perniagaan, tentera, ushawan (صانع), pemimpin, hakim atau selainnya.*

Allah Ta'ala berfirman:

!!!! !!!! !!!! ! !!!!! !!!!! 曲!!!! !!!!!

Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (Wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa. [Yunus 10:62-63]

### [3] Pandangan Ibn Taimiyyah Tentang Kitab-Kitab Tasawwuf

Termasuk sikap pertengahan Ibn Taimiyah ialah ke atas kitab-kitab karangan para tokoh tasawwuf. Beliau tidak mengkritik atau menolaknya habis-habisan, sebaliknya mengakui di dalamnya terdapat kebenaran dan kesilapan, kelebihan dan kekurangan. Beliau berkata:<sup>25</sup>

Di dalam penulisan (kitab-kitab) zuhud dan tasawwuf terdapat perkara-perkara yang juga terdapat di dalam penulisan (kitab) figh dan pemikiran (الرأي),

<sup>25</sup> *Syarah al-'Aqidah al-Ashfahaniyyah* (tahqiq: Ibrahim Sa'idi; Maktabah al-Rusyd, Riyadh 1415H), jld. 1, ms. 184.

kedua-duanya mengandungi riwayat-riwayat yang sahih, lemah bahkan palsu. (Ia juga mengandungi) pendapat-pendapat yang benar, lemah bahkan batil. Adapun penulisan ilmu kalam, maka di dalamnya terdapat kebatilan yang amat berat (الباطل أعظم) dengan jumlah yang banyak, bahkan di dalamnya juga terdapat perbahasan-perbahasan yang bersifat zindik dan munafik.

Jika sekalipun wujud riwayat-riwayat yang sangat lemah dan palsu, itu bukanlah atas kesengajaan pengarangnya. Setiap pengarang adalah manusia yang pasti adakalanya tersilap tanpa mengira sama ada dia ahli tasawwuf, ahli tafsir atau ahli hadis. Ibn Taimiyyah menjelaskan hakikat ini:<sup>26</sup>

Wujud di dalam kitab-kitab tasawwuf dan yang bercorak melembutkan hati (الرقائق) riwayat-riwayat yang sebahagiannya sahih, sebahagiannya lemah dan sebahagiannya palsu. Dalam hal ini bersepakat seluruh umat Islam bahawa tidak akan terlepas daripada kitab-kitab (karangan para tokoh) riwayat-riwayat yang seumpama (sebahagiannya sahih, lemah dan palsu). Hal ini dapat diperhatikan dalam kitab-kitab yang ditulis dalam subjek tafsir al-Qur'an. Bahkan bagi ahli hadis yang paling dekat (paling arif) dengan ilmu periwayatan, dalam kitab mereka wujud riwayat-riwayat yang seumpama

---

<sup>26</sup> *al-Istiqamah*, jld. 2, ms. 67.

(sebahagiannya sahih, lemah dan palsu). Maka bagaimana pula dengan para tokoh yang bukan ahli hadis?

Para pengarang yang terdiri daripada para imam sama ada dalam bidang fiqh, tasawwuf atau hadis, sekali sekala mereka meriwayatkan sesuatu yang tidak mereka ketahui bahawa ia adalah dusta (riwayat palsu). Ini adalah satu kelaziman bagi para agamawan yang jika mereka mengetahui ia adalah riwayat dusta, pasti mereka tidak akan berhujah dengannya.

#### **[4] Pandangan Ibn Taimiyah Tentang Adab Guru dan Murid.**

Antara disiplin yang penting di dalam ilmu tasawwuf ialah adab antara guru dan murid. Guru dianggap sebagai jalan atau medium yang dapat menyampaikan seorang murid kepada ketaatan dan keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ibn Taimiyah mengiktiraf kepentingan adab antara guru dan murid. Akan tetapi beliau tidak bersetuju dengan sikap membataskan penuntutan kepada seorang guru sahaja. Beliau juga menekankan bahawa guru yang sebenar ialah mereka yang beriman, bertaqwa lagi arif dalam mengunggulkan al-Qur'an dan al-Sunnah di atas segala yang lain. Beliau berkata:<sup>27</sup>

Adapun tindakan sekelompok orang yang hanya

---

<sup>27</sup> *Majmu' al-Fataawa*, jld. 11, ms 511-512.

menyandarkan dirinya kepada seorang syaikh tertentu, maka sememangnya tidak diragui bahawa manusia memerlukan siapa sahaja yang mereka dapat ambil (belajar) darinya (tentang) iman dan al-Qur'an. Ini sebagaimana yang diperoleh oleh para sahabat daripada Nabi *shallallahu 'ala'ih wasallam* dan yang diperoleh oleh para tabi'in daripada mereka (para sahabat) sehingga yang sedemikian menghasilkan para pengikut generasi awal yang terbaik.

Justeru sebagaimana seseorang itu boleh belajar daripada sesiapa sahaja yang ahli dalam ilmu al-Qur'an dan yang seumpama maka demikian juga dia boleh belajar daripada sesiapa sahaja yang ahli dalam ilmu agama, baik yang lahir mahupun batin. Dan janganlah dibatasi proses pembelajaran kepada seorang syaikh tertentu sahaja kerana seseorang itu tidak memiliki hujah pada yang sedemikian untuk menyandarkan dirinya kepada syaikh tertentu sahaja.

Setiap orang yang dapat memberi manfaat yang tidak lain daripada manfaat agama, maka dia lah syaikhnya dalam kemanfaatan tersebut. Bahkan setiap yang telah meninggal dunia namun perkataannya, perbuatannya dan pengaruhnya yang bermanfaat dalam agama sampai kepada manusia (yang masih hidup), maka dari sudut ini dia (manusia yang telah meninggal itu) adalah juga syaikh (bagi yang masih hidup). Maka atas dasar ini generasi salaf umat ini adalah syaikh kepada

pengantinya, generasi sesudah generasi.

Oleh itu tidaklah boleh seseorang itu menyandarkan dirinya kepada seorang syaikh dengan memberi janji taat setia sebagai pengikutnya dan membataskan dirinya pada yang sedemikian. Akan tetapi kewajipannya ialah memberi janji taat setia kepada setiap orang yang beriman lagi arif dan bertaqwa, kesemuanya sekali tanpa mengira sama ada dia daripada kalangan para syaikh atau bukan. Tidak boleh mengkhususkan janji taat setia kepada seseorang melainkan padanya jelas kelihatan keimanan dan ketaqwaan (yang tinggi). Hendaklah didahulukan sesiapa yang mendahulukan Allah Ta'ala dan Rasul-Nya dan hendaklah diutamakan sesiapa yang mengutamakan Allah dan Rasul-Nya. Firman Allah Ta'ala:

*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu,*

*Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya. [al-Hujerat 49:13]*

Di tempat yang lain beliau menyambung:<sup>28</sup>

Apabila para syaikh, para pemerintah dan selain mereka memerintahkan ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya, maka taatlah perintah mereka. Akan tetapi jika mereka memerintahkan apa yang sebaliknya maka janganlah mentaati mereka kerana sesungguhnya tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam kemaksiatan kepada Allah. Tidak ada seorang jua (daripada para syaikh, para pemerintah dan selain mereka) yang maksum kecuali Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ketentuan ini berlaku sekalipun ke atas seorang syaikh yang jelas terkenal dengan keagamaan dan keilmuannya.

Adapun orang yang mencipta bid'ah yang nyata dan membuat kejahatan yang nyata, maka hendaklah diingkari bid'ahnya dan kejahatannya serta jangan ditaati perintahnya berhubung dengan bid'ah dan kejahatan tersebut. Akan tetapi jika dia atau orang lainnya memerintahkan dengan apa yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya, maka wajib taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Ini kerana ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya adalah wajib terhadap setiap individu dalam setiap keadaan tanpa mengira siapa yang memerintah dengan perintah tersebut.

---

<sup>28</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 11, ms. 517.

## **[5] Pandangan Ibn Taimiyyah Tentang *Maqamat* dan *Ahwat*.**

Termasuk dasar penting dalam ilmu tasawwuf ialah *Maqamat* dan *Ahwat*. Ibn Taimiyyah turut mempersetujui dasar ini. Beliau telah menyusun sebuah kitab khas dalam subjek *Maqamat* dan *Ahwat*, berjudul *al-Tuhfah al-'Iraqiyyah fi al-'A'mal al-Qalbiyyah*. Di pembukaannya beliau menulis:<sup>29</sup>

Ini merupakan perbicaraan ringkas berkenaan amalan hati yang juga disebut sebagai *al-Maqamat wa al-Ahwat*, ia merupakan asas keimanan (أصول الإيمان) dan dasar-dasar agama (قواعد الدين). Seperti mencintai Allah dan Rasul-Nya, bertawakkal kepada Allah, mengikhlaskan agama kepada-Nya, syukur kepada-Nya, sabar ke atas hukum-Nya, takut dari-Nya, mengharapkan kepada-Nya dan seterusnya.

Demikianlah ini ditetapkan oleh sebahagian orang yang Allah wajibkan kebenaran ke atasnya dari kalangan orang-orang yang beriman dan kewajipan kita ialah menyambutnya dengan segera.

---

<sup>29</sup> *al-Tuhfah al-'Iraqiyyah fi al-'A'mal al-Qalbiyyah* (tahqiq Yahya bin Muhammad, Maktabah al-Rusyd, Riyadh, 2000), ms. 289.

## **[6] Pandangan Ibn Taimiyyah Tentang *Syathahat al-Shufiyyah*.**

Antara perkara yang menyebabkan para tokoh tasawwuf dikritik ialah munculnya ungkapan-ungkapan yang pelik lagi memusykilkhan daripada lisan mereka. Ungkapan-ungkapan ini disebut sebagai *al-Syathahat* (الشطحات).

Di sisi Ibn Taimiyyah, ungkapan-ungkapan tersebut tidak membawa apa-apa hukuman melainkan diperhatikan terlebih dahulu keadaan orang yang mengungkapkannya. Jika yang mengungkapkannya sedang tenggelam dalam kemabukan (السکر) Illahi dan kemuasnahan (القاء) kesaksian, dia dimaafkan kerana berkata-kata dalam keadaan tidak sedarkan diri. Jika diungkapkan dalam keadaan sedar, maka mungkin ia merupakan kelemahan tokoh tersebut untuk mengungkapkan kebaikan yang dia kehendaki atau mungkin tersilap dalam berijtihad antara yang hak dan batil.

Akan tetapi pada waktu yang sama ungkapan tersebut tidak boleh dijadikan hujah atau sumber ikutan bagi yang mendengarnya selagi mana ia tidak selari dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Beliau menulis:<sup>30</sup>

(Apa) yang lahir daripada (orang tasawwuf)  
seumpama hal-hal ini (ungkapan-ungkapan), sesungguhnya

---

<sup>30</sup> *Al-Istiqamah*, jld. 2, ms. 15-16.

ada yang dimaafkan kerana kelemahan dalam berijtihad atau sebetulnya pemikirannya pada saat itu tidak hadir. Namun orang yang mengikutinya tidak dimaafkan sebab kebenaran dan jalan (yang lurus) sudah tersangat jelas. Pada waktu yang sama, sekalipun keburukan-keburukan (orang yang mengeluarkan ungkapan tersebut) dimaafkan kerana disertai niat baik dan amal salih, menjelaskan antara yang terpuji dan yang tercela (daripada ungkapan tersebut) tetap diwajibkan supaya tidak bercampur aduk antara yang hak dan batil.

(Sebagai contoh) Abu al-Husain al-Nuri (290H) dan Abu Bakar al-Syibli (334H) - semoga Allah merahmati mereka berdua - adalah dua orang yang dikenali dengan pemikiran yang tidak hadir dalam diri mereka pada beberapa waktu sehingga al-Syibli pernah dibawa ke rumah sakit mental (مارستان) sebanyak dua kali. Manakala al-Nuri, semoga Allah merahmatinya, dia meninggal dunia di dalam hutan ketika dikalahkan oleh cinta yang disertai kerinduannya kepada tuhan sehingga hilang daya pemikirannya.

Sesiapa yang mengalami hal seperti itu, maka dia tidak boleh diikuti pada saat keadaannya seperti itu selagi mana ia tidak sesuai dengan perintah Allah dan Rasul-Nya. Dia dimaafkan dan diampunkan. Namun sekalipun dia memiliki keimanan, kesalihan, kejujuran dan kedudukan yang terpuji, tidaklah dia daripada kalangan orang yang besar - dia tidak lebih besar daripada orang-

orang terdahulu daripada kalangan Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka (Muhajirin dan Ansar) dalam kebaikan.

Sesungguhnya mereka mengikuti (teladan Muhajirin dan Ansar) dengan ketaatan dan tidak berkata-kata kecuali yang indah dan baik. Tidak keluar daripada mereka perkataan yang (bersifat) dosa dan (memerlukan) takwil (seumpama *syathahat* tersebut) kerana ia tidak termasuk perintah Allah dan Rasul-Nya, maka janganlah mengikutinya.

Di lembaran yang lain Ibn Taimiyyah menambah:<sup>31</sup>

Hal ini, seperti mana keadaan kejiwaan kebanyakan orang salih, orang jujur dan orang yang memiliki pelbagai *ahwal* dan *maqamat*, salah seorang daripada mereka memiliki kecintaan yang benar dan intuisi yang lurus akan tetapi dia tidak mampu untuk menyusun ungkapan yang menjelaskan maksudnya. Oleh kerana itu, dalam ungkapannya terjadi kesalahan dan keburukan padahal maksudnya adalah benar.

Salah seorang anak murid yang utama kepada Ibn Taimiyyah, Ibn Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* (751H) memiliki penjelasan tambahan yang baik terhadap persoalan ini. Beliau menulis:<sup>32</sup>

---

<sup>31</sup> *Al-Istiqamah*, jld. 2, ms. 105-106.

<sup>32</sup> *Madarij al-Salikin* (tahqiq Muhammad Hamid al-Fiqqi, Dar al-Kutub al-'Arabi, Beirut), jld. 3, ms. 330.

Ketahuilah dalam lisan kaum tasawwuf terdapat banyak metafora (di mana) ada ungkapan yang bersifat umum tetapi yang dimaksudkan adalah khusus dan ungkapan yang bersifat lafaz tetapi yang dikehendaki adalah isyaratnya dan bukan makna hakikinya. Lisan kaum tasawwuf tidak dimiliki oleh apa-apa aliran selain mereka. Kerana itu mereka berkata: "Kami adalah pemilik ungkapan bukan perkataan" atau "Ungkapan adalah bagi kami manakala perkataan adalah bagi selain kami"

Mereka (para tokoh tasawwuf) adakalanya mengatakan satu ungkapan yang diungkap oleh kaum atheist. Akan tetapi yang dikehendaki oleh mereka dengan ungkapan tersebut ialah makna (tertentu) yang bukan merupakan satu kerosakan. Akan tetapi ini menyebabkan timbulnya fitnah di antara dua kelompok, (yang pertama) adalah kelompok yang mengambil zahir ungkapan tersebut lalu menghukum orang yang mengungkapnya sebagai bid'ah dan sesat. (Kelompok kedua) adalah mereka yang memerhatikan maksud dan tujuan ungkapan tersebut lalu membenarkan (kesemuanya) beserta isyarat-isyaratnya. (Akan tetapi wujud kelompok ketiga, iaitu) orang yang mencari kebenaran, dia akan (mengambil sikap pertengahan dengan) menerima daripada orang ahli kebenaran dan menolak daripada orang yang bukan ahli kebenaran.

Di tempat yang lain Ibn al-Qayyim menjelaskan lagi

sikap tiga kelompok di atas dengan lebih terperinci:<sup>33</sup>

Ungkapan-ungkapan *syathahat* menimbulkan fitnah kepada dua kelompok manusia:

**Pertama** adalah mereka yang terhijab daripada kebaikan-kebaikannya, daripada kelembutan jiwa serta kesejadian pergaulannya. Lalu mereka menyia-nyiakan (kebaikan-kebaikan) disebabkan *syathahat* tersebut serta mengingkarinya sehingga berburuk sangka kepada mereka (ahli tasawwuf) secara mutlak.

Cara seperti ini adalah satu permusuhan dan berlebih-lebihan. Seandainya setiap orang yang salah dan keliru ditolak secara keseluruhannya dan kebaikan-kebaikannya disia-siakan, maka akan hancurlah ilmu, disiplin serta peraturannya dan terlantarlah segala yang berkaitan dengannya.

**Kedua** adalah kelompok yang terhijab daripada melihat kecacatan dan kekurangan *syathahat* tersebut sehingga kemudianya menduganya sebagai pembawa kebaikan lalu menerimanya secara bulat-bulat. Kelompok ini juga telah melampaui batas dan bersikap berlebih-lebihan.

(Di antara dua kelompok ini adalah) kelompok **Ketiga** yang terdiri daripada mereka yang bersikap adil lagi di pertengahan, iaitu mereka yang memberikan hak

---

<sup>33</sup> *Madarij al-Salikin*, jld. 2, ms. 39-41.

kepada pemiliknya dan menempatkan segala sesuatu pada tempatnya. Mereka tidak menghukum benar terhadap sesuatu yang salah dan tidak menghukum salah bagi sesuatu yang benar. Mereka menerima apa yang sepatutnya diterima dan menolak apa yang sepatutnya ditolak.

Daripada penjelasan Ibn Taimiyyah dan Ibn al-Qayyim di atas, jelas kepada kita sikap yang adil lagi benar apabila berhadapan dengan ungkapan-ungkapan *syathahat* ahli-ahli tasawwuf. Sikap tersebut boleh dibahagi kepada tiga kategori:

1. Jika ia dapat difahami secara benar dan didapati bertentangan dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah maka ketepikanlah ia tanpa mengkritik tokoh yang menyebutnya. Ini kerana kita tidak tahu sama ada dia menyebutnya dalam keadaan sedar atau tenggelam dalam kehusyukan latihan rohani. Kewajipan kita hanyalah menerangkan di mana letak kesalahannya dalam ungkapan tersebut.
2. Jika ia dapat difahami secara benar dan didapati selari dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah, bahkan dapat memberi manfaat sebagai nasihat dan hikmah, maka ia boleh diambil dan dimanfaatkan.
3. Jika ia tidak dapat difahami secara benar, maka tangguhlah sehingga ke satu masa di mana ia

dapat difahami, sama ada kerana peningkatan ilmu kita sendiri atau apabila berpeluang bertanya kepada orang arif lagi memiliki mata hati (بصيرة) dalam memahaminya.

### [7] Pandangan Ibn Taimiyyah Tentang *Wahdat al-Wujud*.

Perkara kedua yang menyebabkan tasawwuf sering dikritik, ialah fahaman *Wahdat al-Wujud* (kesatuan wujud antara makhluk dan Khaliq). Para pengkritik ilmu tasawwuf mendakwa semua aliran-aliran tasawwuf tidak lain hanya bermaksud untuk membawa para penempuh jalan rohani (ahli suluk) ke destinasi *Wahdat al-Wujud* ini.

Ibn Taimiyyah *rahimahullah* memiliki pandangan yang mendalam dalam persoalan ini. **Pertama**, beliau menafikan bahawa fahaman *Wahdat al-Wujud* merupakan "destinasi" semua aliran-aliran tasawwuf. Beliau menulis:<sup>34</sup>

Majoriti ahli suluk (mereka yang menempuh perjalanan rohani) yang tidak meyakini fahaman ini (*Wahdat al-Wujud*), mereka mendengar syair Ibn Faridh (632H) dan sebagainya akan tetapi tidak mengetahui

---

<sup>34</sup> *Majmu'ah al-Rasail wa al-Masail* (himpunan risalah oleh M. Rashid Ridha; Lujnah al-Turats al-'Arabi, Kaherah), jld. 1, ms. 69. Konteks perbahasan Ibn Taimiyyah di sini merujuk kepada tiga bentuk fahaman, iaitu *al-Ittihad*, *al-Hulul* dan *Wahdat al-Wujud*.

maksud fahaman tersebut.

**Kedua**, Ibn Taimiyyah membahagikan fahaman *Wahdat al-Wujud* kepada dua kategori, **Kategori pertama** adalah mereka yang meyakini fahaman *Wahdat al-Wujud* secara hakiki. Bagi mereka, yang wujud hanyalah Allah sementara kewujudan selainnya hanya perspektif manusia terhadap kewujudan yang sebenar, iaitu wujud Allah.

Ibn Taimiyyah menolak fahaman *Wahdat al-Wujud* seperti ini serta mengkritik para tokohnya seperti Ibn 'Arabi (638H), Ibn Sab'in (668H), Shadr al-Din al-Qunawi (672H) dan al-Tilimsani (690H). Beliau menegaskan bahawa ia mencemari keesaan Allah, menafikan tugas para Rasul yang berdakwah kepada iman dan amal salih serta membatalkan asas-asas Islam.<sup>35</sup>

Fahaman *Wahdat al-Wujud* seperti ini menyelisihi risalah tauhid yang dengannya Allah mengutus para Rasul, termasuk Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Tauhid yang diajar oleh para Rasul ialah "Allah adalah satu" dan bukan "Segala sesuatu adalah satu." Para Rasul Allah mengajar "Tiada Tuhan selain Allah" dan bukannya "Tiada segala sesuatu selain Allah." Para Rasul Allah juga mengajar manusia untuk mengenal Tuhan dengan memerhatikan kewujudan alam, bukan mengenal Tuhan dengan menjadi tuhan dan menafikan kewujudan alam sekitar.

---

<sup>35</sup> *Majmu'ah al-Rasail wa al-Masail*, jld. 1, ms. 78-90.

Selain itu antara prinsip asas syari'at Islam ialah memerintahkan kita berbuat kebaikan dan meninggalkan kejahanan. Sesiapa yang berbuat kebaikan akan diberi ganjaran syurga manakala sesiapa yang berbuat kejahanan akan diberi azab neraka. Fahaman *Wahdat al-Wujud* membantalkan prinsip di atas. Ini kerana apabila yang wujud hanyalah Allah, bererti tidak wujud apa-apa perbuatan melainkan perbuatan Allah.....sehingga Allah pada akhirnya nanti akan memberi ganjaran kepada diri-Nya sendiri atas kebaikan yang dilakukan-Nya dan mengazab diri-Nya sendiri atas kejahanan yang dilakukan-Nya. Ini jelas mustahil di sisi petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih serta pemikiran yang sihat lagi benar.

**Kategori kedua** adalah mereka yang meyakini fahaman *Wahdat al-Wujud* hanya terjadi sekali sekala hasil daripada pengalaman mistik dan rohani (*mystical and spiritual experience*). Bagi mereka Tuhan adalah Tuhan dan makhluk adalah makhluk. Allah adalah Allah, manusia adalah manusia, bumi adalah bumi, matahari adalah matahari, udara adalah udara dan begitulah seterusnya. Semua yang ada di alam ini selain Allah adalah makhluk Allah dan ia wujud secara hakiki sebagai hasil ciptaan Allah.

Akan tetapi kadangkala apabila seorang ahli suluk (penempuh jalan rohani) mengkhusyukkan dirinya dengan *muraqabat zikriyyah* (upaya menghampirkan diri kepada Allah dengan zikir) sehingga akhirnya dia memperoleh

*mukasyafah* (penyingkapan tabir) dan *musyahdah* (penyaksian) sesuai dengan tahap kejiwaannya (*ahwal*) dan kemantapannya (*maqamat*), dia tidak lagi merasakan kehadiran apa-apa kecuali kehadiran Allah. Pada saat itu, kepada seorang salik (ahli suluk tersebut), tidak ada apa-apa yang wujud kecuali wujud Allah. Ini juga dinamakan *Wahdat al-Wujud* akan tetapi ia bukan kesatuan wujud secara hakiki tetapi kesatuan wujud secara perasaan, persaksian dan indra.

Untuk mengukuhkan fahaman para pembaca, izinkan penulis memberi dua contoh:

Contoh Pertama:

Umpamakan sepasang suami isteri yang sedang bersiar-siar di atas dermaga di tepi tasik, lalu tiba-tiba isterinya terjatuh ke dalam tasik. Tanpa berlengah lagi suami terjun ke dalam tasik untuk menyelamatkan isterinya. Suami terjun tanpa berfikir apa-apa, sama ada tentang pakaianya atau air yang dalam. Oleh kerana kecintaan yang amat sangat, yang difikirkan hanyalah satu iaitu menyelamatkan isterinya. Pada saat tersebut, kepada suami tidak wujud apa-apa kecuali wujud isteri. Kesatuan wujud yang dirasakan oleh suami bukanlah bererti dia dan segala-galanya telah bersatu dengan isterinya tetapi perasaan dan pemikirannya telah bersatu dengan isteri sehingga tidak wujud yang selainnya.

Demikianlah juga bagi seorang salik, setiap yang

wujud tetap berada di tempat kewujudannya. Akan tetapi oleh kerana kecintaannya yang amat sangat kepada Allah, dia hanya merasakan wujud Allah manakala yang selainnya tidak wujud dalam fikiran dan indranya. Ini juga dinamakan *Wahdat al-Wujud* tetapi bukan kesatuan wujud secara hakiki tetapi kesatuan wujud secara perasaan, persaksian dan indra.

Contoh Kedua:

Seorang yang memerhati ke langit pada malam hari akan terpesona dengan gemerlapan bintang yang serba indah. Akan tetapi pada siang hari kegemerlapan bintang tidak lagi kelihatan kerana tersembunyi di sebalik keterangan sinaran matahari. Matahari yang besar lagi berkuasa sinarannya menyembunyikan gemerlapan bintang yang kecil lagi lemah. Malah jika orang yang sama memusatkan pandangannya ke arah matahari, dia tidak lagi dapat melihat apa-apa disebabkan kilauan cahaya matahari. Pada saat itu kepada orang yang memerhati tidak wujud apa-apa kecuali wujud matahari. Akan tetapi ini tidak bermakna bahawa bintang dan segala-galanya tidak wujud sebagaimana sebelumnya. Ia tetap wujud secara di tempatnya masing-masing, hanya pada saat tersebut kebesaran dan kekuasaan matahari menyebabkan yang selainnya tidak wujud daripada persaksian dan indra orang yang memerhati.

Demikianlah juga bagi seorang salik, kesedarannya terhadap kehadiran Allah yang Maha Besar lagi Maha

Agung menyebabkan dirinya dan selainnya terasa amat kecil, tersangat kecil sehingga seolah-olah tidak wujud. Ini juga dinamakan *Wahdat al-Wujud* tetapi bukan kesatuan wujud secara hakiki tetapi kesatuan wujud secara perasaan, persaksian dan indra.

Terhadap *Wahdat al-Wujud* kategori kedua ini, Ibn Taimiyyah tidak menolaknya. Hanya beliau memilih untuk mengistilahkannya sebagai *Fana' al-Syuhud* dan *Wahdat al-Syuhud*, iaitu kebinasaan yang akhirnya menghasilkan kesatuan dari sudut persaksian, perasaan dan indra. Beliau menulis:<sup>36</sup>

Pada keadaan kebinasaan (*fana*) seperti ini adakalanya seseorang itu berkata "Akulah yang maha benar" (أنا الحق) atau "Mahasuci aku" (سبحاني) atau "Tiada apa-apa di dalam jubah ini kecuali Allah" (ما في الجبة إلا الله). Ungkapan-ungkapan seperti ini muncul apabila yang disaksikan binasa daripada kesaksian, yang wujud binasa daripada kewujudan, yang diingati binasa daripada ingatan dan yang diketahui binasa daripada pengetahuan. Ini seumpama seorang yang tenggelam dalam mencintai kekasihnya, lalu pada satu ketika kekasihnya terjatuh ke dalam lautan. Tanpa berlengah dia melemparkan dirinya (ke dalam lautan) di belakang kekasihnya (untuk menyelamatkannya). (Setelah selamat, kekasihnya) berkata: "Apa yang menimpa belakang

---

<sup>36</sup> Majmu' al-Fatawa, jld. 10, ms. 339. Lebih lanjut lihat Majmu' al-Fatawa, jld. 10, ms. 219-220.

aku?"Dia menjawab:"Aku hilang dari diriku keranamu.  
Aku mengira bahawa engkau adalah aku."

Perkara ini diperjelaskan lagi oleh anak muridnya,  
Ibn al-Qayyim *rahimahullah*:<sup>37</sup>

Dan bukanlah yang dimaksudkan oleh mereka (ahli tasawwuf) dengan kebinasaan wujud sebagai kebinasaan segala sesuatu selain Allah pada zahirnya akan tetapi kebinasaan (yang dimaksudkan adalah) daripada kesaksian mereka dan perasaan atau indra mereka. Pada hakikatnya rasa kelenyapan salah seorang daripada mereka itu adalah terhadap selain yang disaksikannya, bahkan kelenyapan juga terhadap penyaksianya dan terhadap dirinya sendiri. Ibadahnya lenyap daripada peribadatan<sup>38</sup>, yang diingatinya lenyap daripada ingatan, yang wujud lenyap daripada kewujudan, yang dicintainya lenyap daripada kecintaan dan yang disaksikannya lenyap daripada persaksian.

Tahap kejiwaan seperti ini dinamakan juga kemabukan (سكر), kelenyapan (اصطلاح), penghapusan (محوا) dan penggabungan (جعوا). Para ahli tasawwuf mungkin membeza-bezakan makna bagi istilah-istilah ini. (Akan tetapi yang penting) kesaksian *qalbu* adakalanya terkalah disebabkan kecintaan dan ingatan kepada Allah

---

<sup>37</sup> *Madarij al-Salikin*, jld. 1, ms 155.

<sup>38</sup> Maksudnya bukanlah tidak perlu beribadah tetapi apabila beribadah yang dirasai bukanlah gerak-geri anggota badan tetapi kekhusukan kepada Allah 'Azza wa Jalla.

hingga ia lenyap dan binasa kerananya. Kemudian dia menduga bahwasanya dia menyatu dan bercampur (امترج) bahkan dia menduga bahwasanya Allah adalah dirinya.

Ini seumpama seorang yang tenggelam dalam mencintai kekasihnya, lalu pada satu ketika kekasihnya terjatuh ke dalam lautan. Tanpa berlengah dia melemparkan dirinya (ke dalam lautan) di belakang kekasihnya (untuk menyelamatkannya). (Setelah selamat, kekasihnya) berkata: "Apa yang menimpa belakang aku?" Dia menjawab: "Aku hilang dari diriku keranamu. Aku mengira bahawa engkau adalah aku."

Apabila akalnya kembali kepadanya, dia mengetahui bahawa pada keadaan tersebut dia telah terkeliru. Ini kerana pada hakikatnya perkara tersebut sebenarnya berbeza-beza. Tuhan adalah tuhan dan hamba adalah hamba. Pencipta (Allah) adalah berbeza dengan yang dicipta-Nya. Tidaklah pada ciptaan-ciptaan-Nya sesuatu jua yang berasal daripada Zat-Nya dan tidaklah pada Zat-Nya sesuatu jua yang berasal daripada ciptaan-ciptaan-Nya. Akan tetapi pada keadaan jiwa yang kemabukan, penghapusan, kelenyapan dan kebinasaan, kemungkinan daya pembeza (yang membezakan antara Pencipta dan yang dicipta) menjadi hilang.

Walaubagaimanapun, Ibn Taimiyah tidak mengesyorkan *Fana' al-Syuhud* atau *Wahdat al-Syuhud* sebagai destinasi para ahli suluk. Ini kerana berusaha

mencapai tahap keadaan tersebut tidak pernah dikenali pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat baginda *radhiallahu 'anhum*. Seandainya perkara tersebut bermanfaat, pasti baginda akan melakukannya dan mengajarnya dan ia diamalkan oleh para sahabat sehingga sampai kepada kita melalui riwayat-riwayat yang sahih. Antara lain beliau berkata:<sup>39</sup>

Sesungguhnya para sahabat *radhiallahu 'anhum* adalah orang yang paling sempurna, yang paling bertaqwa dan paling mantap dalam tahap kejiwaan (الْأَحْوَال) dan keimanan. Akan tetapi tidak pernah hilang daripada mereka kewarasan atau lahir daripada mereka keadaan seperti pengsan (غُشٰى), mengigau (صُقُّى), mabuk (سُكُّر), kebinasaan (فَنَاء), tenggelam cinta (وَلَهُ), atau kegilaan (جُنُون). Sesungguhnya hal seperti ini hanya bermula pada zaman tabi'in daripada kalangan ahli ibadah di Basrah. Di kalangan mereka ada yang pengsan apabila mendengar bacaan al-Qur'an bahkan di antara mereka ada yang mati.

Akhir sekali, pandangan Ibn Taimiyah tentang *Wahdat al-Wujud* dapat dirumuskan sebagai berikut:

1. *Wahdat al-Wujud* bukan merupakan tujuan majoriti ahli tasawwuf. Malah ia juga bukan merupakan sesuatu yang disunnahkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan diteladani oleh para sahabat baginda *radhiallahu 'anhum*. Ini

---

<sup>39</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 10, ms. 220.

menunjukkan bahawa *Wahdat al-Wujud* tidak termasuk dalam tujuan agama dan bukan merupakan destinasi para ahli suluk yang berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

2. Ibn Taimiyyah menolak mereka yang memahami *Wahdat al-Wujud* secara hakiki.
3. Menurut Ibn Taimiyyah dan anak muridnya Ibn al-Qayyim, fahaman *Wahdat al-Wujud* yang dipegang oleh sebahagian ahli tasawwuf yang cenderung kepadanya bukanlah kesatuan hakiki tetapi kesatuan perasaan, persaksian dan indra yang dialami secara mistik dan rohani. Ibn Taimiyyah menggelar fenomena ini sebagai *Fana' al-Syuhud* dan *Wahdat al-Syuhud*.
4. Ungkapan-ungkapan aneh (*syathahat*) yang lahir daripada seorang salik ketika jiwanya berada pada tahap *Wahdat al-Wujud* (atau *Wahdat al-Syuhud*) tidak menjadikannya kafir kerana pada saat itu dia berada dalam keadaan yang tidak dapat membezakan antara yang benar dan salah. Ibn al-Qayyim berkata:<sup>40</sup>

Dihikayatkan daripada Abu Yazid (al-Bustami) bahawa dia pernah berkata: "Mahasuci aku" atau "Tiada apa-apa di dalam jubah ini kecuali Allah" dan yang seumpama. Jika ia lahir

---

<sup>40</sup> *Madarij al-Salikin*, jld. 1, ms. 155.

dari padanya pengungkapnya padahal akalnya hadir bersama, pasti dia menjadi kafir. Akan tetapi (jika pada saat itu) daya pembeza dan daya perasaan hilang, maka pena pencatat amal diangkat baginya. Dalam keadaan *fana'* seperti ini, sesuatu yang lahir dari padanya ada yang terpuji dan ada yang tercela namun (dia) diampuni.

### **Kata Penutup.**

*Alhamdulillah*, melalui kertas kerja ini sedikit sebanyak kita telah dapat mengenali kepentingan tasawwuf di dalam Islam dan pandangan Ibn Taimiyah terhadapnya. Ringkasnya:

1. Ilmu tasawwuf memiliki peranan yang penting di dalam Islam. Kepentingan tasawwuf tidak terletak pada asal usul namanya atau amalan-amalan pelik yang disandarkan kepadanya. Akan tetapi kepentingan tasawwuf terletak pada intipati ajarannya yang selari dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih.
2. Setiap bidang ilmu pasti akan ada orang yang bersikap ekstrim dan menyalah-gunakannya. Ilmu tasawwuf tidak terkecuali daripada hal ini. Sikap kita yang benar terhadap masalah ini bukanlah membuang ilmu tasawwuf secara keseluruhannya

tetapi mendalaminya hingga dapat dibezakan antara yang hak dan batil.

3. Inilah juga merupakan pandangan dan sikap Ibn Taimiyyah dalam tasawwuf. Beliau mengkaji dan mengkritik ilmu tasawwuf bukan kerana tasawwuf itu sendiri tetapi kerana beberapa fahaman dan amalan menyeleweng yang disandarkan atas nama tasawwuf.
4. Ibn Taimiyyah bukan sekadar mengkaji ilmu tasawwuf tetapi beliau menyelaminya hingga mampu melihat keindahan dan warna-warnanya yang sejati. Penyelamannya ini menyebabkan beliau mampu membuka rahsia-rahsia tasawwuf dan melihatnya dari sudut yang tidak dapat dilihat oleh orang yang berada di atas permukaan.
5. Memandangkan pada masa kini umat Islam telah berada jauh dari al-Qur'an dan al-Sunnah, ditambahi dengan banyaknya kerosakan yang dilakukan oleh orang-orang yang menyandarkan diri mereka kepada ilmu tasawwuf, disarankan sikap berhati-hati lagi berwaspada bagi sesiapa yang ingin menceburinya.

Merujuk kepada tema "Seminar Pemikiran Ibn Taimiyyah", terdapat beberapa pola pemikiran Ibn Taimiyyah yang dapat diteladani hasil daripada kajian kita terhadap pandangan beliau dalam tasawwuf:

1. Hendaklah seseorang itu benar-benar mengkaji sesuatu perkara sebelum mengeluarkan sebarang pendapat terhadapnya. Sebagai contoh, perhatikan pujian Ibn Taimiyyah kepada sebahagian besar tokoh tasawwuf dan kritikan beliau kepada pendapat serta ijtihad sebahagian kecil yang lain. Tidak mungkin beliau mampu berbuat demikian melainkan setelah mengkaji dan mendalami semua hasil tulisan (kitab-kitab) para tokoh tersebut.
2. Setiap perkara memiliki unsur baik dan buruk. Lazimnya unsur yang buruk menutupi unsur yang baik. Oleh itu janganlah menilai semata-mata berdasarkan unsur buruk yang ada di permukaan, tetapi selamalah ia untuk melihat unsur baik yang terselindung di bawahnya.
3. Jangan mengeneralisasikan pandangan dan analisa ke atas sesuatu perkara, akan tetapi hendaklah dipisah-pisahkan antara yang baik dan buruk, terpuji dan tercela.
4. Ukuran pemisah antara baik dan buruk, terpuji dan tercela ialah al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih berdasarkan pemahaman generasi awal umat Islam, *al-Salaf al-Shalih*. Al-Qur'an dan al-Sunnah sahaja tidak mencukupi kerana banyak aliran menyeleweng dahulu dan kini juga merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah seumpama *Syi'ah al-Rafidhah*, *Golongan Anti-Hadis*, dan *Golongan Modenis*.

## **Solat Sunat Hajat: Perlukah Berjemaah?**

Oleh:

Badrul Hisham bin Sulaiman<sup>41</sup>

Seolah-olah sudah menjadi satu kemestian bagi masyarakat Melayu di Kelantan, apabila mereka mempunyai sebarang hajat, maka akan dijemput tok imam, beberapa orang jiran tetangga untuk datang ke rumah bagi tujuan menunaikan solat sunat hajat berjemaah. Seterusnya menjamu selera dengan sedikit hidangan yang disediakan oleh tuan rumah (empunya hajat).

Sudah berapa lama adat dan kebiasaan sebegini berkembang dalam masyarakat, saya sendiri tidak pasti kerana dari segi fakta sejarahnya tidak diketahui secara tepat bilakah ianya bermula. Maka di dalam risalah ini, saya akan cuba membuat analisa dan kajian secara ilmiyyah terhadap amalan ini; adakah semestinya ia diteruskan secara berjemaah atau memadai secara bersendirian. Atau dengan lain perkataan, cara yang mana satukah dikira lebih menepati sunnah?

Apa yang saya tulis, hanya sekadar analisa untuk

---

<sup>41</sup> Penulis sekarang bertugas sebagai guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) di Maahad Tahfiz Al-Qur'an Wal Qiraat, Pulai Chondong, Machang, Kelantan.

membina percambahan minda. Terpulang kepada individu itu sendiri, sama ada mahu menerima atau sebaliknya. Bukanlah niat saya untuk mengubah kebiasaan yang sudah sebatи dalam masyarakat, tapi sekurang-kurangnya biarlah kita benar-benar memahami sesuatu permasalahan agama dengan beramal mengikut disiplin ilmu yang memberi keyakinan.

## **Pensyariatan Solat Hajat**

### **Dalil pertama:**

Di dalam kebanyakan kitab-kitab Fekah Mazhab, ulamak-ulamak dalam mazhab berhujah dengan hadis Riwayat Adullah bin Abi Aufa *Radhiyallahu 'anh*, hadis dikeluarkan oleh Ibnu Majah: Nas hadis seperti berikut:

*Dari Abdillah bin Aufa Al-aslamiy katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi wasallam keluar (menemui kami) dan berkata: "Sesiapa yang ada sebarang hajat kepada Allah atau kepada seseorang di kalangan makhluk-Nya (manusia) maka hendaklah dia berwudhu' dan solat dua rakaat kemudian dia berkata (berdoa):*

*Tiada Ilah melainkan Allah yang bersifat Al-Halim dan Al-Karim, maha suci Allah Tuhan yang memiliki Arasy yang agung, Segala puji bagi Allah Rabb seluruh alam, Ya Allah! Aku memohon kepada engkau wajiblah ku mendapat rahmat-Mu, kemestian memperolehi keampunan-Mu, kaya dengan segala kebaikan, selamat sejahtera dari sebarang dosa, aku memohon kepada-Mu agar tidak engkau biarkan bagiku sebarang dosa melainkan diampunkan, tiada kedukaan melainkan dilepaskannya (dariku), tiada sebarang hajat demi redha-Mu melainkan engkau tunaikannya bagiku", kemudian mintalah kepada Allah dari sebarang urusan dunia dan akhirat apa yang dia kehendaki, maka sesungguhnya Dia (Allah) yang menentukan.*

Status hadis dinilai oleh As-Syaikh Nasiruddin Al-Albani di dalam *Misykatu Al-Masabih* sebagai Hadis *maudhuk* (palsu) no.hadis 1327, Di dalam *Dhaif Sunan Ibnu Majah* beliau menilai sebagai *Dhaif Jiddan* (sangat lemah) no.hadis 1384. Hadis juga dikeluarkan oleh Imam

Tirmizi(397H) dan beliau menilainya sebagai lemah, kerana pada sanadnya seorang yang bernama Faid bin Abdul Rahman (seorang yang dhaif, nama asalnya Abu Al-Warqa')<sup>42</sup>. Hadis yang sama dikeluarkan juga oleh Al-Hakim didalam *Al-Mustadrak Ala As-Sahihain* <sup>43</sup>.

Seandainya hadis ini memiliki status sahih sekali pun ia tidak mempunyai sebarang *qarinah* (petunjuk) yang memberi isyarat bahawa solat sunat hajat ditunaikan secara berjemaah. Al-Imam An-Nawawi (676H) telah menyebut dalam Kitab *Al-Majmuk Syarh Al-Muhazzab*:

Satu fasal: Masalah-masalah berkaitan dengan bab solat sunat ....(Ada sepuluh perkara yang disebut...) yang keenam: tentang solat hajat daripada Ibn Abi Aufa. <sup>44</sup>

Perkara seumpama ini dinyatakan di dalam kitab *Asna Al-Matalib*,<sup>45</sup> dan di dalam kitab *Syarah Muntaha Al-Iradat*<sup>46</sup>.

---

<sup>42</sup> Sunan Tirmizi, Syarah Dan Tahqiq Ahmad Muhammad Syakir, Dar Al Fikr jilid 2 ms 344. hadis no: 479.

<sup>43</sup> *Al-Mustadrak Lil Hakim Ala As-Sahihain*, Al-Hafiz Abi Abdillah Muhammad bin Abdullah Al-Hakim Al-Naisaburi, Tahqiq Mustafa Abdul Qadir 'Ata Juz 1, ms 466, dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, hadis no: 1199.

<sup>44</sup> Lihat *Al-Majmuk Syarh Al-Muhazzab*, Al-Imam Abi Zakaria Mahyuddin bin Syarah An-Nawawi, Juz 4, Dar Al-Fikr, ms 55.

<sup>45</sup> Lihat *Asna Al-Matalib*,Furu' waktu witir dan tarawih. juz 3, ms 213.

<sup>46</sup> Lihat *Syarah Muntaha Al-Iradat*, Fasal: Pada menyatakan solat malam, (Fiqh Hanbali), 2/76

### **Dalil kedua:**

*Dari Uthman bin Hunaiif Radhiallahu 'anh:  
Bahawa seorang lelaki buta datang kepada Rasulullah sallallahu alaihi wasallam, maka dia berkata:*

*Wahai Rasulullah! Berdoalah kepada Allah agar Dia menyingskapkan kembali pandangan mataku, Dan (Rasulullah) berkata: Atau aku biarkan engkau (terus dalam keadaan buta).*

*Lelaki buta berkata: Sesungguhnya telah menyukarkan aku akan kehilangan pandangan mataku ini.*

**Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda: Pergilah engkau berwuduk, kemudian solatlah dua rakaat kemudian bacalah (berdoa):**

*"Ya Allah sesungguhnya aku memohon kepada Engkau dan aku bertawajjuh (menghalakan) permintaanku kepada-Mu dengan nabiiku nabi*

**pembawa rahmat<sup>47</sup>, Ya Muhammad sesungguhnya aku bertawajjud kepada Tuhanmu dengan (keberkatan dirimu) agar Dia menyingskapkan mataku (mengembalikan penglihatanku)".**

**Nabi berkata: "Ya Allah: Syafaat dia dengan sebab diriku, syafaatkan aku pada diriku. Dia (si buta) kembali (ke rumahnya) dalam keadaan matanya telah Allah jadikan pulih seperti biasa (dapat melihat semula)."<sup>48</sup>**

Hadis ini dikeluarkan oleh Al-Imam An-Nasai di dalam *Sunan Al-Kubra* hadis no: 10496. Dimasukkan juga oleh Al-Hakim di dalam *Al-Mustadrak*.<sup>49</sup> Hadis ini dinilai sahih oleh Syaikh Nasiruddin Al-Albani di dalam *Sahih At-Targhib Wa Tarhib*, hadis no: 678. Pengarang asal kitab berkenaan Al-Imam Al-Munziri (*Al-Hafiz Zakiyyudin Al-Azim Al-Munziri Ad-Dimasyqi*) meletakkan Hadis ini

---

<sup>47</sup> Doa seperti ini termasuklah bab tawassul. Hanya 3 sahaja cara tawassul yang disepakati (ittifaq) di kalangan ulamak. Kata Syaikh Al-Albani "*Dalam cerita si buta ini, dia hanya bertawassul dengan doa Nabi, bukannya dengan tubuh badan Nabi dan kedudukannya sebagai Rasul. Untuk penjelasan lanjut rujuk buku saya (At Tawassul An wa'hu Wa Ahkamahu)*". Lihat *Sahih At-targhib Wa At Tarhib*. bahagian nota kaki ms 357. Walau bagaimana ianya adalah masalah khilafiyah yang masyhur di kalangan ulamak.

<sup>48</sup> *Sahih Sunan Ibn Majah*, Nasiruddin Al-Albani hadis no: 1385. Jilid 1 ms 231. Maktab At-Tarbiyyah Al-Arabi.

<sup>49</sup> *Al-Mustadrak 'Ala As-Sahihain Lil- Imam Al-Hafiz Abi Abdillah Muhammad bin Abdullah Al-Hakim An-Naisaburi*, Juz 1/ ms 458, hadis no: 1180. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah. Beirut, Lubnan.

dibawah tajuk: "galakan pada menunaikan solat hajat dan doanya".

Matan hadis ini satu-satunya matan hadis sahih yang dapat dikesan dalam bab solat hajat. Cuma di dalam riwayat Imam Tirmizi pula tiada disebut "**sembahyanglah dua rakaat**".

#### **Kefahaman Dan Pengajaran (*Istinbat*) Dari Hadis Uthman Bin Hunaif *RadhiAllahu 'anh*:**

- Diharuskan kita meminta pertolongan dari orang lain yang lebih baik darjat dan kedudukannya di sisi Allah *Subhanahu Wataala* untuk mendo'akan bagi pihak orang yang berhajat seperti mana dalam kisah si buta yang datang berjumpa Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* memohon agar didoakan untuknya supaya dapat melihat kembali.
- Orang yang dipohon pertolongan kepadanya pula berhak memilih samada untuk menolak atau pun menunaikan hajat orang yang berhajat. Berkaitan dengan kelebihan orang buta yang sabar dengan keadaan dirinya yang buta dinyatakan dalam hadis lain dalam Sahih Bukhari: hadis no: 5653<sup>50</sup>.



---

<sup>50</sup> *Fath Al-Bari Syarh Sahih Bukhari*, Al-Hafiz Ahmad bin Ali bin Hajar Al-Asqalani, Juz 10/ ms 116. Dar Al-Makrifah. Beirut Lubnan.

***Apabila Aku menguji hamba-Ku dengan dua kekasihnya(dua biji matanya) maka dia bersabar, Aku gantikan untuknya (dari dua matanya yang buta) dengan syurga.***

- Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* menyuruh orang buta yang “berhajat” itu sendiri yang melaksanakan permohonan hajatnya kepada Allah. Perhatikan maksud yang dipetik dari hadis berkenaan “**Pergilah engkau berwudhuk, kemudian solatlah dua rakaat kemudian bacalah (berdoa)**”. Ungkapan “maka pergilah engkau” diterjemah dari sabda Nabi (! !! !!).

Ungkapan ini jelas membawa pengertian bahawa Nabi *Sallallahu alaihi wasallam* tidak mahu “memanjakan” umatnya melakukan sesuatu dengan bergantung harap sepenuhnya kepada orang lain. Baginda lebih suka seseorang itu sendiri yang melakukannya, apatah lagi dalam urusan hajat yang berbentuk “peribadi” seperti memohon orang lain tolong doakan untuk kita.

Ini bukanlah bermaksud, kita ditegah sama sekali memohon pertolongan dari orang lain untuk mendoakan bagi pihak kita. Cuma janganlah terlalu berlebih-lebihan dalam meminta dan hilang keyakinan untuk melakukan sendiri. Tiada menjadi kesalahan sekali-sekala kita meminta si fulan ini atau si fulan itu (yang dilihat sebagai sebagai orang yang alim yang warak lagi bertaqwah) mendoakan kebaikan bagi pihak

kita.

Berdoalah kepada Allah dan tanamkan keyakinan di hati bahawa hajat kita akan diperkenankannya. Sehubungan dengan tajuk doa ini, Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

!!!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!  
!! ﴿ !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!  
!!!!!! !!!

***Dari Abi Hurairah bahawa Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam bersabda: Berdoalah kepada Allah dan kamu yakin diperkenankan permintaanmu, dan ketahuilah Bahawa Allah tidak memperkenankan doa dari hati yang lalai dan leka.”<sup>51</sup>***

- Perhatikan dan renungkan keseluruhan maksud hadis ini. Lihatlah betapa besarnya hajat lelaki yang buta ini. Bayangkan juga betapa gembiranya hati beliau apabila matanya yang buta dapat celik semula. Namun, perasankah kita bahawa hadis ini tidak mengambarkan adanya sebarang *qarinah* (petunjuk atau isyarat) bahawa solat hajat yang ditunaikan oleh lelaki itu

---

<sup>51</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh At-Tirmizi dalam Sunannya, hadis no: 3479. Tahqiq Ahmad Muhammad Syakir, Dar Al-Fikr jilid 5/ms 483. Dinilai Sahih oleh Al-Albani dalam *Silsilah Al-Ahadith As-Sahihah*, hadis no: 594.

dilakukan secara berjamaah.

Tiada bukti bahawa Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* memanggil beberapa sahabat yang lain untuk ditunaikan solat hajat berjamaah di masjid atau pun di rumah. Seandainya hajat yang sebesar ini tidak dilakukan berjamaah, apakah alasan kita bahawa hajat sekecil "*dompet duit hilang*", atau "*si anak di rumah nak masuk periksa UPSR atau PMR atau lain-lain peperiksaan*", lalu kita merasakan seakan tidak sempurna permohonan hajat kita kepada Allah tanpa ada solat hajat berjemaah.

- Hadis ini juga menunjukkan bahawa permohonan hajat boleh dilakukan dalam tiga bentuk:
  1. Berwudhuk dan berdoa (tanpa solat) sebagaimana dalam riwayat Imam A-Tirmizi.
  2. Berwudhuk, solat (sendirian) dan berdoa (sebaiknya berdoa pada waktu yang mustajab doa seperti doa selepas solat fardhu atau berdoa pada waktu akhir malam sebelum masuk waktu solat subuh dan sebagainya).
  3. Meminta bantuan dari pihak lain khususnya dari orang yang alim dan bertaqwa menunaikan solat dan berdoa bagi pihak kita. Tetapi bukanlah bermaksud dibuat berjemaah. Memadai si alim itu melakukannya sendirian di rumah. Cuma cara ini kurang digalakkan kerana Islam menggalakkan

seseorang berusaha sendiri dan belajar ilmu tentang cara solat hajat dan bacaan doa.

Alasan yang biasa didengar "*kami minta tok imam tolong buat sembahyang hajat, sebab kami tak berapa pandai nak buat sendiri dan tak tahu doa dalam bahasa Arab*". Atau mungkin pelbagai lagi alasan lain yang dikemukakan. Soalnya sampai bila masyarakat hendak dibiarkan manja dengan bergantung harap kepada orang lain. Bukankah menuntut ilmu satu kefarduan. Sabda Nabi *Sallallahu alaihi wasallam* dari riwayat Anas bin Malik:

!!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !

***Menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap Muslim***<sup>52</sup>

Mungkin apa yang berlaku dalam kes "solat hajat berjemaah" adalah implikasi dari budaya taqlid yang sudah begitu lama berakar umbi dalam masyarakat hingga budaya beramat mengikuti disiplin ilmu yang tepat dan sahih hampir lenyap dan pupus. Semuanya berpegang kepada kaedah "*pakai main tiru*" dan "*ikut apa yang orang ramai buat*". Budaya "*ikut apa yang orang ramai buat, kita pun buat sama*" sudah lama membarah dalam masyarakat, hinggakan di kalangan ilmuan Islam (para ustaz, orang-orang alim dan tuan-tuan guru) turut sama terbabit dalam

---

<sup>52</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan dinilai Sahih oleh Mahmud Muhammad Mahmud dalam semakannya ke atas *Sunan Ibn Majah*, hadis no: 224 (Dar Kutub Al-Ilmiyah).

amalan yang bukan sebahagian dari budaya di zaman Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam*, zaman sahabat muhun pun zaman tabiin.

Seandainya, dilontarkan pertanyaan kepada golongan yang belajar bidang agama tentang masalah solat hajat berjemaah, bukan semua mampu memberikan jawapan yang meyakinkan. paling tidak pun ada yang berkata "*buat apa nak bising, masalah inikan masalah khilafiyah, nak buat berjemaah pun boleh, tak nak buat berjemaah pun boleh*".

Lebih mendukacitakan yang belajar sekolah agama pun jawab macam orang kampung yang tidak mengaji sekolah agama "*lihat tu, ramai orang alim turut sama buat, jadi tak betul ke kalu kita buat berjamaah*". Ada juga yang kata "*Tidakkah kita digalakkan solat berjemaah kerana ianya lebih afshal dari solat sendirian*".

Jawapan-jawapan sebegini menggambarkan tahap mentaliti masyarakat Melayu yang berbeda-beda. Kalau beginilah cara berfikir golongan agamawan kita, maka tak peliklah masyarakat terus menerus dibelenggu budaya taqlid dan tiada langsung kesedaran hidup beragama berpandukan sumber ilmu yang tepat. Jauh sekali membentuk jiwa yang bermotivasi dalam bab menuntut ilmu.

Beginilah sikap orang kita dalam soal kehidupan beragama yang sepatutnya dikaji semula. Kita suka ambil

sikap mudah dan buat ala kadar. Pada hal dalam urusan keduniaan kita begitu prihatin. Contoh: sekiranya kita menerima bil telefon yang tinggi dari kebiasaannya, sudah tentu kita segera bergegas ke Kedai Telekom mahu mengenal pasti apa sebabnya. Atau kita merasakan mungkin ada pihak lain yang curi *line* telefon rumah kita.

Namun dalam urusan ibadat dan agama, kita mengambil sikap "*pandang sebelah mata dan buat tak kisah*". Apa yang saya ingin maksudkan di sini kita perlu bergerak membina kesedaran untuk kembali beramal mengikut zaman Rasulullah dan para sahabat baginda; atau dengan lain perkataan usaha membawa "pembaharuan" (tajdid) dalam masyarakat kita perlu digiatkan.

Majlis-majlis pengajian ilmu perlu diubah pendekatannya. Minda masyarakat perlu "dibedah" untuk dibuang penyakit fanatik dengan amalan tradisi hingga sukar menerima kebenaran. Kenapa saya mengatakan kita perlu kembali kepada beramal mengikut pendekatan para sahabat? Ini kerana generasi sahabat adalah adalah generasi yang paling baik. Diakui oleh Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam*: Lihat hadis berikut:

!! !!!!!!! !! !!!! !!!!!!! !! !!!! !! !!!! !!!!!!

***Sebaik-baik (golongan) manusia ialah yang hidup di zamanku, kemudian orang-orang yang selepasnya, kemudian orang-orang yang***

**selepasnya.<sup>53</sup>**

Kelebihan dan keistimewaan para sahabat lebih menyerlah dari matan hadis berikut:

!!!!!! !!!!!!! !!!! !!! !!!!!!! !!! !!!!!!!  
!!!!!! !!! !!!!!!!

***Jangan kamu cerca (caci dan maki) sahabat-sahabatku! Maka kalaullah seseorang di antara kamu membelanjakan emas seumpama bukit Uhud (banyaknya)tidaklah sampai (nilainya)menyamai seperti secupak atau setengah cupak yang mereka (sahabat-sahabatku) belanjakan.<sup>54</sup>***

Seandainya solat hajat secara berjemaah merupakan cara yang terbaik mengikut dakwaan sesetengah pihak, sudah tentu para sahabat yang terlebih dahulu melakukannya. Tetapi tidak ada satu pun riwayat di dalam mana-mana kitab Hadis atau Kitab Sirah, samada riwayat itu sahih, hasan atau dhaif menyebut ada sesiapa di kalangan sahabat pernah melakukannya. Tidak ada dan

---

<sup>53</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Bukhari dalam Sahihnya, hadis no: 2652 Bab "Tidak boleh diambil Penyaksian dari saksi yang zalim apabila dia bersaksi". Rujuk *Fath Al-Baari Syarah Sahih Bukhari*, Ibn Hajar Al-Asqalani jilid 5/ ms 258, Dar Al Makrifah, Beirut, Lubnan.

<sup>54</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Bukhari dalam Sahihnya, hadis no: 3673. Bab "Kata-kata Nabi (*Kalau aku mengambil kekasih..*)". Lihat *Fath Al-Baari Syarah Sahih Bukhari*, Ibn Hajar Al-Asqalano jilid 7/ ms 21. Dar Al-Makrifah, Beirut, Lubnan.

memang tidak ada. Sedangkan mereka juga manusia yang mempunyai hajat seperti kita. Ya! mereka hanya tunaikan solat hajat bersendirian di rumah atau mungkin di masjid tanpa berjemaah!

Ada setengah pihak menganggap hadis Uthman bin Hunaif bukan dalam bab solat hajat, tetapi dalam bab doa. Saya kehairanan mendengar jawapan sebegini kerana hadis tersebut secara jelas dimasukkan di bawah tajuk "Galakan pada solat hajat dan doanya" seperti yang telah dinyatakan. Bahkan dalam matan hadis pun ada disebut "*Maka tunaikanlah solat (hajat) dua rakaat*".

Jadi adakah dikira wajar, matan hadis ini bukan dalam bab solat hajat, tapi hanya dalam doa sahaja? Saya memberikan soalan ini kepada pembaca maka terpulanglah kepada pembaca mencari sendiri jawapannya. Diharap pembaca dapat bersabar untuk terus membaca risalah ini hingga ke akhirnya. Sekarang kita lihat pula dalil seterusnya.

### **Dalil ketiga**

Sebenarnya dalil ketiga ini, pada hakikatnya tiada kaitan dengan bab solat hajat berjemaah, tetapi terpaksa saya masukkan juga untuk perbahasan selanjutnya memandangkan ada pihak mendakwa ianya ada hubung kait dengan persoalan solat hajat berjemaah. Benar atau tidak dakwaan itu, sama-sama kita lihat nanti.

Pihak yang berkenaan mendakwa di dalam sesetengah kitab Fekah Mazhab Al-Imam As-Syafie *Rahimahullah*, ada di kalangan ulamak yang berpendapat hukum keharusan menunaikan solat hajat berjemaah dirujuk kepada umum satu riwayat hadis dalam Sahih Bukhari.

Hadis yang dimaksudkan ialah Hadis Itban bin Malik. Sebelum saya kemukakan hadis berkenaan, sukalah dimaklumkan bahawa setelah dibuat analisa dan kajian, rupa-rupanya di dalam Sahih Bukhari, hadis riwayat Itban Bin Malik diulang pada tujuh tempat yang berlainan, dengan tajuk yang berlainan tetapi matan hadis yang hampir sama. Oleh kerana hadisnya agak panjang, maka saya terus kepada terjemahannya dan manakala matan asal yang dibawakan di sini diambil bahagian akhir hadis:

Matan ini diambil dibawah tajuk "Solat Sunat Berjemaah" dari hadis riwayat Anas dan Aisyah. Ceritanya begini:

***Seorang rawi hadis yang bernama Mahmud mengatakan bahawa dia ada mendengar Itban bin Malik yang merupakan salah seorang sahabat yang telah ikut serta ke medan peperangan Badar, ada berkata:***

***Adalah aku menjadi imam bagi masyarakat kampungku (Bani Salim). Tapi oleh kerana antara rumahku dan tempat solat mereka (Bani Salim) ada***

*wadi (lembah) yang mana apabila turun hujan aku tidak dapat pergi solat fardhu berjemaah bersama mereka. Maka sangat sukar bagiku untuk melepassi lembah berkenaan untuk menuju ke masjid.*

*Jadi aku pun pergi bertemu Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam dan memberitahunya: Pandangan mataku kurang baik (masalah penglihatan yang lemah), manakala kawasan berlembah antara rumahku dan orang-orang kampungku telah menghalangku untuk ke tempat solat kerana lembah berkenaan dipenuhi air selepas hujan turun. Sukar untukku melintasinya.*

*Jadi aku merasa suka kalau engkau Ya Rasulullah boleh datang ke rumahku untuk solat fardhu berjemaah di mana akan ku jadikan satu kawasan tertentu di dalam rumah sebagai tempat solat (musolla).*

*Maka berkatalah Rasulullah:*

!!y!!!!!!!! !!!!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! !  
!!!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! !  
!! !!!!! ! ! !y!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! !  
!! ! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !y!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! ! !!!!! ! !  
!! ! !!!!! ! ! ! ! ! ! ! ! !f!!! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! !

!!!

*Saya akan lakukan (tunaikan permintaanmu), maka datanglah Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam kepada ku di waktu siang hari bersama Abu Bakar Radhiallahu 'anh ketika waktu hari sudah meninggi (sudah masuk solat zohor).*

*Rasulullah meminta izin untuk masuk (ke dalam rumah) maka aku pun izinkan, baginda tidak terus duduk sehingga dia berkata: Di manakah engkau suka aku bersolat di rumah mu ini?*

*Maka aku isyaratkan ke satu tempat yang aku suka bersolat di situ. Maka Rasulullah berdiri dan bertakbir, kami berdiri dalam saf di belakangnya. Dia bersolat dua rakaat kemudian memberi salam dan kami turut memberi salam ketika baginda memberi salam.*<sup>55</sup>

Kata Ibn Hajar (852 H) di dalam Fath Al-Bari:

Ibnu Wahab meriwayatkan dari Malik bahwasanya tidak mengapa mengimamkan seseorang itu untuk satu kumpulan dalam solat sunat. Adapun solat (sunat) yang ianya sudah masyhur (diketahui) dan dihimpunkan manusia untuk menunaikannya (contohnya

---

<sup>55</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Bukhari dalam Sahihnya, hadis no: 1186. Lihat *Fath Al-Bari Syarah Sahih Bukhari* Ibn Hajar Al-Asqalani jilid 3/ ms 62. Dar Al-Makrifah. Beirut Lubnan.

solat sunat terawih) maka tidaklah mengapa. Ini berdasarkan kaedah (usul) *sad az zarai'*<sup>56</sup> kerana dikhawatir orang yang tidak mengetahui akan menyangka bahawa solat sunat (yang ditunaikan berjemaah) itu adalah fardhu."<sup>57</sup>

Apa yang dapat difaham dari hadis Itban bin Malik bahawa solat sunat yang ditunaikan secara berjemaah oleh Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* adalah solat sunat rawatib, bukan solat sunat hajat. Jadi berhujah dengan hadis ini dalam bab solat sunat hajat berjemaah berada dalam kedudukan "pendalilan yang bersifat sangkaan" atau dalam bahasa arab (ظنية الدلالة). Ianya tidak bersifat qati'e dan meyakinkan kerana dalil hadis ini tidak disokong dengan hadis-hadis lain untuk mengisbatkan hukum solat sunat hajat berjemaah.

Bahkan sudah diketahui dari mafhum hadis tadi bahawa kedatangan Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* ke rumah Itban Bin Malik bukan kerana apa-apa hajat lain selain dari memenuhi permintaan untuk menunaikan solat fardhu berjemaah di rumah Itban itu. Untuk memperkuatkan alasan ini, mari kita lihat penjelasan Al-Imam An Nawawi di dalam kitab *Al-Majmuk Syarah*

---

<sup>56</sup> *Sad Az-Zarai' (!د!!!!!!)* bermaksud satu perkara yang dihalang kita membuatnya kerana ditakuti berlaku perkara lain yang lebih besar mafasidnya (kesan buruknya). Lihat *Al-Wajiz Fi Usul Fiqh* Abdul Karim Zaidan, ms 245, Muassasah Ar-Risalah, Beirut.

<sup>57</sup> *Fath Al Bari* jilid 5/ms 62.


*Muhazzab:*

Fasal pada menyatakan masalah-masalah yang berkaitan bab solat sunat, (Perkara kelapan) Sesungguhnya telah (disebut) bahawa *nawafil* (solat-solat sunat) tidak disyariatkan berjemaah padanya kecuali solat dua hari raya (idul fitri dan idul adha), dua solat gerhana (bulan dan matahari), solat istisqa' (minta hujan) demikian juga solat tarawih dan witir sesudahnya, apabila kita mengatakan adalah lebih tepat bahawa ditunaikan berjemaah padanya (tarawih dan witir) ianya afdhal,

Dan adapun solat-solat sunat yang lain-lain seperti sunat-sunat rawatib yang (mengiringi) solat fardhu, sunat dhuha<sup>58</sup> dan solat-solat sunat mutlak maka

---

<sup>58</sup> Berkenaan solat dhuha berjemaah ianya pernah berlaku di zaman sahabat, bukan zaman Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam*. Sebuah Athar dari Mujahid, katanya:



"Aku, Urwah bin Az-Zubair masuk ke masjid, kami tiba-tiba didapati Abdullah bin Umar sedang duduk bersandar ke bilik (rumah) Aisyah Radhiallahu 'anha, dan tiba-tiba (aku terlihat) beberapa orang sembahyang di dalam masjid solat dhuha (berjemaah), maka kami bertanya (kepada Ibn Umar) tentang solat mereka itu, jawab Ibn Umar: "Bid'ah !. Lihat Fath Al-Baari Syarh Sahih Bukhari, hadis no: 1775. Bab "Berapa kali Nabi berumrah?", jilid 3/ ms 599.

Komentar dari penulis, Ibn Umar mengatakan bid'ah kerana solat sunat dhuha tiada asalnya dilakukan berjemaah. Tetapi keharusan

tidak disyariatkan berjemaah iaitu tidak diharuskan, tetapi kalau seseorang itu tunaikan berjemaah adalah harus dan tidak dikatakan makruh.

Dan Al-Imam As-Syafie (202H) telah menaskan (mewartakan) di dalam dua buah kitab Mukhtasar Al-Buwaiti dan Ar-Rabi' bahawasanya tak mengapa berjemaah dalam solat sunat dan dalil keharusannya berjemaah ialah hadis -hadis yang banyak di dalam kitab sahih, di antaranya Hadis Itban Bin Malik *Radhiallahu 'anh*.<sup>59</sup>

Seandainya diperhatikan betul-betul teks (nas) yang diberikan oleh Al-Imam As-Syafie *Rahimahullah* sebagaimana yang dinukilkan semula Al-Imam An-Nawawi di dalam kitab Al-Majmuk: tidak disebut di dalamnya solat sunat hajat. Yang disebut hanya solat sunat rawatib, solat sunat dhuha dan solat sunat mutlak". Perhatikan kata-kata Al-Imam As-Syafie "tetapi... kalau ditunaikan solat sunat berjemaah adalah harus.."

Ungkapan "tetapi.... kalau" membawa maksud keharusan dan kebenaran adalah berada pada tahap bawah (bukan menjadi keutamaan dalam pilihan) kerana

---

melakukannya sebagaimana pendapat setengah ulamak fiqh (para fuqaha') sekiranya hanya dibuat sekali-sekala atau jarang-jarang sekali bukannya dijadikan kemestian berjemaah sehingga ianya seperti sudah dikira "*sunnah ratibah*".).

<sup>59</sup> Kitab *Al-Majmuk Syarah Al-Muhazzab*, Al-Imam Abi Zakaria Mahyuddin bin Syaraf An-Nawawi, Juz 4 / ms 53 -55. Dar Al-Fikr, Damsyiq (edisi Cdrom Maktabah Syamilah versi 2).

asalnya ia ditunaikan bersendirian. Sekali gus ia membawa maksud "tidak perlu ditunaikan berpanjangan (sokmo-sokmo) dengan cara berjemaah" kerana dikhuatiri akan dianggap ianya wajib pada pandangan orang awam. Saya akan jelaskan kemudian berkenaan contoh-contoh lain kenapa amalan-amalan sunat yang bukan dalam bentuk lazim, tidak boleh sentiasa ditunaikan berjemaah.

Jadi berhujah dengan hadis Itban bin Malik dalam bab solat hajat bejemaah sudah tersasar dari apa yang dimaksudkan oleh Al-Imam As-Syafie. Untuk memperkuatkan hujah saya ini, kata lihat penjelasan lebih lanjut dari Al-Imam An-Nawawi sendiri di dalam kitab beliau yang lain iaitu kitab *Raudhah At-Tolibin*:

Di antara solat sunat yang tidak disunatkan berjemaah ialah solat sunat dhuha, sekurang-kurangnya dua rakaat.... di antaranya juga sunat tahiyyatul masjid dua rakaat....di antaranya juga dua rakaat ihram dan dua rakaat tawaf apabila kita tidak mewajibkannya.... di antaranya juga dua rakaat sesudah berwudhuk diniatkan solat sunat wudhuk.... Di antaranya juga sunat sebelum Jumaat empat rakaat<sup>60</sup> dan sesudahnya empat rakaat ....

---

<sup>60</sup> Masalah solat sunat qabliyyah fardhu Jumaat ; dalam Mazhab Imam Syafie ada dua pendapat. **Pertama** dibolehkan solat sunat qabliyyah dan yang **kedua** tiada solat sunat qabliyyah pada asalnya.

Masalah ini berlaku kerana pada zaman Rasulullah, azan Jumaat hanya sekali sahaja. Selepas naik ke mimbar, Rasulullah terus memberi salam,dan bilal melaungkan azan, kemudian terus baginda berkutbah.

di antaranya juga dua rakaat sunat istikharah.... Di

---

Tiada ruang masa untuk solat sunat selepas azan Jumaat. Sememangnya tidak berlaku solat sunat qabliyyah Jumaat.

Ada riwayat dari Ibnu Umar menyatakan bahawa Rasulullah ada menunaikan solat sunat sebelum fardhu Jumaat 2 rakaat (Sahih Bukhari: 937), yang sebenarnya setelah dikaji oleh ulamak *tahqiq* solat yang ditunaikan Rasulullah itu ialah solat sunat mutlak.

Manakala dalam riwayat Hadis Jabir tentang kisah seorang lelaki masuk ke masjid dan ditegur oleh Rasulullah, solat sunat yang dimaksudkan ialah solat sunat tahiyyatul masjid, bukan solat sunat qabliyyah.

Al-Imam An-Nawawi pula berpendapat adanya solat sunat qabliyyah kerana diqiaskan kepada solat fardhu zohor seperti yang dinukilkhan oleh beliau dalam *Raudhah At-Tolibin*: "tempat pergantungan padanya ialah qias ke atas solat zohor".

Pendapat Imam Nawawi ditolak oleh ulamak lain seperti Ibn Hajar Asqalani dalam *Fath Bari*, bahawa sebelum fardhu Jumaat tidak ada solat sunat qabliyyah, manakala apa yang dibuat oleh para sahabat ialah sunat mutlak. Nas ucapan seperti berikut:

"Ada pun kata-kata Ibnu Umar (adalah nabi memanjangkan solatnya sebelum Jumaat), sekiranya yang dikehendaki di sini selepas masuk waktu (solat Jumaat) maka tidak sah (tidak mungkin) untuk disandarkan amalan itu kepada Nabi kerana baginda keluar ke masjid ketika matahari sudah condong (mula masuk waktu zohor) maka sibuklah dia dengan urusan khutbah dan solat Jumaat. Sekiranya yang dikehendaki sebelum masuk waktu solat maka itu solat sunat semata-mata (sunat mutlak) bukan sunat ratibah, maka tiada sebarang hujah padanya untuk solat sunat Jumaat sebelumnya bahkan ianya adalah sunat mutlak".

Lihat *Fath Al-Baari* juz 2 / ms 426. Perkara yang sama dijelaskan oleh Al-Imam Abu Syamah di dalam kitab *Al-Ba 'ith Ala Inkar Al-Bida' Wa Al-Hawadith* Dar Ar-Rayah Ar-Riyadh, ms 285. Juga turut mengenangkan isu ini ialah Ibnu Qayyim di dalam *Zaad Al-Maad*, jilid 1/ms 432, Muassasah Ar-Risalah, Beirut, Lubnan.

antaranya juga dua rakaat sunat hajat. Wallahu 'alam.<sup>61</sup>

Sila perhatikan betul-betul, kata-kata Imam Nawawi. Apa yang disebut di bahagian akhir, jelas menunjukkan bahawa solat sunat Hajat bukan dari kategori solat yang ditunaikan berjemaah. Sekiranya Hadis Itban bin Malik boleh difahami sebagai adanya hukum harus solat hajat berjemaah sudah tentu Al-Imam An-Nawawi tidak memasukkan ke dalam bahagian "solat-solat sunat yang tidak disunatkan berjemaah". Sekiranya anda tidak yakin dan merasa ragu-ragu dengan apa yang saya bentangkan di sini, maka anda disarankan membuka Kitab *Raudhah At-Tolibin*.

### **Benarkah Solat Sunat Hajat Sebahagian Dari Masalah Khilafiyyah?**

Pertanyaan ini sukar untuk dijawab oleh sesetengah pihak yang mendakwa begitu. Hakikatnya dakwaan ini tidak bersandarkan kepada bukti yang jelas. Semuanya berhujah dengan hujah yang datang melalui pendekatan "*dengar cakap*" atau dalam bahasa Kelantan "*dengar oghe lain kecek*".

Secara ilmiyyah yang menepati disiplin ilmu, memang tidak ada dalam mana-mana kitab Fakah atau

---

<sup>61</sup> *Raudhah At-Tolibin*, Al-Imam Abi Zakaria Yahya bin Syaraf An-Nawawi Ad-Dimasyqi, juz 1 / ms 434 -436. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah, Beirut, Lubnan (edisi Cdrom Maktabah Syamilah versi 2).

kitab-kitab Hadis yang menyebut secara jelas ada pendapat lain yang mengharuskan berjemaah dalam solat hajat. Apa berlaku di tempat kita hanyalah pandangan peribadi orang-orang tertentu iaitu berdasarkan pandangan yang dibina atas kefahaman yang kurang tepat. Sebagaimana telah disebut tentang tujuan asal Itban Bin Malik menjemput Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* ke rumah beliau ialah untuk menunaikan solat fardhu.

### **Realiti Masa Kini Di Negara-Negara Islam Timur Tengah.**

Selama beberapa tahun saya berada di kota Madinah, amalan solat hajat tidak pernah berlaku di masjid di Madinah, begitu juga di Masjidil Haram Mekah. Saya pernah bertanya kepada seorang rakan yang belajar di Universiti Al-Azhar Mesir dan berada di sana lebih 6 tahun:

*"Adakah anta pernah tengok orang-orang Arab Mesir buat solat hajat berjemaah di masjid atau pun di rumah mereka kerana tujuan tertentu, selama 6 tahun anta berada di sana?"*

Maka jawab rakan saya itu: *"Eh Eh ya tak ya jugak, tak adelah".*

Saya tanya lagi: *"Seandainya kita mendakwa, kita buat solat hajat berjemaah kerana kita bermazhab Syafie, Bukankah di Mesir, umat Islam di sana ramai bermazhab*

*Syafie, kitab Mazhab Imam Syafie yang mana satu mereka pakai pulak hingga tak pernah ada sekali pun mereka buat solat hajat berjemaah? Dan kitab apa pula kita pakai hingga solat hajat berjemaah hampir setiap bulan berlaku dalam masyarakat kita terutama akhir tahun apabila budak-budak sekolah dah dekat musim peperiksaan?"*

Rakan saya seakan tergamam dan hanya menjawab: "Ana pun tak tahu jugak".

Saya ingin mengemukakan persoalan kepada para pembaca, selama berpuluh-puluh tahun rakyat Palestin berperang dengan Israel (hidup dalam kancang peperangan), pernahkah kita mendengar satu sahaja laporan berita sama ada melalui akhbar atau televisyen, berbunyi bahawa "satu majlis solat hajat beramai-ramai akan diadakan di Masjidil Aqsa, anjuran kerajaan Palestin", memohon agar rakyat Palestin dipelihara Allah dari kejahanatan bangsa jahat Israel? Pernahkah kita mendengar berita sebegini?.

Atau pernahkah kita mendengar berita bahawa rakyat Iraq berkumpul beramai-ramai dengan jumlah mungkin mencecah 10 ribu orang, mereka berhimpun di kawasan tanah lapang untuk menunaikan solat hajat berjemaah, memohon kepada Allah agar suasana huru hara di negara mereka akan pulih secepat mungkin? Memohon agar tentera-tentera Amerika segera berundur?

Jawapannya: Tiada sebarang laporan berita tentang

adanya upacara solat hajat berjemaah dari dua buah negara yang dilanda perperangan itu. Adakah mereka tak pernah buat solat hajat? Jawapannya: Mungkin ada tetapi bukan secara berjemaah. Atau mereka mungkin memadai dengan berdoa selepas solat samada doa bersendirian atau doa beramai-ramai.

Mengikut sunnah Nabi, apabila berhadapan dengan kesusahan yang besar atau disebut malapetaka, cara yang betul bukan solat hajat berjemaah. Cara yang sebenarnya ialah membaca qunut nazilah dalam solat lima waktu. Al-Imam Ibnu'l Qayyim Al-Jauziyyah (751H) menyebut dalam kitab Zaad Al-Maad:

Imam Ahmad bin Hanbal (241H) menyebut dari Ibn Abbas (68H) katanya: "Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam berqunut selama sebulan berturut-turut (setiap hari) dalam solat zohor, asar, maghrib, isyak dan subuh di akhir setiap solat apabila membaca !!!š! !!!! ! Ø! !! dari rakaat terakhir, mendoakan kebinasaan ke atas satu puak dari Bani Salim iaitu ke atas Ra'l, Zakwan. Dan Usyah Diaminkan oleh maknum di belakangnya... Riawayat Abu Daud<sup>62</sup>.

Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq *Radhiyallahu 'anh* juga membaca qunut (nazilah) di zaman pemerintahan beliau ketika berhadapan dengan masalah besar

---

<sup>62</sup> Lihat Zaad Al-Maad. Al-Imam Ibnu'l Qayyim Al-Jauziyyah, Tahqiq Syuaib Ar Na 'uth jilid 1 / ms 273. Muassasah Ar-Risalah. Beirut

penentangan dari Musailamah Al-Kazzab yang mengaku sebagai nabi<sup>63</sup>. Tiada riwayat yang menyebut bahawa Abu Bakar As- Siddiq berhadapan dengan masalah besar ini dengan cara menunaikan solat hajat berjemaah.

Begitu juga Sayyidina Ali bin Abi Talib membaca qunut (nazilah) ketika berhadapan dengan penentangan dari puak Muawiyah dan pemberontakan penduduk Syam<sup>64</sup>.

Saya merasa lucu apabila ada pihak tertentu menganjurkan solat hajat berjemaah di masjid selepas solat fardhu Jumaat atas tujuan memohon dijauhkan dari bencana penyakit selesema burung (SARS) satu ketika dahulu. Yang sebetulnya membaca qunut nazilah atau berdoa sahaja. Inilah akibatnya apabila sunnah dipinggirkan dari kefahaman fiqh masyarakat, hingga antara ibadat dan adat sudah bercampur aduk dan bertukar takir.

### **Pandangan Mazhab Lain Tentang Solat Sunat Hajat.**

Rasanya tidak lengkap kalau saya tidak sertakan di sini pandangan para ulamak dari mazhab lain. Ini kerana, mengambil kira pendapat-pendapat ulamak lain selain dari ulamak dalam mazhab Al-Imam As-Syafie, dianggap lebih bersikap adil terhadap ilmu dan alim ulamak itu sendiri.

---

<sup>63</sup> Lihat *Zaad Al-Maad*, jilid 1 / ms 275.

<sup>64</sup> Lihat *Zaad Al-Maad*, jilid 1 / ms 275.

Dalam Mazhab Hanafi, solat sunat hajat diletakkan di bawah kumpulan solat sunat yang tidak muakkad dan langsung tidak dinyatakan bahawa ianya dilakukan secara berjemaah.<sup>65</sup>

Manakala dalam Mazhab Maliki pula, solat sunat hajat dikategorikan di bawah sembahyang sunat ringan yang mempunyai sebab. Tidak dinyatakan hukum berjemaah dalam solat hajat, cuma ada disebut bahagian perkara makruh dalam melaksanakan sembahyang sunat (*nawafil*) menurut Mazhab Malik: iaitu sebanyak 4 perkara yang makruh di mana perkara makruh yang ke empat ialah:

Makruh berhimpun beramai-ramai untuk melakukan sembahyang sunat kecuali sunat Tarawih, kerana sembahyang sunat dilakukan secara bersendirian. Begitu juga makruh melakukan sembahyang sunat dalam jamaah yang kecil di suatu tempat yang masyhur di kalangan orang ramai.<sup>66</sup>

Di dalam Mazhab Syafie pula:

Sembahyang sunat yang sunat dilakukan secara berjemaah ada tujuh iaitu sembahyang dua hari raya (raya puasa dan raya haji), sembahyang gerhana matahari dan bulan, sembahyang minta hujan, dan

---

<sup>65</sup> *Fiqh dan Perundungan Islam* Jilid 2/ ms 50, Wahbah Zuhaili, Edisi Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur 2002.

<sup>66</sup> *Fiqh dan Perundungan Islam* jilid 2/ ms 60.

sembahyang tarawih"… sembahyang sunat witir selepas tarawih adalah disunatkan berjemaah.<sup>67</sup>

Manakala untuk sembahyang sunat yang tidak disunatkan berjemaah terbahagi kepada dua:

1. Sembahyang rawatib bersama fardhu.
2. Sembahyang rawatib berasingan daripada fardhu.

Walaupun Dr. Wahbah Zuhaili didalam kitab *Al Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu* tidak memasukkan sembahyang sunat hajat dalam mana-mana dua bahagian, tetapi sudah diketahui bahawa solat sunat hajat bukan dari kategori solat sunat berjemaah sebagaimana keterangan beliau dalam ms. 60 bahawa sembahyang sunat berjemaah hanya tujuh solat sahaja.

Seterusnya dalam menerangkan Mazhab Hanbali dalam solat hajat ini, Dr. Wahbah Az-Zuhaili hanya menyebut:

Sembahyang hajat: Sembahyang ini adalah sunat mengikut hadis Abdullah bin Abi Aufa yang telah lalu yang terdapat dalam sunan Tirmizi yang mengatakan sebagai hadis gharib.<sup>68</sup>

Tiada diberi keterangan samada solat sunat hajat dalam bahagian solat sunat secara berjemaah atau bukan secara berjemaah.

---

<sup>67</sup> *Fiqh dan Perundangan Islam* jilid 2/ ms 60.

<sup>68</sup> *Fiqh dan Perundangan Islam* jilid 2 /ms 80.

## **Bagaimanakah Jalan Penyelesaian Bagi Permasalahan Ini?**

Berikut saya perturunkan beberapa cadangan untuk kita semak kembali amalan solat sunat hajat berjemaah.

### **Pertama:**

Kembali kepada sunnah sepenuhnya – tunaikan solat hajat bersendirian – sekali pun kita merasakan solat hajat berjemaah itu lebih baik, itu hanyalah sangkaan kita. Hakikatnya, mengikuti sunnah Nabi dalam beribadah itu lebih baik sebagaimana kata Ibn Mas'ud dalam athar yang sahih: "Berpada-pada dengan sunnah lebih baik dari ijtihad dalam perkara bid'ah".<sup>69</sup>

Firman Allah dalam Surah An-Nuur:

Maksudnya: ***Maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintah Rasul takut akan ditimpa cobaan atau ditimpa azab yang pedih.*** [ An-Nuur 24: 63 ].

Dr. Wahbah Az-Zuhaili di dalam tafsiran terhadap ayat ini berkata:

Iaitu maka hendaklah merasa takut sesiapa yang menyalahi syariat Ar-Rasul *Sallallahu alaihi wasallam* secara batin dan zahir, yang menghalang, keluar dari

---

<sup>69</sup> **Sahih:** Al-Hakim Fi Al Mustadrak secara mauquf hadis no. 352, Bab "Kitab Al-Illu" katanya: sanad sahih mengikut syarat Bukhari dan Muslim. Al-Hafiz Abi Abdillah Muhammad Bin Abdullah Al-Hakim An-Naisaburi, juz 1 / ms 184, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut Lubnan.

perintahnya dan ketaatan kepadanya, dan itulah jalannya, manhajnya, sunnahnya dan syariatnya.

Mereka ialah golongan munafiqun, bahawa terdedahlah mereka kepada mehnah (kesusahan), atau bala' atau ujian di dunia dan sifat kufur dan nifaq atau ditimpa azab yang pedih di akhirat.

Kata nama (*dhamir*) pada (!!!) kembali kepada perintah Allah dan perintah Rasul-Nya. Ayat secara zahirnya menunjukkan perintah ini bersifat wajib. Ayat juga bersifat umum bagi semua orang yang menyanggahi perintah Allah Taala dan perintah Rasul-Nya *Sallallahu alaihi wasallam* dan bukannya untuk golongan munafiq sahaja.<sup>70</sup>

### **Kedua:**

Pilihan kedua dalam sunnah ialah berdoa selepas berwudhuk. Dbolehkan bertawassul dalam doa dengan nama-nama Allah dan Sifat-sifat-Nya, bertawassul dengan amalan soleh, bertawassul dengan keberkatan orang soleh yang masih hidup. Selain dari tiga cara ini, cara yang lain ada kekhilafan di kalangan ulamak. Pilihan pertama dan kedua dianggap mudah dan menepati ruh syariat yang bersifat *taisir* (memudahkan).

---

<sup>70</sup> At *Tafsir Al-Munir Fi Al-Aqidah Wa As-Syariah Wa Al-Manhaj* Wahbah Zuhaili, Dar Al-Fikr Damsyiq, jilid 18 / 315-316.

Sememangnya syariat Islam didatangkan dalam acuan yang bersifat memudahkan. Baginda *Sallallahu alaihi wasallam* telah membuat penegasan dalam sabdanya setiap kali diutuskan para sahabat ke mana-mana tempat atas urusan dakwah:

!!!! !!!!!!!! !!! !!! !!! !!! !

**Gembirakanlah dan jangan biarkan mereka bertempiarn, permudahkan dan jangan persusahkan.<sup>71</sup>**

### **Ketiga:**

Boleh juga sekali-sekala ditunaikan berjemaah, tetapi dengan beberapa syarat yang perlu diberi perhatian:

- Jangan beri'tikad semasa melakukannya bahawa perbuatan solat hajat secara berjemaah ini sabit dari amalan Rasulullah.
- Jangan dilakukan ia secara tetap dan terlalu kerap. Tujuannya supaya orang awam tidak mengira bahawa solat hajat termasuk dalam kumpulan solat sunat yang disyariatkan berjemaah. Walaupun kita tidak pernah menyebut secara lisan solat sunat hajat itu wajib berjemaah, tetapi tindakan kita yang kerap

---

<sup>71</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam Sahihnya, hadis no: 4525, Dari Hadis Abi Musa.

menunaikannya secara berjemaah menggambarkan "*mind set*" kita menetapkan ianya sebagai wajib.

- Jangan disertakan ia dengan amalan-amalan bid'ah seumpama meletakkan bekas air di depan imam. Perbuatan sedemikian tidak dirujuk kepada sebarang dalil dan hanya merupakan andaian semata-mata. Jika mahu dilakukan juga, maka sekali sekala "bekas air tawar" juga perlu diletakkan depan imam semasa solat fardhu atau ketika seseorang sedang baca Al-Quran. Ini kerana semua amal ibadat dikira ada berkatnya! Jangan khususkan keberkatan pada solat hajat sahaja.
- Jangan tetapkan peraturan sendiri dalam soal menunaikan solat hajat berjemaah seperti menetapkan bahawa satu solat untuk satu hajat. Jika ada 5 hajat maka kena solat hajat lima kali. Fenomena begini sering berlaku di sekolah-sekolah agama yang mempunyai peperiksaan seperti PMRU, PMR, SMU, SPM dan STAM.

Oleh kerana ada lima peperiksaan, maka pihak sekolah menganjurkan lima kali solat hajat. Ketetapan sebegini adalah satu kesalahan kerana membuat ketetapan sendiri tanpa ada sandaran dalil dari nas syarak. Atau menetapkan bahawa pelajar-pelajar sekolah agama wajib solat hajat berjemaah di masjid sekolah (sebagai contoh sahaja) dengan kadar seminggu sekali atau sebulan sekali. Atau menetapkan selepas solat hajat perlu berzikir dengan membaca lafadz tahlil (sebagai

contoh) sebanyak 100 kali. Kita boleh berzikir, tetapi dengan syarat tidak menetapkan berapa jumlahnya.

Saya sendiri secara peribadi walaupun tidak setuju dengan amalan solat hajat secara berjemaah, ada kalanya saya turut serta, kerana mengambil kira faktor lain. Itu pun saya hanya jadi makmum. Kalau diminta jadi imam, maaf saya terpaksa mengundurkan diri dan harap kita saling bertolak ansur dan faham memahami.

Akhir kata, harapan dari saya agar kita semua dikurniakan oleh Allah ilmu dan kefahaman dalam urusan agama-Nya (العلم والفهم في أمور الدين!) Insya Allah.

## **Meninjau Semula Hukum Wanita Yang Didatangi Haid Memasuki Masjid.**

oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Baru-baru ini ketika dijemput memberi kuliah di sebuah masjid, saya menghadapi sedikit cabaran. Saya ingin menggunakan *LCD Projector* untuk menayangkan *Power Point Presentation*. Akan tetapi memandangkan kuliah diadakan di ruang utama solat, sebahagian hadirin muslimah tidak dapat masuk ke dalam. Saya jangka ini berlaku kerana mereka ketika itu didatangi haid dan mengikut pendapat yang masyhur, wanita yang didatangi haid tidak boleh memasuki masjid. Maka para muslimah sebahagiannya ada yang duduk dalam ruang utama solat dan sebahagian lagi di tepi pintu ruang utama solat. Keadaan mereka yang terjengok-jengok di sebalik bingkai pintu mengharukan saya.

Namun pada waktu yang sama, terdapat beberapa perkara yang menghairankan saya. Jika hendak berpegang kepada pendapat yang melarang wanita haid memasuki masjid, kenapakah batas atau definisi masjid tersebut diubah-ubah? Sebagai contoh:

- Ada yang berpendapat batas yang dilarang adalah

ruang utama solat, manakala ruang serambi di sekeliling ruang utama solat dibolehkan. Lazimnya ruang utama solat adalah yang berlapik permaidani. Maka wanita yang didatangi haid tidak boleh duduk di ruang utama solat, tetapi boleh duduk di serambi yang mengelilingi ruang utama solat. Ini menghairankan saya kerana bukankah kedua-dua kawasan tersebut sebenarnya masuk dalam batas masjid?

- Ada yang berpendapat batas yang dilarang adalah dewan solat, manakala dewan serbaguna yang lazimnya terletak di tingkat bawah dewan solat dibolehkan. Pendapat sebegini lazimnya diamalkan di masjid-masjid yang bertingkat. Maka wanita yang didatangi haid tidak boleh naik ke tingkat dewan solat, tetapi boleh ke tingkat dewan serbaguna yang terletak di bawahnya. Ini menghairankan saya kerana bukankah kedua-dua tingkat tersebut sebenarnya tetap masuk dalam batas masjid?
- Ada yang berpendapat, batas yang dilarang hanya bangunan masjid manakala bangunan di perkarangan masjid dibolehkan. Maka dibina bangunan tambahan beserta bilik-bilik kuliah agar dapat dihadiri oleh para hadirin wanita yang didatangi haid. Akan tetapi apabila hendak diumumkan sesuatu program, akan disebut: "Esok

pukul 2 petang akan diadakan kuliah tafsir untuk para muslimah di bilik kuliah A, Masjid Bukit Harimau." Sekali pun letaknya di perkarangan, ia termasuk sebahagian daripada masjid.

- Ada yang membezakan antara masjid dan surau. Masjid adalah binaan besar yang dilaksanakan solat Jumaat di dalamnya. Surau pula adalah binaan kecil yang tidak dilaksanakan solat Jumaat di dalamnya. Maka masjid dilarang bagi wanita yang didatangi haid sementara surau dibolehkan. Ini turut menghairankan saya kerana tidak wujud petunjuk jelas bagi membezakan antara masjid dan surau. Lebih dari itu kebanyakan surau, sekurang-kurang yang berada di Lembah Klang, saiz dan kelengkapannya jauh lebih besar dan canggih berbanding masjid Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* pada zaman baginda.

Dalam penulisan ini, saya tidak bercadang untuk mengupas berkenaan batas atau definisi masjid. Akan tetapi yang menjadi tumpuan saya adalah berkenaan hukum wanita yang didatangi haid memasuki masjid dan mendiaminya.

#### **Pendapat Para Ilmuan Dalam Persoalan Ini.**

Jika dikaji kitab fiqh dari keempat-empat mazhab, akan ditemui bahawa kebanyakan mereka (jumhur)

berpandangan bahawa wanita yang didatangi haid tidak boleh memasuki masjid dan mendiaminya. Dalilnya adalah sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

!! !! !!! !!! !!! !!!! !!! !!!

***Aku tidak menghalalkan masjid bagi (wanita yang didatangi) haid dan tidak (halal juga) bagi orang yang junub.***

Hadis tersebut dikeluarkan oleh Imam Abu Daud dalam kitab *Sunannya*, hadis no: 220 (*Kitab al-Thaharah, Bab berkenaan orang junub yang memasuki masjid*). Selain itu ia juga dikeluarkan oleh Imam al-Bukhari dalam *al-Tarikh al-Kabir* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 2001), perawi no: 1710 (*Bab Alif: Aflat bin Khalifah*), Imam Ibn Khuzaimah dalam *Shahihnya* (*tahqiq*: M. Musthafa al-'Azhami; al-Maktab al-Islami, Beirut, 1996), hadis no: 600 (*Kitab himpunan bab keutamaan masjid, Bab tegahan duduk bagi orang yang junub dan haid dalam masjid*) dan Imam al-Baihaqi dalam *al-Sunan al-Kubra* (*tahqiq*: M. 'Abd al-Qadir 'Atha; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1999), hadis no: 4323 (*Kitab al-Solat, Bab orang junub melalui masjid dan tidak berdiam di dalamnya*).

Kesemuanya melalui jalan sanad yang berpangkal kepada Aflat bin Khalifah, dari Jasrah binti Dajajah, dari 'Aisyah *radhiallahu 'anha*. Kedua-dua perawi di atas, Aflat bin Khalifah dan Jasrah binti Dajajah, diperselisihkan kedudukan mereka dari sudut *al-Jarh wa al-Ta'dil*.

Sebahagian ahli hadis ada yang menilai mereka lemah dan ada yang menilai mereka lebih kuat dari sekadar lemah. Ada yang menolak hadis-hadis yang mereka sampaikan, ada yang menerimanya jika ia memiliki penguatan lain dan ada yang menerimanya secara mutlak.

Oleh itu sekali pun pada zahirnya keempat-empat mazhab bersepakat menggunakan hadis yang mereka sampaikan berkenaan larangan bagi wanita yang didatangi haid dan orang junub dari memasuki masjid, telaah yang cermat terhadap pelbagai kitab para ahli hadis dan fiqh menemukan tiga perselisihan pendapat berkenaan darjat hadis tersebut:

1. Ada yang menilai hadis tersebut adalah **dha'if** (lemah). Ini adalah penilaian Imam al-Bukhari, Imam Ibn Hazm, Imam Ibn al-Rif'ati (ابن الرفعة), Imam al-Khatthabi, Imam 'Abd al-Haq dan Imam Ibn Rusyd.
2. Ada yang menilai hadis tersebut adalah **hasan**. Ini adalah penilaian Imam Ibn al-Qaththan, Imam Abu Daud dan Imam al-Zayla'e.
3. Ada yang menilai hadis tersebut adalah **shahih**. Ini adalah penilaian Imam Ibn Khuza'imah dan Imam al-Syaukani.

Lebih lanjut rujuk:

- *al-Tarikh al-Kabir* oleh Imam al-Bukhari, perawi no: 1710.

- *al-Muhalla bi al-Atsar* oleh Imam Ibn Hazm (*tahqiq: 'Abd al-Ghaffar Sulaiman; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, tp.thn.*), jld. 1, ms. 400-401, masalah no: 262.
- *Talkhish al-Habir fi Takhrij Ahadits al-Rafi'e al-Kabir* oleh Imam Ibn Hajar al-'Asqalani (Maktabah Musthafa al-Baz, al-Riyadh, 1996), jld. 1, ms. 212, hadis no: 185.
- *Bidayah al-Mujtahid* oleh Imam Ibn Rusyd (*tahqiq: 'Adil Ahmad 'Abd al-Maujud & 'Ali Muhammad Ma'awwad; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1996*), jld. 1, ms. 541.
- *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab* oleh Imam al-Nawawi (*tahqiq: M. Najib Ibrahim; Dar Ihya' al-Turats al-'Arabi, Beirut 2001*), jld. 2, ms. 129.
- *Nasbu al-Rayah fi Takhrij al-Ahadits al-Hidayah* oleh Imam al-Zayla'e (Dar al-Hadits, Kaherah, 1995), jld. 1, ms. 276-277.
- *Shahih Ibn Khuzaimah*, hadis no: 600.
- *Nail al-Authar min Asrar Muntaqa al-Akhbar* oleh Imam al-Syaukani (*tahqiq: 'Adil Ahmad 'Abd al-Maujud & 'Ali Muhammad Ma'awwad; Dar al-Kitab al-'Arabi*), jld. 1, ms. 344.

Perselisihan dalam menilai darjat hadis ini berterusan sehingga di kalangan para ilmuan masa kini. Di

antara mereka ada yang mendha'ifkannya dan ada yang menghasankannya. Di antara dua penilaian ini, yang manakah yang lebih tepat?

Lazimnya saya sendiri suka mengkaji lebih lanjut untuk mencari penilaian yang lebih tepat. Akan tetapi dalam bab ini ada sebuah hadis lain yang tidak diperselisihkan, sehingga dengan itu tumpuan kita tidak perlu ditujukan kepada hadis di atas yang diperselisihkan.

## **Kisah Seorang Hamba Wanita Yang Hitam.**

Dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Solat*, *Bab wanita yang tidur di dalam masjid*, hadis no: 439, terdapat hadis berikut daripada 'Aisyah radhiallahu 'anha:

!!!!!! !!!!!!!!!! !!!y! !!! !!!!è!! !! !!!!!!!!!  
!!!! !!!! !!!!!!!!!! !!!!! !!!!!!!!!! !!! !!!! !!!  
!!! !!!!!!!!! !!! !!!!è!! !!! y!!!!!! !!!!! !!!!!!!!!  
!! !!!! !!!!!!!!!! !!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! y  
!!!!y!!!!!! y! !!!y!!!!!! !!!!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! y  
!!!!!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! y!!! !!!!!!!!! !!!  
!!!!!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! !!!  
!!!!!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! !!!!!!!!! !!!

!!! !!! ! y !!! ! ! ! y !!! ! ! ! AE !!! ! !!! !!! !!! !!!  
!!! !!! ! ! ! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!  
!!! !!! !!! y y !!! y !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!  
!!! !!! !!! y !!! y !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!

(Terdapat) seorang hamba wanita berkulit hitam milik satu kaum bangsa Arab yang mereka bebaskan dan dia tinggal bersama mereka. Hamba itu berkata:

*Satu ketika anak perempuan mereka keluar dengan memakai selendang merah yang dibuat dari kulit dan dihiasi dengan batu permata. Dia meletakkannya, atau terjatuh, sehingga terbanglah seekor burung sedangkan selendang tersebut terletak di atas tanah. Burung itu menganggap selendang tersebut adalah seketul daging lalu ia menyambarnya.*

*Lalu (kemudian) mereka mencari selendang tersebut namun tidak menemuinya. Akhirnya mereka menuju aku yang mengambilnya. Mereka mulai mencarinya sehingga memeriksa kemaluannya.<sup>72</sup>*

<sup>72</sup> Kenapakah disebut "kemaluannya" dan bukan "kemaluanku"? Berkata Ibn Hajar al-'Asqalani: "Secara zahirnya kalimat ini adalah perkataan hamba itu, hanya saja dia mengucapkannya dalam konteks

*Demi Allah! Sungguh aku masih berdiri di kalangan mereka sehingga tiba-tiba terbanglah burung itu dan melemparkan selendang tersebut. Selendang tersebut jatuh tepat di antara mereka. Lalu aku berkata: "Inilah selendang yang kalian tuduh aku mengambilnya padahal aku bersih dari semua tuduhan itu dan inilah selendang tersebut."*

*Maka aku datang kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan masuk Islam.*

*'Aisyah berkata: Sejak itu dia mendapat tempat tinggal berupa kemah atau bilik kecil berbumbung rendah di dalam masjid. Hamba itu biasa mendatangiku dan berbicara denganku. Dia tidak pernah duduk di hadapanku melainkan berkata:*

*"Dan hari selendang itu di antara keajaiban Tuhan kami, Ketahuilah! Dari negeri kafir Dia menyelamatkan aku."*

*'Aisyah berkata: Aku bertanya kepada dia, kenapa kamu tidak sekali pun duduk bersamaku kecuali mengucapkan sedemikian? Maka dia pun menceritakan kepadaku kisah di atas.*

Menjadi perhatian kita adalah keterangan 'Aisyah

---

orang ketiga untuk mengalihkan perhatian." *Fath al-Bari* (edisi terjemahan oleh Amiruddin atas judul yang sama; Pustaka Azzam, Jakarta, 2003), jld. 3, ms. 177-178.

*radhiallahu 'anha* bahawa: "**Sejak itu dia mendapat tempat tinggal berupa kemah atau bilik kecil berbumbung rendah di dalam masjid.**" Keterangan ini menunjukkan wanita tersebut duduk lama di dalam masjid sehingga dibangunkan kemah atau bilik kecil untuknya. Di sinilah terletak petunjuk hukum yang penting kerana wanita tersebut pasti mengalami putaran haidnya dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak menghalang beliau dari terus tinggal di dalam masjid.

A'isyah *radhiallahu 'anha* tidak menerangkan sama ada wanita tersebut adalah seorang budak atau yang sudah lanjut umurnya, bererti beliau adalah wanita dewasa yang mengalami putaran haid seperti biasa. Tidak timbul persoalan sama ada beliau adalah seorang budak yang belum didatangi putaran haid atau seorang yang lanjut umur yang telah berhenti putaran haid.

Maka di sini kita berhadapan dengan dua hadis yang kelihatan seolah saling bercanggah. Hadis pertama menerangkan larangan bagi wanita yang didatangi haid memasuki masjid manakala hadis kedua menerangkan wanita yang didatangi haid boleh memasuki dan mendiami dalam masjid. Para ilmuan Islam telah menggariskan beberapa kaedah untuk menghilangkan percanggahan yang wujud di antara dua atau lebih hadis. Kaedah yang pertama adalah, hendaklah hadis-hadis yang bercanggah tersebut memiliki darjat kekuatan yang sama.

Di sini kita menghadapi dua keadaan:

- Seandainya hadis yang melarang darjatnya *dha'if* atau *hasan*, maka ia tertolak berbanding hadis sahih yang membolehkan wanita yang didatangi haid memasuki dan mendiami masjid. Maka dengan itu wanita yang didatangi haid boleh memasuki masjid dan mendiaminya tanpa sebarang halangan.
- Seandainya hadis yang melarang darjatnya *sahih*, maka diperhatikan adakah salah satu darinya membatakan yang lain. Setakat ini tidak ditemui bukti bahawa wujudnya pembatalan. Maka kaedah yang terbaik adalah menggandingkan kedua-dua hadis, antara yang melarang dan membolehkan wanita yang didatangi haid memasuki dan mendiami masjid. Pergandingan ini menunjukkan bahawa hadis larangan tidak membawa hukum haram, tetapi sekadar makruh. Oleh itu makruh bagi wanita yang didatangi haid untuk memasuki masjid dan mendiaminya kecuali jika dia memiliki sesuatu urusan di dalamnya.

#### **Beberapa Dalil Lain Dalam Persoalan Ini.**

Terdapat beberapa dalil lain yang turut dijadikan hujah dalam persoalan ini. Tiga yang paling masyhur di antaranya adalah:

### **Hadis Umm Salamah.**

Dalam *Sunan Ibn Majah*, *Kitab al-Thaharah wa Sunaniha*, Bab berkenaan tegahan (wanita yang didatangi) haid dari masjid, hadis no: 645, diriwayatkan dari Umm Salamah *radhiyallahu 'anha* sebuah hadis:

!! !!! !!! !!! !! !!! !!! !!! !!! !!! !!!

***Sesungguhnya masjid tidak dihalalkan bagi orang yang junub dan tidak juga bagi (wanita yang didatangi) haid.***

Hadis ini juga dikeluarkan oleh al-Thabarani dalam *al-Mu'jam al-Kabir* (tahqiq: Hamdi 'Abd Al-Majid; Dar Ihya' al-Turats al-'Arabi, Beirut, tp.thn.), jld. 23, hadis no. 883. Kedua-duanya dengan sanad yang di dalamnya perawi yang bernama Mahduj al-Zuhliy dan Abi al-Khattab al-Hajari, kedua-duanya adalah perawi yang lemah. Selain itu sanadnya berpangkal kepada Jasrah binti Dajjah, perawi sama yang menyampaikan hadis riwayat Imam Abu Daud yang merupakan asas perbincangan kita. Statusnya sebagai periwayat hadis diperbincangkan.

Kemudian terdapat kesilapan di dalam hadis di atas dimana ia sebenarnya bukan diriwayatkan oleh Umm Salamah, tetapi oleh 'Aisyah. Demikian terang Imam Abu Zur'ah dalam *al-'Ilal li Ibn Abi Hatim*, hadis no: 269 sebagaimana yang dikemukakan oleh Syaikh Khalid Dhaif Allah al-Syalahi dalam *al-Tibyan fi Takhrij wa Tabwib*

*Ahadits Bulugh al-Maram* (Muassasah al-Risalah, Beirut, 2000), jld. 2, ms. 298.

Faktor-faktor di atas mencacatkan hadis Umm Salamah ini dan menyebabkan ia tidak dapat dijadikan hujah mahu pun penguat kepada hadis riwayat Imam Abu Daud yang merupakan asas perbincangan kita.

## **Hadis Umm 'Athiyah.**

Dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-'Iedain*, Bab wanita haid tidak hadir di musholla, hadis no: 981, Umm 'Athiyah radhiyallahu 'anha berkata:

!!!!!! y! !!!!!! y!! ! y! !!! !!! y!!!!  
!!!!!! !!! !! y!!!!!! y! !! !!! y!!!!!!  
!!!! ! !!! y!!!!!! !!! !!!

*Kami telah diperintahkan (oleh Nabi shallallahu 'alaihi wasallam) untuk keluar, maka kami memerintahkan wanita-wanita yang sedang haid, para gadis dan wanita-wanita pingitan untuk keluar. Ibnu 'Aun berkata: "atau wanita-wanita pingitan."*

(Umm 'Athiyah menyambung) dan wanita-wanita yang haid diperintahkan (oleh Nabi shallallahu 'alaihi wasallam) agar menyaksikan jamaah kaum muslimin dan dakwah mereka serta

*menjauhi musholla.*

Hadis ini sebenarnya tidak berkaitan untuk dijadikan hujah. Ini kerana *musholla* yang diperintahkan agar dijauhi oleh wanita yang didatangi haid adalah padang atau satu tempat yang luas. Ia bukanlah masjid.

Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, solat Hari Raya dilaksanakan di tempat terbuka dan semua orang diperintahkan keluar. Termasuk yang diperintahkan keluar ialah para wanita yang didatangi haid. Wanita yang didatangi haid tidak boleh bersolat, oleh itu Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyuruh mereka duduk di luar kawasan solat manakala wanita yang tidak didatangi haid duduk di dalam untuk bersolat.

Seandainya semua wanita, sama ada yang didatangi haid atau tidak, duduk berhimpun di satu kawasan, nescaya saf solat terputus-putus antara yang boleh solat dan yang tidak boleh solat.

Pentingnya, hadis di atas tidak berkaitan dengan hukum wanita yang didatangi haid sama ada boleh memasuki masjid atau tidak.

**Ayat 43 Surah al-Nisa'.**

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

!!! ^ !!! ! ! !!! ! !!! ! !!! !!!

***Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri solat sedang kamu dalam keadaan mabuk hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan. Dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan junub kecuali kamu hendak melintas sahaja hingga kamu mandi.***

Dalam ayat di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melarang orang yang dalam keadaan junub daripada menghampiri masjid melainkan sekadar untuk melintas sahaja. Ini menunjukkan bahawa orang yang junub dilarang memasuki masjid kecuali sekadar melintas sahaja. Orang yang junub diqiyaskan kepada wanita yang didatangi haid. Maka wanita yang didatangi haid turut dilarang memasuki masjid kecuali sekadar melintas sahaja.

Menggunakan qiyas untuk menghubungkan antara haid dan junub adalah tertolak kerana beberapa sebab:

1. Kes wanita yang didatangi haid adalah sesuatu yang berlaku pada ketika turunnya ayat di atas. Namun Allah hanya menyebut kes orang yang junub dan mendiamkan kes wanita yang didatangi haid. Memandangkan Allah mendiamkannya, maka hendaklah juga kita mendiamkannya tanpa perlu menambah-nambah.

2. Qiyyas adalah kaedah mengeluarkan hukum bagi kes-kes baru yang tidak wujud pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Kes wanita yang didatangi haid bukanlah satu kes yang baru kerana ia sedia wujud pada zaman baginda. Oleh itu tidaklah tepat untuk menggunakan kaedah qiyas untuk menghubungkan antara haid dan junub.
3. Antara haid dan junub, persamaannya hanya dari sudut kewajipan mandi. Selain itu terdapat beberapa perbezaan yang besar. Antaranya junub adalah satu keadaan di mana seseorang itu memiliki pilihan untuk berada dalamnya atau tidak, dan seseorang itu boleh keluar daripada keadaan junub pada bila-bila masa melalui mandi wajib atau tayammum. Berbeza halnya dengan haid, ia bermula dan berakhir tanpa pilihan. Oleh itu terdapat banyak perbezaan antara haid dan junub sehingga tidak boleh menyamakan antara kedua-duanya.

#### **Kesimpulan Tinjauan.**

Bagi wanita yang didatangi haid, para ilmuan sepakat berdasarkan dalil yang kukuh lagi jelas bahawa mereka tidak boleh solat, puasa, tawaf dan bersetubuh. Ada pun hukum memegang dan membaca al-Qur'an, dalilnya adalah lemah sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam artikel *Amalan Wanita Yang Didatangi Haid*

*Dalam Bulan Ramadhan yang dimuatkan dalam buku Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa (Himpunan Risalah Berkenaan Puasa dan Isu-Isu Berkaitannya) terbitan Jahabersa, Johor Bahru.*

Dalam artikel ini, kita meninjau pula hukum wanita yang didatangi haid sama ada boleh atau tidak untuk memasuki masjid dan mendiaminya. Tinjauan mendapati hadis yang melarang wanita memasuki masjid dan mendiaminya diperselisihkan kedudukannya antara *dha'if*, *hasan* atau *sahih*. Pada waktu yang sama terdapat hadis sahih lain yang menerangkan wanita yang didatangi haid boleh memasuki masjid dan mendiaminya.

Oleh itu apabila seseorang muslimah memiliki urusan di dalam masjid, dia boleh memasukinya dan mendiaminya. Urusan yang dimaksudkan adalah pelbagai dan ia tidak perlu sesuatu yang berada pada tahap darurat. Contoh urusan yang dimaksudkan adalah ustazah yang menyampaikan kuliah, para muslimah yang menghadiri kuliah dan para muslimah yang menziarah masjid bersejarah.

Kesimpulan ini berbeza dengan pandangan majoriti para ilmuan. Akan tetapi kesimpulan ini dicapai dengan mengkaji secara teliti dalil dan hujah para ilmuan itu sendiri tanpa melepaskan sikap hormat dan kasih sayang kepada mereka.

Jika di kalangan pembaca ada yang tidak setuju

dengan tinjauan ini, maka pilihan anda saya hormati. Jika di kalangan pembaca ada yang setuju dengan tinjauan ini, maka hormatilah orang lain yang tidak setuju. Selain itu berkongsilah tinjauan ini dengan mereka yang tidak tahu, kemudian hormatilah pilihan mereka.

## **2007 Tahun Melawat Malaysia..... Kecuali Masjid?**

oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Satu fakta yang tidak dapat dinafikan ialah kehadiran ramai pelancong di negara kita, Malaysia. Kehadiran mereka semakin rancak pada tahun ini (2007) sempena *Tahun Melawat Malaysia*. Pelbagai tempat yang mereka lawati, dari hutan ke pantai, dari taman ke gua dan dari bangunan pencakar langit ke bangunan bersejarah. Turut dilawati ialah tempat-tempat peribadatan untuk agama Islam, Budha, Kristian dan Hindu. Ini kerana mungkin di negara asal mereka tempat-tempat peribadatan tersebut tidak wujud, sukar untuk ditemui atau tidak memiliki seni bina yang indah.

Akan tetapi di antara tempat-tempat peribadatan tersebut, hanya satu yang agak sukar untuk dilawati. Pelbagai syarat dikenakan dan jika ada kelonggaran sekali pun, ia diberikan dengan muka yang tidak ceria.

Tempat peribadatan yang saya maksudkan ialah masjid. Jika hendak dibanding dengan kuil Budha, kuil Hindu dan gereja Kristian, masjid orang Islam adalah tempat yang paling tidak mesra pelancong. Perkara ini berlaku bukan salah masjid, tetapi salah orang Islam sendiri yang meletakkan pelbagai syarat ke atas masjid. Di

antara syarat yang biasa dikenakan ke atas pelancong:

1. Pelancong bukan Islam haram memasuki masjid.
  2. Pelancong bukan Islam dalam keadaan junub dan orang junub haram memasuki masjid.
  3. Pelancong wanita mungkin dalam keadaan haid dan wanita haid haram memasuki masjid.
  4. Pelancong tidak menutupi aurat dan haram memasuki masjid dalam keadaan aurat terbuka.
  5. Pelancong sering bersempang-sempang sesama mereka dan haram bersempang-sempang urusan dunia di dalam masjid.

Dalam risalah ini, saya akan menganalisa adakah syarat-syarat di atas sesuatu yang bersumber dari al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih atau semata-mata ciptaan orang Islam? Hanya saja dalam analisa ini, perbincangan tidak khusus kepada pelancong tetapi umum kepada kaum bukan Islam.

## **Analisa # 1:**

**Hukum Kaum Bukan Islam Memasuki Masjid.**

Hukum bagi kaum bukan Islam memasuki masjid adalah harus. Dalilnya adalah hadis berikut:

!!!!!! 電!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

!! !!!! !!!!! !!!! !!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!  
!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!  
!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!  
!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!

*Nabi shallallahu 'alaihi wasallam mengutus pasukan berkuda ke daerah Najd, lalu pasukan itu kembali dengan membawa seorang (tawanan) lelaki dari Bani Hanifah yang (namanya) dipanggil Tsumamah bin Utsal. Mereka mengikatnya di salah satu tiang masjid (di Madinah). Lalu Nabi shallallahu 'alaihi wasallam keluar kepadanya dan berkata: "Lepaskanlah Tsumamah."*

*(Selepas dilepaskan Tsumamah) pergi ke kebun kurma yang berdekatan dengan masjid dan mandi. Kemudian dia memasuki masjid dan mengucapkan: "Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad adalah Rasulullah." [Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam Shahihnya, hadis no: 462 (Kitab al-Solat, Bab mandi apabila masuk Islam...)].*

Berdasarkan hadis di atas, Tsumamah bin Utsal asalnya adalah orang bukan Islam. Para sahabat yang menawannya mengetahui hal ini, namun mereka tetap mengikatnya di salah satu tiang masjid. Ini menunjukkan orang bukan Islam boleh memasuki dan berada di dalam

masjid.

Kemudian apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* keluar, baginda tidak menegur tindakan para sahabat yang mengikat orang bukan Islam di dalam masjid. Ini sekali lagi menunjukkan harus hukumnya bagi orang bukan Islam memasuki dan berada di dalam masjid. al-Khatthabi *rahimahullah* (388H) berkata:

Di dalam hadis tersebut terkandung kebolehan bagi orang musyrik masuk ke dalam masjid sekiranya ada keperluan di dalam masjid, seperti ada orang yang berhutang kepadanya di dalam masjid yang tidak keluar untuk membayar hutang kepadanya (maka boleh boleh memasuki masjid untuk berjumpa orang itu) atau dia ingin mengadu kesnya kepada seorang hakim yang ada di dalam masjid (maka boleh memasuki masjid untuk berjumpa hakim).

Pernah orang-orang kafir memasuki masjid Nabi yang mereka minta izin kepada baginda untuk duduk di dalam masjid itu. Abu Daud telah meriwayatkan hadis dari Abu Hurairah *radhiallahu 'anh* bahawa orang-orang Yahudi pernah mendatangi Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ketika baginda sedang berada dalam masjid. [Dikemukakan oleh al-Sha'ani dalam *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram* (Dar al-Arqam, Beirut), jld. 1, ms. 175]

Pandangan yang mengharamkan orang bukan Islam

memasuki masjid menggunakan ayat berikut sebagai dalil:

!!!!!! *y*!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! *y*!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

**Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya orang-orang musyrik itu najis, oleh itu janganlah biarkan mereka menghampiri al-Masjid Al-Haram sesudah tahun ini.** [al-Taubah 9:28]

Ayat ini menyatakan orang bukan Islam adalah najis dan sesuatu yang najis tidak boleh dibawa masuk ke dalam masjid. Oleh kerana itulah orang bukan Islam dilarang menghampiri *al-Masjid al-Haram* di Mekah. Berdasarkan kaedah qiyas, orang bukan Islam dilarang menghampiri semua masjid tanpa terhad kepada *al-Masjid al-Haram*.

Pandangan ini ditolak dari dua sudut:

1. Maksud perkataan "najis" dalam ayat di atas ialah najis dari sudut agama, bukan fizikal. Ibn Katsir *rahimahullah* (774H) menyatakan: "Allah memerintahkan hamba-hamba-Nya yang mukmin lagi suci agama dan dirinya agar mengusir orang-orang musyrik dari *al-Masjid al-Haram* kerana mereka adalah orang-orang yang najis agamanya (!!!!! !) .....ada pun kenajisan tubuh orang musyrik, maka menurut jumhur ilmuan, tubuh dan diri orang musyrik tidaklah najis." [Tafsir *al-Qur'an al-'Azhim* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut,

[1999), jld. 2, ms. 329-330]

2. Menggunakan kaedah qiyas untuk meluaskan hukum ke seluruh masjid adalah tidak benar kerana apabila Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* mengkhususkan *al-Masjid al-Haram*, bererti hukum larangan hanya ditujukan kepada masjid tersebut dan tidak kepada masjid-masjid yang lain. Seandainya Allah menghendaki hukum larangan meliputi semua masjid, nescaya Allah akan menyebut masjid secara umum sebagaimana dalam ayat-ayat-Nya yang lain.

Kesimpulannya, orang bukan Islam boleh memasuki masjid. Hanya disyaratkan bahawa kemasukan mereka bukanlah untuk membuat kerosakan kepada masjid atau mengganggu orang yang sedang beribadah di dalamnya. Namun perlu diwarnakan bahawa dua syarat ini mencakupi sesiapa saja yang memasuki masjid, sama ada orang Islam atau orang bukan Islam.

**Analisa # 2:  
Hukum Orang Junub Memasuki Masjid.**

Orang yang junub dilarang dari memasuki masjid kecuali jika sekadar melintas. Dalilnya ialah ayat berikut:

***Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu hampiri solat (mendirikannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan. Dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan junub kecuali kamu hendak melintas sahaja, hingga kamu mandi.*** [al-Nisa' 4:43]

Dalam ayat di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melarang umat Islam dari menghampiri atau memasuki masjid dalam keadaan junub melainkan mereka mandi wajib terlebih dahulu. Akan tetapi ada pengecualian dalam larangan tersebut, iaitu boleh menghampiri dan memasuki masjid jika sekadar melintas sahaja.

Ada pun hukum bagi orang bukan Islam, maka ada dua kemungkinan:

1. Orang bukan Islam termasuk dalam perbicaraan ayat 43 surah al-Nisa' di atas. Apabila orang Islam dilarang memasuki masjid dalam keadaan junub, maka sudah tentu orang bukan Islam lebih dilarang dari memasuki masjid dalam keadaan junub.
2. Orang bukan Islam tidak termasuk dalam perbicaraan ayat 43 surah al-Nisa' di atas. Ini kerana ayat tersebut ditujukan kepada orang Islam. Ia dimulai dengan seruan: "***Wahai orang-orang yang beriman...***" dan bukan "*Wahai manusia...*". Oleh itu hukum orang bukan Islam yang junub

memasuki masjid adalah harus kerana tiada dalil sahih yang melarang mereka.

Pada analisa saya, kemungkinan kedua adalah lebih tinggi. Sebabnya:

1. Dalam hadis-hadis yang sahih, sebagaimana yang dikemukakan dalam **Analisa # 1**, jelas diterangkan bahawa orang-orang bukan Islam pernah memasuki masjid. Padahal mereka, sebagaimana manusia biasa, lazim mengadakan hubungan seks dengan pasangan mereka dan tidak pernah mandi wajib. Justeru mereka sentiasa berada dalam keadaan junub. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sedia mengetahui keadaan mereka itu tetapi tetap mengizinkan mereka memasuki masjidnya.
2. Jika diandaikan ayat 43 surah al-Nisa' turut mencakupi orang bukan Islam, apakah jika mereka mandi wajib, mereka akan dapat memasuki masjid? Sudah tentu tidak kerana mandi wajib hanya sah bagi orang Islam.

Hasilnya, adalah tidak tepat untuk melarang orang bukan Islam dari memasuki masjid atas alasan mereka dalam keadaan junub.

**Analisa # 3:**  
**Hukum Wanita Bukan Islam Yang Didatangi Haid**  
**Memasuki Masjid.**

Terhadap persoalan ini, terlebih dahulu perlu dianalisa secara ringkas hukum wanita Islam yang haid memasuki masjid. Kebanyakan ahli fiqh melarangnya berdasarkan sebuah riwayat:

!! !!!!! !!! !!! !!!!

***Aku tidak menghalalkan masjid bagi (wanita yang didatangi) haid dan tidak (halal juga) bagi orang yang junub.*** Hadis ini antara lain dikeluarkan oleh Abu Daud dalam kitab Sunannya, hadis no: 220 (*Kitab al-Thaharah, Bab berkenaan orang junub yang memasuki masjid*).

Walaubagaimana pun, para ahli hadis berbeza pandangan dalam menilai darjat hadis ini. Di antara mereka ada yang menilainya dhaif, ada yang menilainya hasan dan ada yang menilainya sahih. Saya telah memperincikan perbezaan pandangan tentang darjat hadis ini dalam sebuah risalah lain berjudul *Meninjau Semula Hukum Wanita Yang Didatangi Haid Memasuki Masjid*.

Di sebalik perbezaan ini, sama-sama diketahui bahawa hukum-hukum Islam hendaklah dibina di atas sumber yang kukuh lagi padu. Hadis yang diperselisihkan darjatnya tidak boleh dijadikan sumber hukum. Apatah lagi

dalam subjek yang sama terdapat hadis-hadis sahih lain yang menerangkan para isteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan wanita lain *radhiyallahu 'anhum* pernah memasuki masjid dan mendiaminya dalam keadaan didatangi haid. Justeru pandangan yang lebih kuat adalah harus hukumnya bagi wanita yang didatangi haid atau nifas untuk memasuki masjid.

Ada pun wanita bukan Islam yang didatangi haid, hukumnya adalah harus juga untuk mereka memasuki masjid. Hanya saja disyaratkan agar mereka menjaga kebersihan masjid dan syarat ini mencakupi kedua-dua wanita Islam dan bukan Islam.

#### **Analisa # 4:**

#### **Hukum Menutup Aurat Ketika Memasuki Masjid.**

Sesiapa saja yang ingin memasuki masjid wajib menutup aurat, berdalilkan ayat berikut:

!!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!!

***Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah pada tiap-tiap kali kamu ke masjid.***  
[al-A'raaf 7:31]

Penjelasan ayat adalah seperti berikut:

1. "***Wahai anak-anak Adam!***" Permulaan ayat ditujukan kepada seluruh manusia dan bukan

kepada orang Islam sahaja. Ia berbeza dengan ayat 43 surah al-Nisa' sebelum ini (**Analisa # 2**) yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman sahaja. Bagi ayat 31 surah al-A'raaf ini, ia ditujukan kepada orang Islam dan orang bukan Islam.

Secara lebih terperinci, ayat ini turun (*Asbab al-Nuzul*) dalam konteks menegur tindakan orang-orang arab jahiliyah yang tawaf di Ka'bah dalam keadaan bogel. Akan tetapi perbincangan ayat ditujukan kepada semua orang tanpa terhad kepada mereka yang tawaf di *al-Masjid al-Haram* sahaja. al-Qurtubi *rahimahullah* (671H) menjelaskan hal ini:

Firman Allah *Ta'alā*: "*Wahai anak-anak Adam!*", ia adalah perbicaraan untuk keseluruhan (manusia di) alam (ini). Sekali pun maksud (asalnya) ialah berkenaan orang Arab yang tawaf di *Baitullah* dalam keadaan bogel, ia sebenarnya adalah umum untuk setiap masjid yang didirikan solat (di dalamnya). Ini kerana yang diambil adalah pengajaran yang umum dan bukan sebab yang khusus. [*al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* (Dar al-Fikr, Beirut, 1999), jld. 7, ms. 136]

2. "**Pakailah pakaian kamu yang indah...**". Tercakup dalam pengertian pakaian yang indah ialah pakaian yang menutup aurat. Mustahil Islam mengiktiraf sesuatu fesyen pakaian sebagai indah

jika ia tidak menutup aurat. Muhammad Quraish Shihab *hafizhahullah* menerangkan:

**"Pakailah pakaian kamu yang indah..."**, minimum dalam bentuk menutup aurat kerana membukanya pasti buruk. Lakukan itu di setiap kali memasuki dan berada di dalam masjid. [Tafsir al-Mishbah (Lentera Hati, Jakarta, 2002), jld. 5, ms. 72]

3. Ayat ini berbentuk perintah (*fi'il amr*), maka dengan itu hukum yang dikandung olehnya ialah wajib. Maka wajib hukum bagi seluruh manusia, sama Islam atau bukan Islam, untuk menutupi aurat ketika memasuki masjid. Wahbah al-Zuhaili *hafizhahullah* menegaskan: "Ayat **"Pakailah pakaian kamu yang indah..."** menjadi dalil atas wajibnya (hukum) menutup aurat." [Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syar'iyyah wa al-Manhaj (Dar al-Fikr, Damsyik, 1998), jld. 7, ms. 186]

Oleh itu adalah wajib hukumnya bagi orang bukan Islam untuk menutup aurat ketika memasuki masjid. Batas aurat yang perlu ditutupi adalah sama seperti yang telah ditetapkan bagi lelaki dan wanita Islam. Ia telah saya kupas sebelum ini dalam bab *Pakaian Muslimah Bertaqwa* dalam buku *Membongkar Aliran Islam Liberal* (Jahabersa, Johor Bahru, 2007).

Dalam konteks ini, hendaklah agensi pelancongan memberi notis awal kepada para pelancong mereka untuk

memakai pakaian yang menutup aurat pada hari mereka merancang untuk melawat masjid. Bagi pelancong wanita, kain selendang (*scarf*) adalah memadai *insya-Allah* memandangkan agak sukar untuk mereka memakai kain tudung yang sempurna.

Selain itu, masjid-masjid yang lazim menjadi tumpuan pelancong hendaklah juga menyediakan jubah dan selendang untuk para pelancong, seandainya mereka tidak bersiap sedia dengan pakaian yang menutupi aurat. Ini adalah satu bentuk kemudahan yang termasuk dalam pesan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

A horizontal row of 15 exclamation marks, each consisting of three vertical strokes.

***Permudahkanlah dan jangan menyusahkan,  
gembirakanlah dan jangan menakutkan.*** [Sahih:  
Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam Shahihnya, hadis no:  
69 (*Kitab al-'Ilm, Bab Nabi memilih waktu yang tepat  
untuk menyampaikan nasihat...*]).

**Analisa # 5:  
Hukum Bersempang-Sempang Urusan Dunia Di  
Dalam Masjid.**

Hukum bersembang-sembang urusan dunia di dalam masjid adalah harus. Dalilnya adalah hadis berikut di mana pernah ditanya kepada Jabir bin Samurah *radhiyallahu 'anh*:

!!! !!!!!! !!!!!! !!!!!! !!!!!! !!!!!! !!!!!! !!!  
!!! y !!! y !!! y !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!  
!!!! !!! y !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!  
!!!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!

*"Apakah kamu biasa duduk bersama Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam?" (Jabir) menjawab: "Ya! Sering kali. Baginda lazimnya tidak bangun dari tempat melaksanakan solat subuh sehingga matahari terbit. Apabila matahari terbit, baginda pun bangun. Pada ketika itu mereka (para sahabat) bersempang-semang hal-ehwal jahiliyah sehingga mereka ketawa sementara baginda tersenyum." [Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam Shahihnya, hadis no: 670 (Kitab al-Masajid..., Bab keutamaan duduk di tempat sesudah solat subuh...)]*

Terhadap hadis ini, Ahmad bin 'Amr bin Ibrahim al-Qurtubi *rahimahullah* (656H) mengulas:

Sesungguhnya mereka (para sahabat) pada ketika itu bersempang-semang, dan sesungguhnya bersempang di dalam masjid adalah sesuatu yang dibolehkan, bukan sesuatu yang dilarang. Tidak ada satu larangan juga dalam masalah ini. Akan tetapi, selari dengan tujuan utama (masjid), berzikir kepada Allah Ta'ala adalah lebih utama pada ketika itu. Namun ini tidaklah bererti bersempang-semang dalam hal-ehwal

yang diperlukan wajib ditinggalkan pada waktu tersebut.  
[*al-Mufhim lima Asykala min Talkhish Kitab Muslim*  
(*tahqiq*: Muhyi al-Din Dibb Matsu dan rakan-rakan;  
Dar Ibn Katsir, Damsyik, 1999), jld. 2, ms. 296]

Rumusannya, hukum bersempang-sempang dalam masjid adalah harus. Dengan syarat ia tidak dilakukan dengan suara yang kuat kerana mengganggu orang lain yang sedang beribadah di dalamnya. Juga topik persembangan bukan sesuatu yang kotor atau dilarang oleh Islam. Kedua-dua syarat ini dikenakan kepada sesiapa yang memasuki masjid, sama ada orang Islam atau orang bukan Islam.

### **Kesimpulan.**

Hasil analisa menunjukkan bahawa al-Qur'an dan al-Sunnah membolehkan orang bukan Islam memasuki masjid. Pelbagai syarat yang dikenakan kepada mereka adalah tidak benar kecuali satu, iaitu hendaklah mereka menutup aurat ketika memasuki dan berada di dalam masjid. Syarat ini tentu saja wajib dikenakan kerana masjid adalah tempat suci dan pusat ibadah umat Islam. Sudah tentu kita tidak mahu sesiapa memasuki masjid dengan fesyen yang menayangkan aurat di sana-sini.

Pada waktu yang sama, dalam analisa-analisa di atas, saya telah menyatakan beberapa adab memasuki masjid seperti tidak merosakkan masjid, tidak

mengotorkan masjid dan tidak berbuat bising di dalam masjid. Adab-adab ini hendaklah diperhatikan, bukan sahaja oleh orang bukan Islam, tetapi juga oleh orang Islam.

Sebelum berakhir, ingin saya berpesan kepada diri saya dan para pembaca sekalian agar menahan diri daripada menokok-tambah sekian-sekian hukum berkenaan orang bukan Islam yang memasuki masjid. Syarat-syarat ini bukan sahaja menghalang mereka dari memasuki masjid, tetapi menjauhkan mereka dari mengenali Islam. Kita sepatutnya mencari pelbagai ruang untuk menarik mereka ke arah Islam dan bukan pula sebaliknya, kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memerintahkan kita:

!! !!!!!!! f!! !!!! ! j!!!!!! j!!!! f! j!! !!! !!! !! !!! !!  
!! !!!! ! j!!!!!! !!!!!! !! !!! ! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!

***Serulah ke jalan Tuhan-mu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhan-mu, Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk.*** [al-Nahl 16:125]

## **Meninjau Semula Hukum Nikah, Iddah Dan Nasab Anak Bagi Penzina.**

oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Sesuatu yang tidak dapat disembunyikan pada masa kini adalah banyaknya kes keterlanjuran antara pasangan lelaki dan wanita muslim yang belum berkahwin hingga menyebabkan mereka terjatuh ke dalam kancang perzinaan. Namun, *alhamdulillah*, dalam jumlah yang banyak tersebut terdapat mereka yang segera teringat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan keterlanjuran mereka dan ingin bertaubat. Pada waktu yang sama mereka ingin melangsungkan perkahwinan dengan orang yang mereka zinai dan meneruskan kehidupan berkeluarga dalam suasana yang halal. Di sini timbul beberapa persoalan hukum:

- A) Bolehkah penzina bernikah?
- B) Bolehkah bernikah dengan wanita yang sedang hamil kerana zina?
- C) Bagaimana status anak yang lahir hasil dari zina?

*Insya-Allah* dalam risalah ini saya akan terangkan hukum bagi persoalan-persoalan di atas. Para ilmuan kita telah pun membuka perbincangan yang luas terhadap persoalan-persoalan di atas dan tidak kurang pula dalam

perbincangan tersebut terdapat perbezaan pendapat yang saling menyilang. Di antara perbezaan itu ada yang masyhur kerana memiliki dalil yang kukuh dan ada yang asing kerana tidak memiliki dalil yang kukuh.

Dalam risalah ini saya akan menyertakan perbezaan pendapat tersebut bukan dengan cara menyebut nama tokoh atau mazhab yang berbeza pendapat, tetapi dengan cara mengemukakan dalil dan hujah bagi setiap pendapat. Seterusnya saya jelaskan pendapat mana yang lebih kuat *insya-Allah*. Tentu saja dengan catitan, apa yang kuat mengikut analisa saya mungkin lemah mengikut analisa para pembaca sekalian. Semua ini adalah tanda kematangan fiqh yang sekali gus menandakan kematangan seseorang dalam beragama.

#### A) **Bolehkah Penzina Bernikah?**

Terhadap persoalan ini ada dua senario:

**Senario Pertama:** Jamal dan Jamilah masing-masing baru berkenalan kira-kira dua bulan. Akan tetapi kerana tarikan nafsu yang amat kuat, mereka terlanjur berzina di sebuah rumah sewa. Masing-masing segera sedar akan kesilapan mereka dan dengan itu mereka ingin bernikah dan meneruskan kehidupan sebagai pasangan muslim yang baik lagi beriman.

Senario pertama merujuk kes penzina yang ingin

bernikah dengan penzina. Hukumnya adalah haram berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

!! !!!! !!! ! !!! !!!!!!! !!! !! !!! !!! !!! !!!  
!! !!! !!!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!!

***Lelaki yang berzina (lazimnya) tidak bernikah melainkan dengan wanita yang berzina atau wanita musyrik; dan wanita yang berzina itu pula (lazimnya) tidak dinikah melainkan oleh lelaki yang berzina atau lelaki musyrik. Dan perkahwinan yang demikian itu dilarang kepada orang-orang yang beriman.*** [al-Nur 24:03]

Ayat di atas menerangkan kes lelaki penzina yang bernikah dengan wanita penzina, atau sebaliknya. Pernikahan tersebut "...dilarang kepada orang-orang yang beriman." Hukum haram atau larangan pernikahan terangkat apabila kedua-dua lelaki dan wanita tersebut bertaubat dari sebarang aktiviti zina. Dengan taubat, mereka tidak lagi dikenali sebagai penzina di sisi syari'at Islam dan dengan itu tidak lagi masuk dalam perbicaraan ayat 3 surah al-Nur di atas.

**Senario Kedua:** Firdaus dan Faridah sedang bersiap sedia menghadapi hari pernikahan mereka yang akan menjelang tiba minggu hadapan. Namun hati Firdaus kurang tenteram mengingatkan sejarah lampau yang pernah

berzina beberapa kali dengan wanita lain. Dia terfikir, apakah halal untuk aku menikahi Faridah yang dikenali sebagai wanita yang shalihah?

Scenario kedua merujuk kepada kes dimana salah seorang dari pasangan yang bakal menikah adalah penzina. Apakah hukum Islam mengenainya? Ayat berikut menjadi rujukan:

!! !!! !!! ! !!! !!! ! !!!!!! ﴿ !!!!! ﴾ ! ! !!! !!! ! !!!!!! ﴿ !!!!! !!!

***Wanita-wanita yang jahat adalah untuk laki-laki yang jahat, dan laki-laki yang jahat untuk wanita-wanita yang jahat; dan (sebaliknya) wanita-wanita yang baik untuk laki-laki yang baik, dan laki-laki yang baik untuk wanita-wanita yang baik.*** [al-Nur 24:26]

Antara yang dimaksudkan dengan lelaki dan wanita yang jahat adalah mereka yang melakukan zina. Maka pasangan penzina tidak boleh dinikahkan dengan pasangan yang shalih melainkan dia bertaubat terlebih dahulu sebelum dia bernikah. Dengan taubat, dia termasuk dalam kategori orang yang baik dalam ayat di atas.

Dalam kedua-dua senario di atas, Islam melarang pasangan penzina daripada bernikah. Sama ada kedua-dua pasangan atau salah seorang daripada mereka, aktiviti

zina menjadi faktor larangan untuk bernikah. Kenapa sedemikian? Antara hikmahnya, nikah adalah satu ikatan untuk kedua-dua pasangan hidup harmoni sebagai satu keluarga. Tidak dapat dibayangkan bahawa ciri keharmonian itu dapat dicapai jika salah seorang atau kedua-duanya masih melazimkan diri dengan aktiviti zina. Islam menghalalkan nikah agar kedua-dua pasangan hidup harmoni. Maka dengan itu juga, Islam mengharamkan nikah yang sejak dini memiliki ciri yang bertentangan dengan keharmonian tersebut.

**B) Bolehkah Bernikah Dengan Wanita Yang Sedang Hamil Kerana Zina?**

**Senario Pertama:** Sesudah Jamal dan Jamilah bertaubat dari kesalahan zina, mereka membuat persiapan untuk melangsungkan majlis perkahwinan. Walaubagaimana pun sebelum tarikh pernikahan, Jamilah mendapati dirinya telah hamil hasil dari hubungannya dengan Jamal sebelum itu.

Wujud perbincangan di kalangan ilmuan Islam terhadap senario pertama di atas. Perbincangan mereka menghasilkan dua pendapat:

**Pendapat Pertama:**

Tidak boleh bernikah dengan wanita yang hamil. Jika sudah bernikah dengan wanita yang hamil, nikah

tersebut tidak sah. Ini kerana wanita yang hamil berada dalam keadaan iddah dan waktu iddah tersebut berakhir dengan lahirnya bayi. Pernikahan hanya dibolehkan dan sah selepas bayi dilahirkan.

Dalil-dalil pendapat pertama adalah seperti berikut:

- Dalil al-Qur'an. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

!!!!!! !!!! !!! !!!! !!! !!! È!!! !!!

***Dan wanita-wanita hamil, tempoh iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya.*** [al-Thalaq 65:04]

- Dalil Qiyas (analogi). Sebab (*al-'Illat*) dilarang menikah wanita yang hamil adalah supaya tidak terjadi kekeliruan tentang siapakah ayah sebenar bagi anak yang sedang dikandung itu. Maka hukum nikah bagi wanita yang hamil kerana zina diqiyaskan kepada hukum ayat 4 surah al-Thalaq di atas, supaya tidak terjadi kekeliruan tentang siapa ayah sebenar bagi anak yang sedang dikandung itu.

#### **Pendapat Kedua:**

Boleh bernikah dengan wanita yang sedang hamil kerana zina. Tidak ada iddah ke atas wanita yang sedang hamil kerana zina. Hukum iddah hanya ke atas isteri, iaitu wanita yang bernikah, kemudian hamil, kemudian bercerai dengan suaminya sama ada kerana talak atau kematian. Ada pun dalil Pendapat Pertama, maka para ilmuan dari

Pendapat Kedua berkata:

- Ayat 4 surah al-Talaq merujuk kepada para isteri, iaitu wanita yang bernikah, kemudian hamil, kemudian diceraikan. Ayat 4 adalah sebahagian dari keseluruhan perbincangan yang bermula dari ayat pertama:

!!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!! !!!!

***Wahai Nabi! Apabila kamu (engkau dan umatmu) hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan iddahnya... [al-Thalaq 65:01]***

- Kaedah qiyas hanya digunakan untuk persoalan hukum yang muncul selepas kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ada pun persoalan zina, ia adalah sesuatu yang wujud pada zaman Rasulullah. Banyak hukum berkaitan zina dan penzina yang digariskan oleh Allah dan Rasul-Nya melalui al-Qur'an dan al-Sunnah. Demikian juga hukum-hukum berkaitan hubungan seks dengan wanita tawanan perang yang hamil, ia telah digariskan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.

Namun pada waktu yang sama, Allah dan Rasul-Nya tidak menggariskan hukum iddah ke atas wanita merdeka yang hamil kerana zina. Padahal

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

!!!â†!! !!! !!!!

**Dan tiadalah Tuhanmu (Allah) terlupa.**

[Maryam 19:64]

Justeru apabila Allah dan Rasul-Nya tidak menetapkan hukum iddah ke atas wanita merdeka yang hamil kerana zina, bererti tidak ada hukum iddah ke atas mereka. Ada pun untuk mengelakkan kekeliruan terhadap siapakah ayah sebenar anak yang sedang dikandung, perbicaraannya akan menyusul ketika membahas status anak yang lahir hasil dari zina *insya-Allah*.

#### **Pendapat Yang Kuat.**

Tanpa melepaskan sikap hormat saya kepada para ilmuan yang berpegang kepada pendapat pertama, pada analisa saya pendapat yang kedua adalah lebih kuat.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai Tuhan yang mencipta manusia amat mengetahui tabiat manusia yang mudah terlanjur hingga berzina. Pada waktu yang sama Allah juga mengetahui bahawa di antara hamba-Nya yang berzina, ada sebahagian yang ingin bernikah dan meneruskan kehidupan sebagai pasangan suami isteri yang halal. Untuk bernikah, Allah tidak menetapkan hukum iddah. Sebaliknya Allah menetapkan hukum taubat. Apabila para hamba-Nya yang berzina bertaubat,

dosa dan kesan kesalahan zinanya dihapuskan.

Perkara penting berkenaan taubat adalah, ia bukan sahaja menghapuskan dosa kesalahan, tetapi juga menghapuskan kesan kesalahan. Pengecualian adalah apabila kesan kesalahan itu melibatkan hak orang lain, maka orang yang bertaubat hendaklah juga mengembalikan hak orang yang disalahinya itu.

Apabila Adam dan Hawa memakan pokok yang dilarang, mereka segera bertaubat kepada Allah dan Allah menerima taubat mereka. Dalam rangka menerima taubat mereka, Allah tidak menyuruh Adam dan Hawa memuntahkan apa yang telah mereka makan atau menghukum sebahagian dari darah daging mereka sebagai hasil dari sesuatu yang haram. Taubat Adam dan Hawa sekali gus menghapuskan dosa dan kesan kesalahan:

*Kemudian mereka berdua (Adam dan Hawa) memakan dari pohon itu, lalu terdedahlah kepada mereka aurat masing-masing, dan mereka mulailah menutupnya dengan daun-daun dari Syurga dan dengan itu derhakalah Adam kepada Tuhananya, lalu tersalah jalan. Kemudian Tuhananya memilihnya (dengan diberi taufiq untuk bertaubat), lalu Allah*

**menerima taubatnya serta diberi petunjuk.** [Ta-Ha 20:121-122]

Jika wanita yang sedang hamil kerana zina ditetapkan hukum iddah, ia akan menyebabkan dia terpaksa menanggung malu di sisi masyarakat atas satu kesalahan yang telah dia bertaubat darinya. Wanita itu tidak akan memiliki banyak pilihan kecuali menggugurkan kandungannya atau membuangnya setelah dilahirkan. Kedua-dua pilihan ini merupakan dosa yang besar. Semua ini menyelisihi konsep taubat yang menghapuskan dosa dan kesan orang yang pernah berbuat salah.

**Scenario Kedua:** Pada satu masa yang lalu Azura memiliki beberapa teman lelaki yang ditidurinya secara bergilir-gilir. Malam ini dia bersama Roy, malam esok dia bersama Ahmad, malam lusa dia bersama Azlan, dan begitulah pada malam-malam seterusnya dengan beberapa lelaki yang lain. Kini dia hamil dan dia tidak tahu siapakah ayah kandungannya. Azura ingin bertaubat, bernikah dan memulakan kehidupan baru suami isteri secara halal. Di antara semua lelaki tersebut, dia ingin mengambil Azlan menjadi suaminya.

Scenario pertama merujuk kepada wanita yang hamil kerana zina dan dia mengetahui secara pasti siapakah lelaki yang menghamilkannya. Ada pun senario kedua, ia merujuk kepada wanita yang hamil kerana zina

dan dia tidak pasti siapakah lelaki yang menghamilkannya. Bagi senario kedua, pasangan boleh bernikah berdasarkan apa yang telah dikupas dalam senario pertama di atas. Akan tetapi terdapat perbincangan tambahan di kalangan para ilmuan terhadap senario kedua, bolehkah kedua-dua pasangan itu melakukan persetubuhan? Di sini terdapat dua pendapat:

**Pendapat Pertama:**

Tidak boleh bersetubuh sehingga bayi dilahirkan berdasarkan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

!!!! !

*Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat maka janganlah dia menyirami air maninya ke atas anak milik orang lain.*

Hadis di atas dikeluarkan oleh Imam al-Tirmizi dan ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 1131 (*Kitab al-Nikah, Bab berkenaan lelaki yang membeli seorang hamba padahal dia hamil*). Dalam hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melarang seorang lelaki daripada bersetubuh dengan seorang wanita yang sedang hamil hasil dari hubungan dengan orang lain.

**Pendapat Kedua:**

Boleh bersetubuh kerana hadis-hadis yang melarang sebenarnya merujuk kepada wanita yang tidak

merdeka seperti hamba dan tawanan perang. Ada pun wanita merdeka yang hamil kerana zina, maka tidak ada dalil yang melarang persetubuhan bersama lelaki yang dinikahinya, sekali pun lelaki itu bukan orang yang menghamilkannya.

**Pendapat Yang Kuat:**

Jika dikaji semua hadis berkaitan larangan bersetubuh dengan wanita yang dihamilkkan oleh lelaki lain, akan ditemui bahawa di antaranya ada yang bersifat umum dan ada yang bersifat khusus kepada wanita hamba dan tawanan perang. Maka hadis yang bersifat umum meliputi semua kategori wanita sama ada yang merdeka atau tidak. Oleh itu pendapat yang lebih selamat adalah pendapat yang pertama, iaitu tidak bersetubuh sehingga bayi itu dilahirkan.

Antara hikmah larangan adalah supaya bayi yang dikandung tetap selamat ketika berlakunya persetubuhan. Jika yang sedang bersetubuh adalah ayah kandungan, nescaya dia akan berhati-hati dan lemah lembut. Sebaliknya jika yang sedang bersetubuh adalah bukan ayah kandungan, kemungkinan besar dia akan lupa sehingga beraksi dengan kekasaran yang mungkin mencederakan kandungan atau menyebabkan keguguran.

**D) Bagaimana Status Anak Yang Lahir Hasil Dari Zina?**

**Scenario Pertama:** Jamilah akhirnya melahirkan seorang bayi perempuan yang sihat. Jamal dan Jamilah sangat bergembira lagi bersyukur kepada Allah. Mereka menamakan bayi tersebut Sakinah. Seterusnya mereka berfikir, apakah status bayi tersebut? Bolehkah dia dinasabkan kepada Jamal dan diberi nama Sakinah binti Jamal? Apabila dewasa, perlukah Sakinah sentiasa menjaga auratnya ketika di rumah apabila Jamal ada bersama? Bolehkah Jamal menjadi wali perkahwinan Sakinah satu hari kelak dan mewariskan hartanya kepada Sakinah?

Para ilmuan sekali lagi memiliki perbincangan dalam menentukan status anak yang asalnya adalah hasil zina. Perbincangan mereka membawa dua pendapat:

**Pendapat Pertama:**

Anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada ayahnya. Apabila baligh, anak tersebut hendaklah menjaga auratnya apabila berhadapan dengan ayahnya. Pada waktu yang sama ayahnya tidak boleh menjadi wali perkahwinan dan tidak boleh mewariskan harta kepada anaknya. Ringkasnya, dia adalah ayah dari sudut biologi tetapi tidak dari sudut hukum agama.

Dalilnya adalah hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang dikeluarkan oleh Imam al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 2053 (*Kitab al-Buyu'*, *Bab tafsir al-Musyabihat*):

!!! ! حاشر !!! !! حاشر !!!

***Anak itu adalah bagi yang memiliki tempat tidur manakala lelaki yang (menzinai) dijauhkan.***

Dalam hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerangkan bahawa anak zina dinasabkan kepada empunya tempat tidur, iaitu si-wanita (ibunya) manakala lelaki yang menzinai sehingga lahirnya anak tersebut dijauhkan. Ringkasnya ayah yang menzinai tidak memiliki apa-apa kaitan hukum dengan anaknya.

**Pendapat Kedua:**

Anak tersebut dinasabkan kepada ayahnya sama ada dari sudut biologi mahu pun hukum. Maka anak itu dinamakan Sakinah binti Jamal dan ayahnya (Jamal) boleh menjadi wali pernikahan Sakinah dan mewariskan harta kepadanya. Ini kerana taubat yang dilakukan oleh Jamal dan Jamilah menghapuskan semua kesan kesalahan zina mereka yang lalu, kini dan akan datang.

Selain itu terdapat dalil dari sejarah umat Islam sendiri dimana ketika Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mula mendakwahkan Islam, keluarga-keluarga yang sebelumnya dalam keadaan jahiliyah memeluk Islam.

Keluarga-keluarga ini terbahagi kepada dua kategori:

**Kategori Pertama:**

Seluruh keluarga, yakni suami isteri dan anak-anak memeluk Islam. Bagi kategori ini, suami isteri tersebut tidak dituntut untuk bernikah semula. Pernikahan mereka melalui adat jahiliyah dahulu diiktiraf apabila mereka memeluk Islam. Padahal jika ditinjau dengan lebih mendalam, pernikahan yang mereka lakukan satu masa lalu hanya sah dari ukuran adat jahiliyah, tidak sah dari ukuran hukum Islam. Ringkasnya pasangan suami isteri itu hidup dalam suasana zina dan melahirkan anak melalui hubungan zina.

Akan tetapi apabila mereka memeluk Islam, ia adalah satu bentuk taubat yang dengannya semua tindakan mereka yang lalu tidak lagi diambil kira. Apabila mereka memeluk Islam sekeluarga, pernikahan mereka yang lalu melalui adat jahiliyah diiktiraf oleh Islam sebagai pernikahan yang sah dan anak mereka yang terhasil dari persetubuhan jahiliyah diiktiraf oleh Islam sebagai anak yang sah. Anak itu dinasabkan kepada ayahnya secara biologi dan hukum.

Hukum ini masih berlaku hingga masa kini. Umpamakan Rajen A/L Gobindren dan isterinya Rajeswari A/P Apawari bersama anak mereka Kumari A/P Rajen sekeluarga memeluk Islam. Rajen dan isterinya Rajeswari tidak dituntut untuk bernikah semula cara Islam.

Pernikahan mereka melalui cara Hindu diiktiraf oleh Islam. Yang dianjurkan hanya sekadar tambahan nama bagi memudahkan pengenalan bahawa mereka telah memeluk Islam. Contohnya Muhammad Rajen bin Gobindren dan Siti Rajeswari binti Apawari.

Demikian juga bagi anak perempuan mereka, Kumari A/P Rajen. Islam tidak bertanya berkenaan status Kumari, sebaliknya menerima Kumari sebagai anak yang sah bagi Rajen. Muhammad Rajen boleh menjadi wali kepada pernikahan Kumari satu masa nanti dan boleh mewariskan harta kepada Kumari. Hanya yang dianjurkan adalah penambahan nama bagi memudahkan pengenalan bahawa Kumari telah memeluk Islam. Contohnya Siti Kumari binti Muhammad Rajen.

**Kategori Kedua:**

Hanya anak yang memeluk Islam manakala ibubapanya masih dalam agama Jahiliyah. Bagi kategori ini, Islam tetap menerimanya sebagai anak sah bapanya tanpa bertanya sejarah asal usul anak tersebut. Anak itu tetap dinasabkan kepada ayahnya secara biologi tetapi tidak secara hukum. Maka ayah tidak boleh menikahkan anaknya dan tidak ada harta warisan (mengikut salah satu pendapat) bagi anaknya.

Hukum ini tetap berlaku pada masa kini. Kita kembali kepada contoh Rajen dan keluarganya. Kini umpamakan hanya Kumari yang memeluk Islam manakala

Rajen dan Rajeswari kekal dengan agama Hindu. Kumari tetap diiktiraf oleh Islam sebagai anak Rajen dan dinasabkan kepadanya: Siti Kumari binti Rajen. Akan tetapi tidak boleh dinasabkan secara hukum, bererti Rajen tidak boleh menjadi wali kepada pernikahan Siti Kumari dan mewariskan harta kepada Kumari (mengikut salah satu pendapat).

#### **Pendapat Yang Kuat:**

Pada analisa saya, sekali pun yang masyhur adalah pendapat pertama, tetapi dari sudut ketepatan dalil dan kekuatan hujah, pendapat kedua adalah yang terpilih.

Ada pun hadis "**Anak itu adalah bagi yang memiliki tempat tidur manakala lelaki yang (menzinai) dijauhkan.**", maka ia tidak tepat untuk dijadikan dalil dalam persoalan yang sedang dibincang. Ini kerana hadis tersebut, jika dikaji kisahnya dari awal hingga akhir, hanya merujuk kepada kes seorang anak yang diperselisihkan, siapa ayahnya yang sebenar? Maka Rasulullah mengembalikan anak tersebut kepada pasangan suami isteri yang sudah bernikah secara sah. Seandainya si-isteri telah berzina dan itu adalah anak zina, anak itu tetap dinasabkan kepada suami isteri yang sah manakala lelaki yang menzinai tidak memiliki apa-apa hubungan nasab.

Istilah (الفراش) bererti hamparan tempat tidur, di sini secara kiasan merujuk kepada isteri kerana isteri adalah

umpama tempat tidur bagi suami melalui pernikahan yang sah. Pasangan yang pernah berzina tidak memiliki (الفراش) dan tidak dikenali sebagai (الفراش), justeru mereka dan anak hasil perzinaan mereka tidak memiliki apa-apa kaitan dengan hadis di atas.


**Senario Kedua:** Azlan dan Azura bertaubat dan melangsungkan pernikahan. Azura kemudiannya selamat melahirkan anak perempuan yang mereka namakan Anisah. Akan tetapi Azura masih tidak tahu siapakah ayah Anisah yang sebenar. Azlan juga tahu bahawa dia mungkin ayah biologi kepada Anisah dan mungkin juga tidak.

Sekali lagi, bezakan bahawa senario pertama merujuk kepada anak hasil zina yang diketahui siapa ayahnya manakala senario kedua merujuk kepada anak hasil zina yang tidak diketahui siapa ayahnya.

Maka bagi senario kedua anak zina tersebut tidak boleh dinasabkan secara biologi mahu pun hukum kepada si-ayah. Dalam ertikata lain, tidak boleh memberi nama Anisah binti Azlan, sebaliknya hendaklah diberi nama Anisah binti Abdul Rahman (atau mana-mana nama Allah yang lain). Anisah hendaklah menjaga auratnya apabila berhadapan dengan ayahnya (Azlan) dan Azlan tidak boleh menjadi wali penikahan Anisah mahu pun mewariskan harta kepada Anisah. Hubungan Azlan dengan Anisah adalah umpama hubungan seorang ayah dengan anak

angkat.

Dalilnya adalah sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam *Shahih al-Bukhari*, hadis no: 6767 (*Kitab al-Faraidh, Bab orang yang menyandarkan...*):



*Sesiapa yang menyandarkan nasabnya kepada seseorang yang bukan ayah (biologi)nya padahal dia mengetahui bahawa itu bukan ayah (biologi)nya maka syurga diharamkan ke atasnya.*

Hadir di atas adalah umum meliputi semua keseperti anak dari pernikahan yang sah, anak angkat, anak yatim dan anak dari hasil perzinaan yang tidak diketahui ayahnya.

Walaubagaimana pun pada masa kini sudah ada kaedah pemeriksaan DNA dimana dengan membandingkan kod-kod genetik manusia, dapat diketahui siapa ayahnya. Malah teknologi terkini membolehkan pemeriksaan dilakukan terhadap bayi yang berumur 12 minggu ke atas sekali pun masih berada dalam kandungan ibunya.

Azlan dan Anisah boleh melakukan pemeriksaan DNA dan jika didapati Azlan adalah ayah biologi Anisah, maka hubungan antara kedua-duanya kembali kepada senario pertama di atas. Akan tetapi jika pemeriksaan DNA menunjukkan Azlan bukan ayah biologi Anisah atau pemeriksaan DNA tidak dapat dilakukan, maka hubungan kedua-duanya adalah seperti senario kedua di atas.

### **Kesimpulan.**

Menarik untuk diperhatikan bahawa Allah dan Rasul-Nya sebenarnya mendiamkan hukum iddah dan status anak penzina. Tidak ada ayat atau hadis yang secara jelas lagi padu (*Qathi'e*) menggariskan hukum iddah dan status anak penzina. Ketiadaan ini menyebabkan hukum iddah dan status anak penzina masuk dalam kategori *Ijtihadiyah* dan para ilmuan terbahagi kepada dua golongan dalam menyikapinya:

1. Menggunakan dalil-dalil umum dan memasukkan hukum iddah dan status anak bagi penzina dalam keumuman tersebut. Juga menggunakan kaedah qiyas bagi menghubungkan hukum iddah dan status anak penzina kepada dalil-dalil yang membicara hukum lain secara khusus.
2. Menggunakan hujah kesempurnaan al-Qur'an dan al-Sunnah, bahawa jika kedua-dua sumber tersebut tidak menggariskan hukum iddah dan status anak penzina, padahal kedua-dua masalah tersebut sedia wujud pada masa sebelum kesempurnaan al-Qur'an dan al-Sunnah, maka tidak perlu bagi orang selepas kesempurnaan al-Qur'an dan al-Sunnah menggariskan sesuatu hukum.

Kedua-dua manhaj di atas adalah benar jika diukur melalui disiplin ilmu-ilmu Islam. Dalam menganalisa dalil dan hujah kedua-dua pihak, saya menggunakan satu

ukuran lain yang sering ditinggalkan, iaitu pengaruh taubat dalam menghapuskan kesan kesalahan orang yang berzina. Selain itu pada pandangan saya, perbicaraan hukum tidak patut memiliki sifat teknikal sahaja, tetapi perlu juga memiliki sifat adil (*al-'Adil*), rahmat (*al-Rahman*), belas kasih (*al-Rahim*) dan memaafkan (*al-'Afuw*). Semua ini adalah sifat-sifat Allah, Tuhan yang menurunkan hukum Islam itu sendiri.

### **Beberapa Nasihat Akhir.**

Sebelum mengakhiri risalah ini, ingin saya ambil kesempatan untuk menyampaikan beberapa nasihat akhir.

#### **Pertama:**

Tujuan risalah ini bukanlah untuk meringankan kesalahan zina tetapi sekadar memberi jalan keluar kepada orang yang terlanjur berzina lalu ingin kembali ke jalan yang benar. Zina tetap merupakan kesalahan yang amat berat lagi keji dalam Islam. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

!! !!! ! !!! ! !!! ! !!! ! !!! ! !!! ! !!! ! !!! ! !!! !

***Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerrosakan).*** [al-Isra' 17:32]

Oleh itu sikap yang benar, matang lagi selamat adalah menjauhi zina serta apa jua faktor yang mungkin mengarah kepada zina.

**Kedua:**


Maaf kata, kadangkala faktor yang mengarah kepada zina adalah ibubapa penzina itu sendiri. Sebabnya, apabila anak ingin bernikah, ibubapa sering menghalang dengan alasan-alasan yang hanya layak dikemukakan jika mereka hidup pada *Jurasic Park*. Alasan "Tamatlah pengajian dulu", "Kerjalah dulu", "Tunggulah naik pangkat dulu" dan "Belilah rumah dulu" tidak lagi relevan untuk masa kini. Kenapa tak relevan? Sudah masanya anda, Wahai Ibubapa, duduk sejenak dan memikirkannya.

Sikap ibubapa yang menghalang anak bernikah tanpa alasan yang munasabah pada zaman kini adalah antara sebab utama mengapa anak-anak muda terlanjur berzina. Oleh itu pada kesempatan ini, ingin saya nasihatkan diri saya dan para ibubapa sekalian agar:

1. Jangan menghalang anak yang ingin bernikah kecuali dengan alasan yang munasabah lagi benar. Alasan itu pula hendaklah memiliki manfaat yang jauh lebih besar berbanding mudarat yang bakal menimpa seandainya diizinkan bernikah.
2. Seandainya anak terlanjur berzina, ibubapa janganlah menghalang mereka jika mereka ingin bertaubat, bernikah dan meneruskan kehidupan

sebagai pasangan yang halal. Malah ibubapa sepatutnya memainkan peranan positif dengan menasihati mereka untuk bertaubat dengan cara bernikah dan meneruskan kehidupan sebagai pasangan yang halal. Seterusnya ibubapa memainkan peranan memimpin dan membantu pasangan muda tersebut menghadapi suka duka kehidupan berumahtangga.

Jangan lupa bahawa ibubapa memiliki tanggungjawab yang besar dalam persoalan ini sehingga ke Hari Akhirat. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:



***Setiap daripada kalian adalah pemimpin dan setiap daripada kalian akan dipersoal akan apa yang dipimpinnya. Seorang amir adalah pemimpin (kepada rakyatnya), seorang lelaki adalah pemimpin ke atas ahli keluarganya dan seorang wanita adalah pemimpin ke atas rumah suaminya dan anak-anaknya. Maka setiap daripada kalian adalah pemimpin dan setiap daripada kalian akan dipersoal akan apa yang dipimpinnya.*** [Shahih al-Bukhari, hadis no: 5200 (*Kitab al-Nikah, Bab seorang wanita adalah pemimpin di rumah suaminya*)]

**Ketiga:**

Kemungkinan antara yang membaca risalah ini adalah pasangan yang sebelum ini pernah melalui senario-senario yang saya sebutkan atau sesuatu yang menghampirinya. Bagi pasangan ini, saya nasihatkan agar berhati-hati dengan syaitan kerana ia memiliki senjata *extra* untuk mengganggu kalian. Ini kerana syaitan sentiasa mencari celah untuk merosakkan keharmonian rumah tangga dan kesalahan yang lampau adalah sesuatu yang sentiasa baru lagi efektif bagi syaitan.

Syaitan akan menghasut, konon kalian hidup dalam suasana haram, taubat tidak cukup sempurna untuk diterima Allah dan pelbagai lagi demi menaruh keraguan dan akhirnya merosakkan keharmonian rumah tangga.

Semoga risalah ini dapat menjadi senjata untuk melawan balik serangan-serangan syaitan tersebut dan menutup apa-apa celahan lain yang mungkin dapat diselit olehnya.

**Keempat:**

Kemungkinan antara yang membaca risalah ini adalah mereka yang pernah terlanjur berzina atau memiliki kawan yang pernah terlanjur berzina. Hasil dari keterlanjuran tersebut, lahirlah seorang anak yang suci bersih statusnya. Akan tetapi disebabkan oleh pandangan masyarakat, anak tersebut lazim dihukum sebagai anak haram, anak luar nikah, anak zina dan sebagainya.

Pandangan masyarakat yang negatif inilah yang menyebabkan pasangan yang terlanjur membuang anaknya dalam tong sampah, tandas atau di tempat perhentian bas.

Diharapkan melalui risalah ini, pandangan masyarakat yang menghukum secara negatif ke atas bayi yang tidak berdosa itu segera dipadamkan. Hasilnya, pasangan yang terlanjur tidak akan merasa bersalah untuk terus memelihara anak mereka itu sepetimana ibubapa yang lain.

## **Wal 'Ashr: Pengurusan Masa Dalam Islam.<sup>73</sup>**

oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

!!! !!!!!!! !!! !!! !2!!!! ! !!!! !! !â!! !!!1!!!! !!!  
!!!3!!!! !!! ! !!!!! !!!!! !!!!! !!! !!! !! !!! !!

*Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal shalih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.* [al-'Ashr 103:1-3]

Dalam ayat di atas, Allah Subhanahu wa Ta'ala menerangkan bahawa manusia sentiasa berada dalam kerugian kecuali mereka yang melakukan empat perkara:

1. Beriman, iaitu memiliki aqidah yang sahih lagi kukuh terhadap Allah dan apa yang disyari'atkan oleh-Nya.
2. Melaksanakan amal shalih. Ia bukan sekadar solat, puasa dan zikir, tetapi meliputi semua amalan yang

---

<sup>73</sup> Risalah ini merupakan kertas kerja yang saya bentangkan dalam seminar *Motivation Is A Catalyst To Succeed* yang diadakan pada 29 Julai 2007 di Universiti Antarabangsa Islam Malaysia, Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

shalih di dalam Islam seperti berbuat baik kepada ibubapa, menghubungkan silaturahim, cemerlang dalam pembelajaran dan profesional dalam kerjaya.

3. Berpesan-pesan kepada kebenaran. Memberi nasihat, tunjuk ajar dan teguran kepada orang lain tentang apa yang benar dan apa yang salah.
4. Berpesan-pesan kepada kesabaran. Memberi nasihat kepada orang lain agar sabar dalam menghadapi musibah serta sabar dalam melaksanakan perintah larangan Allah.

Saya yakin para pembaca sekalian telah menghafal dan mengetahui maksud tiga ayat al-Qur'an di atas sejak dari kecil. Akan tetapi timbul satu cabaran hebat: Masa! Tidak cukup masa untuk melaksanakan keempat-empat tuntutan dalam ayat tersebut. Mengapakah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bersumpah dengan masa padahal tuntutan-tuntutan yang disebut-Nya selepas sumpahan tersebut amat sukar dicapai kerana keterbatasan masa?

Sebenarnya apabila Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengaitkannya dengan masa, bererti masa merupakan faktor utama dalam menentukan sama ada keempat-empat tuntutan tersebut berjaya kita capai atau tidak. Dalam erti kata lain, sesiapa yang memiliki pengurusan masa yang efisyen akan mampu mencapai tuntutan-tuntutan tersebut sehingga akhirnya menjadi orang yang beruntung. Sebaliknya sesiapa yang tidak memiliki

pengurusan masa yang efisyen, dia akan gagal sehingga akhirnya menjadi orang yang rugi.

Melalui tulisan ini, saya ingin berkongsi dengan para pembaca sekalian tentang bagaimana mengurus masa secara efisyen. Ia amat mudah, hanya terdiri dari lima langkah. Ia amat ringkas, hanya memerlukan lima belas minit dari masa anda. Akan tetapi ia amat penting, penentu sama ada anda menjadi orang yang beruntung atau rugi.

#### **Langkah # 1: Menyedari Bahawa Masa Adalah Tetap.**

Berhenti sekejap dan lihat kepada jam anda. Sama ada jam tangan, jam talifon bimbit atau jam di dinding. Sama ada jam yang menggunakan jarum atau angka digital. Terdapat pelbagai jenis jam dan pelbagai jenis reka bentuk, dengan kepelbagaian yang tidak mampu kita hitung. Akan tetapi dalam kepelbagaian tersebut, terdapat sesuatu yang sama, sesuatu yang tetap. Iaitu, 60 saat = 1 minit, 60 minit = 1 jam dan 24 jam = 1 hari.

Formula di atas tidak dapat diubah atau diperlaharkan. Kita tidak boleh mengubah agar dalam satu hari ada 30 jam. Kita tidak boleh memperlaharkan agar 100 saat menjadi satu minit. Ringkasnya, masa adalah sesuatu yang tetap. Lalu bagaimanakah kita hendak melebihkan masa supaya dapat mencapai keempat-empat tuntutan dari surah *al-'Ashr*?

Jawapannya, kita tidak boleh melebihkan masa kerana ia adalah tetap. Sebaliknya kita boleh ubah perkara-perkara yang kita lakukan kerana ia tidak tetap. Salah satu sebab utama orang menghadapi masalah keterbatasan masa ialah kerana mereka melakukan terlalu banyak perkara. Sikap inilah yang perlu diubah, dari melakukan banyak perkara kepada melakukan hanya beberapa perkara.

Sebagai contoh, seorang pelajar pusat pengajian tinggi mungkin melakukan perkara-perkara berikut sehingga menghadapi keterbatasan masa:

1. Belajar jurusan yang diambil.
2. Menyertai sesi latihan *Kick Boxing* setiap petang, dua kali seminggu.
3. Menyertai kelab bahasa Inggeris.
4. Menyertai pasukan sukarelawan menziarahi rumah orang kurang upaya setiap hari Ahad.
5. Ahli panel rekabentuk grafik untuk risalah bulanan fakulti yang diterbitkan setiap bulan.
6. Bermain untuk pasukan badminton asrama.
7. Menghadiri kuliah-kuliah agama yang dianjurkan oleh masjid di kampus setiap hari.
8. Menganjurkan usrah untuk pelajar-pelajar yang baru masuk ke kampus setiap malam Jumaat.

9. Menjadi wakil penjual kad tambah nilai talifon bimbit untuk syarikat 015-xxx xxxx.

Perkara-perkara di atas hendaklah diubah dan dikurangkan, umpama:

1. Memberi tumpuan menuntut ilmu agama.
2. Memberi tumpuan kepada jurusan yang diambil.
3. Memberi perhatian kepada hal-ehwal ibubapa di kampung.
4. Menyertai hanya satu aktiviti sukarelawan di kampus.

Kenyataan saya di atas mungkin memerlukan perbaikan. Bukankah lagi banyak yang dilakukan, lebih baik dan berjaya seseorang itu? Saya berkata, kenyataan tersebut sekali pun masyhur, perlu dipertimbangkan semula. Banyak tidak semestinya berjaya, sedikit tidak semestinya gagal.

Ingat! Masa adalah tetap. Melakukan banyak perkara dalam masa yang tetap menyebabkan perkara-perkara yang dilakukan tidak mencapai kualiti yang terbaik. Malah adakalanya cukup syarat sahaja. Semua ini akhirnya melahirkan perasaan tidak puas hati, kekecwaan dan kehilangan motivasi. Sebaliknya melakukan beberapa perkara dalam masa yang tetap menyebabkan perkara-perkara yang dilakukan mencapai kualiti yang baik. Ini akhirnya melahirkan perasaan kesyukuran, puas hati dan

motivasi untuk melakukan yang lebih baik pada masa akan datang.

### **Langkah # 2: Fokus Dan Prioriti, Bukan Rambang Dan Suka Hati.**

Sebab kedua yang menyebabkan keterbatasan masa adalah sikap melakukan perkara-perkara secara rambang dan suka hati, tidak secara fokus dan berprioriti. Ditegaskan bahawa individu muslim yang berjaya bukanlah seorang yang melakukan banyak perkara, tetapi adalah seorang yang melakukan beberapa perkara dan dia melakukannya secara fokus dan berprioriti.

Fokus maksudnya memberi tumpuan kepada sesuatu perkara secara mendalam sehingga menguasainya secara luas. Prioriti maksudnya menimbang sesuatu perkara, sama ada patut didahulukan atau dikemudiankan, sama ada patut dipertamakan atau diletakkan di tangga kedua, ketiga dan seterusnya.

Sebagai contoh, menuntut ilmu agama hendaklah difokuskan kepada aqidah kerana aqidah yang sahih lagi kukuh menjamin kejayaan seorang muslim di dunia dan akhirat. Menuntut ilmu agama hendaklah diberi prioriti kerana seseorang yang memahami Islam secara benar akan menjadi individu yang berjaya, bukan sahaja dari sudut agama tetapi juga dari sudut pembelajaran, kerjaya dan motivasi diri.

Memberi fokus dan prioriti kerana ilmu agama tidak bererti mengabaikan ilmu duniaawi. Seorang muslim yang memiliki aqidah yang sahih lagi kukuh serta kefahaman Islam yang benar akan mengetahui bahawa Islam amat menuntut agar dia menjadi seorang yang profesional dalam urusan duniaawi. Dia mengetahui firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

!!!!!! !!!!!!! y!!!! !!!!! !!!!!!! !!!! !!!!!!! y!!  
!!!! !!!! !!! !!! !!!!!!! !!! !!! !y!!! !!! !!

*Dan katakanlah: "Beramallah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu amalkan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia (Allah) akan menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah amalkan."* [al-Taubah 9:105]

Dia mengetahui sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

!!!!!!y!! !!!!!!! !!!!!!! !!!! !!!!!È!! !

*Sesungguhnya Allah Ta'ala mengasihi jika seseorang itu beramal, dia beramal dengan*

**cemerlang.**<sup>74</sup>

Firman Allah yang bermaksud "**Beramallah kamu...**" adalah *fi'l amr* yang berupa satu perintah. Ini menunjukkan kewajipan untuk kita beramal. Sementara perkataan "amal" bukanlah terhad kepada solat, puasa dan zikir tetapi meliputi semua aktiviti yang selari dengan Islam termasuk menuntut ilmu duniawi dan berkerja dalam jurusan duniawi. Sesiapa yang berpendapat perkataan amal hanyalah solat, puasa dan zikir, bererti dia masih berpegang kepada kefahaman sekularisme yang memisahkan antara agama dan dunia.

Menyentuh tentang sekularisme, fahaman ini telah banyak mempengaruhi umat Islam pada masa kini. Di satu sudut kita akan temui orang yang hanya memberi tumpuan kepada agama hingga mengabaikan dunia. Di sudut yang lain kita temui pula orang yang hanya memberi tumpuan kepada dunia sehingga mengabaikan agama. Amat sedikit untuk ditemui orang yang memberi tumpuan kepada agama dan dunia sehingga mencapai kecemerlangan dalam kedua-duanya.

Seterusnya amal tersebut kita lakukan sebaik mungkin, sesempurna mungkin. Ini kerana dari sudut aqidah, kita mengetahui bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melihat

---

<sup>74</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Baihaqi dan dinilai sahih oleh Mokhtar Ahmad an-Nadwi dalam *Jami' li Syu'ab al-Iman*, hadis no: 4930 (*Bab Tentang Amanah...*).

apa yang kita lakukan. Seolah-olah, Allah dan Rasulullah hadir mengawasi apa yang sedang kita lakukan. Kemudian di Hari Akhirat kelak ...**(Allah) akan menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah amalkan.**" Sudah tentu semua ini akan menyebabkan kita malu untuk melakukannya secara enteng atau sekadar melepaskan batuk di tangga. Sebaliknya kita akan melakukannya sesempurna mungkin kerana: "**Sesungguhnya Allah Ta'ala mengasihi jika seseorang itu beramal, dia beramal dengan cemerlang.**"

Oleh itu, langkah kedua dalam mengurus masa ialah memberi fokus dan prioriti dalam beberapa perkara yang dilakukan sehingga setiap detikan saat memiliki nilai dan manfaat. Keberadaan masa yang sentiasa tetap menyebabkan kita tidak mampu untuk mensia-siakannya dengan sikap yang rambang dan suka hati.

### **Langkah # 3: Menyedari Bahawa Masa Tidak Menunggu Sesiapa.**

Sekali lagi saya ingin meminta para pembaca merenung kepada jam. Perhatikan bahawa ia sentiasa bergerak. Jika ia terhenti kerana kehabisan bateri atau kerana anda menghentikannya, jam-jam yang lain tetap bergerak. Semua ini mengarah kepada satu kesedaran yang amat penting, iaitu masa tidak menunggu sesiapa.

Saya yakin semua orang tahu akan hakikat ini.

Akan tetapi kadangkala kita melakukan perkara-perkara yang memberi gambaran seolah-olah masa menunggu kita. Seolah-olah masa berhenti sementara bagi membolehkan kita melakukan perkara-perkara tersebut. Apakah perkara-perkara yang saya maksudkan itu? Berikut saya kemukakan beberapa contoh:

1. Menyambung tidur selepas solat Subuh pada hari cuti. Jika hari Isnin hingga Jumaat bangun pukul 5.45 pagi, solat Subuh berjamaah dan terus ke kuliah atau pejabat, maka pada hari cuti bangun dilewatkan hingga pukul 8 atau 9 pagi. Ada juga yang melanjutkannya hingga siang hari.
2. Meluangkan masa antara 1 hingga 2 jam membaca surat khabar.
3. Menonton orang lain bersukan, seperti menonton perlawanan bola sepak, futsal, hoki, tenis dan sebagainya.
4. Beriktikaf di hadapan kaca TV, purata antara 1 hingga 3 jam setiap hari.
5. Keluar makan bersama rakan-rakan dengan tempoh yang lama, purata antara 1 hingga 2 jam.

Contoh-contoh di atas adalah segelintir dari sekian banyak perkara yang kita lakukan yang sebenarnya merupakan satu kesia-siaan masa. Istilah seerti baginya ialah pembaziran masa dan pembaziran, sama ada melibatkan masa, wang, kesihatan, pemikiran dan

perbuatan, adalah suatu tindakan yang tidak sepatutnya menjadi ciri-ciri seorang muslim. Ini kerana:

!! !!!! !!! !! !!!!!! !! !!!!!! !!!!

***Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan.*** [al-Isra' 17:27]

Di sini saya tidak bermaksud untuk menyuruh para pembaca sekalian mengabaikan perkara-perkara di atas. Jika anda ingin tidur lebih untuk merehatkan minda dan tubuh pada hari cuti, lakukanlah ia pada waktu siang dan bukan pada waktu pagi. Waktu pagi adalah saat yang penuh keberkatan untuk kita lakukan aktiviti yang bermanfaat. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berdoa:

!!!!!! !!! !!! !!! É! !!!!!!!!

***Ya Allah! Berkatilah umat aku pada pagi hari.***<sup>75</sup>

Ada pun waktu siang, maka Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpesan:

!! !!!! !!! !!! !!! !!! •!!! !!!

***Tidurlah (sebentar) pada siang hari kerana sesungguhnya syaitan-syaitan tidak tidur pada siang***

---

<sup>75</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahib oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 2606 (*Kitab al-Jihad, Bab berangkat pada waktu pagi*).

**hari.**<sup>76</sup>

Merujuk kepada surat khabar, anda sudah mendapat berita dengan hanya membaca beberapa perenggan pertama bagi setiap laporan. Kemudian jika anda membacanya dengan manhaj fokus dan prioriti, 80% dari laporan yang dikemukakan boleh diabaikan. Semua ini membolehkan anda khatam membaca surat khabar dalam masa 15 minit sahaja.

Ada pun sukan, maka Islam menganjurkan kita untuk bersukan demi kekuatan dan kesihatan. Berkennaan kekuatan, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

!! !!! !!!!!! ﴿ !!!!!!! !!! ! !!!!! !! !!! ﴾ !!! ﴿ !

***Seorang mukmin yang kuat lebih baik dan dicintai oleh Allah berbanding mukmin yang lemah.***<sup>77</sup>

Ada pun kesihatan, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* lazim berdoa:

!! !!! !!! !!! !!! ! !!! !!! !!! !!! !!! ﴿ !!!!!!! !!! !!! !!! !!! !!! ﴾ !!! !!! !!! !!! !!! !!! ﴿ !

***Ya Allah! Aku memohon kepada Engkau***

---

<sup>76</sup> **Sanad Hasan:** Dikeluarkan oleh Abu Nu'aim dan sanadnya dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah*, hadis no: 1647.

<sup>77</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2664 (*Kitab al-Qadar, Bab suruhan untuk bersifat kuat...*).

***kesihatan yang baik di dunia dan akhirat. Ya Allah!  
Aku memohon kepada Engkau keampunan dan  
kesihatan yang baik dalam urusan agamaku,  
duniaku, ahli keluargaku dan hartaku.***<sup>78</sup>

Walaubagaimana pun bezakan bahawa Islam menganjurkan kita bersukan dan bukan menonton orang lain bersukan. Saya sebenarnya amat hairan memerhatikan gelagat orang yang menonton orang lain bersukan. Bukan sekadar menonton, mereka menyokong pasukan yang ditonton dengan penuh jiwa dan raga. Mereka menunggu perlawanan bermula dengan penuh debaran. Mereka memerhati perlawanan dengan penuh kehusyukan, kehusyukan yang mengalahkan semua nilai khusuk solatnya dalam sehari. Jika pasukan yang disokong menang mereka melompat kegembiraan. Jika sebaliknya, mereka tunduk kesedihan mengalirkan air mata.

Kepada para penonton seumpama perenggan di atas, saya ingin bertanya beberapa soalan mudah. Jika anda sakit, adakah pasukan yang anda sokong datang untuk menziarahi anda? Jika anda menghadapi kesempitan kewangan, adakah pasukan yang anda sokong memberikan sumbangan atau pinjaman? Jika anda gagal dalam kehidupan, adakah pasukan yang anda sokong akan

---

<sup>78</sup> **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dan sanadnya dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 4785 (*Musnad 'Abd Allah bin 'Umar*).

membantu anda mencapai kejayaan? Saya yakin jawapannya tidak. Oleh itu kenapakah anda menyerahkan segala jiwa dan raga, termasuk masa anda, kepada satu pasukan yang tidak kisah langsung tentang anda?

Ada pun menonton TV, maka tontonlah dengan manhaj fokus dan prioriti, iaitu satu dua rancangan yang memberi manfaat kepada pembangunan minda. Percayalah, kebanyakan pemilik syarikat siaran TV tidak menonton apa yang disiarkan oleh syarikatnya melainkan beberapa rancangan yang terpilih. Mereka tahu, jika mereka menonton TV saban hari, mereka tidak akan menjadi individu berjaya yang dapat memiliki sebuah syarikat siaran TV.

Akhir sekali, makan bersama-sama rakan dianjurkan oleh Islam kerana memiliki keberkatan di dalamnya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah menegaskan:

!!!!!! ! ! !!!!!!! !!!!! ! !!! ! ! ! ! ! ! ! ! ! !

***Berkumpullah kalian ketika makan dan sebutlah nama Allah padanya (Bismillahi Rahmani Rahim), nescaya makanan kalian akan diberkati.***<sup>79</sup>

Oleh itu makan bersama adalah sunnah Rasulullah

---

<sup>79</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 3764 (*Kitab al-Ath'imah, Bab berkenaan berkumpul untuk makan*).

*shallallahu 'alaihi wasallam.* Akan tetapi menghabiskan masa yang lama ketika makan bersama adalah pembaziran masa dan pembaziran adalah sunnah.....

#### **Langkah # 4: Di Celah-Celah Masa Ada Masa.**

Sebenarnya dalam keterbatasan masa yang dihadapi, kita boleh memiliki masa yang lebih. Berikut dikemukakan beberapa tip untuk mencari masa di celah-celah masa:

1. **Berani berkata tidak.** Apabila orang lain mengajak anda untuk melakukan aktiviti yang sia-sia atau minimum manfaatnya, beranikan diri berkata tidak. Tolaklah ajakan tersebut dengan sopan, umpama: "Tak mengapa silakan, saya ada kertas kerja fakulti yang belum disiapkan." Atau yang lebih baik: "Tak mengapalah, saya ada kertas kerja fakulti yang belum disiapkan. Hmm! Alang-alang anta ada masa lapang, jom kita siapkan bersama?"
2. **Gunakan kaedah temujanji (*appointment*).** Kaedah temujanji bukan hanya untuk orang yang sudah berjaya tetapi juga untuk orang yang ingin berjaya. Apabila ada rakan yang ingin menziarahi anda, tetapkan waktu bermula dan berakhir. Apabila ada mesyuarat persatuan, minta ditetapkan waktu mula dan akhir. Kemudian jangan anda

berganjak dari waktu yang dijanjikan. Kaedah ini mungkin kurang selesa bagi rakan atau ahli-ahli persatuan anda, justeru sejak awal berilah penjelasan yang hikmah tentangnya.

3. **Manfaatkan bas dan tandas.** Dua suasana yang lazim kita lalui tetapi tidak sedar bahawa masa boleh dimanfaatkan di dalamnya. Ketika dalam pengangkutan awam dan tandas, kita sebenarnya memiliki masa untuk membaca, mengkaji dan berfikir. Maka janganlah bazirkannya dengan nyanyian dan khayalan.
4. **Do Not Disturb.** Peranan tanda *Do not disturb please* bukan saja untuk digantung pada tombol pintu bilik hotel, tetapi juga untuk digantung pada tombol pintu bilik asrama atau dileher anda. Apabila anda sedang melakukan aktiviti yang penting, cuba elakkan faktor-faktor yang boleh menyebabkan gangguan. Senyapkan talifon bimbit. Tutup pintu bilik asrama. Pastikan rakan perbincangan di perpustakaan adalah mereka yang benar-benar fokus dalam perbincangan.

Ketahuilah bahawa satu gangguan akan merosakkan fokus anda pada kadar dua hingga tiga kali ganda dari tempoh gangguan itu sendiri. Sebagai contoh, anda mungkin mengambil masa 20 saat untuk membaca dan menjawab satu pesanan ringkas (SMS). Akan tetapi anda akan mengambil

masa 1 minit untuk mengembalikan fokus kepada apa yang sedang anda lakukan sebelum itu. Kemudian, lazimnya SMS tersebut akan berbalas semula. Oleh kerana itulah dikatakan: *A minor interruption will lead to many other interruptions.*

5. **Cepat bukan jimat.** Wujud satu kefahaman, bahawa sesuatu aktiviti yang dilakukan dengan cepat akan menjimatkan masa. Sebenarnya tidak. Ia bahkan membazir masa. Sebabnya:
  - a) Cepat menyebabkan anda terpaksa menggunakan fikiran pada kadar yang tinggi. Ini menyebabkan ia cepat letih sehingga tidak dapat melakukan aktiviti seterusnya dengan efisyen.
  - b) Cepat menyebabkan projek yang anda lakukan memiliki banyak kesilapan dan kekurangan. Akhirnya anda terpaksa melakukan semula dari awal untuk menampung kesilapan dan kekurangan tersebut demi mencapai kualiti yang memuaskan.
  - c) Anda akan mudah marah dan merungut apabila berlaku gangguan yang tidak dijangkakan. Ini kerana gangguan tersebut mempengaruhi kadar kecepatan anda. Namun yang sebenarnya mengganggu ialah sikap anda yang ingin cepat sehingga mudah marah dan merungut. Satu

gangguan mungkin mengambil masa 5 minit, tetapi anda akan memerlukan 15 minit untuk kembali tenang dan lapang.

- d) Anda mungkin dapat membaca buku dalam masa yang cepat (*speed reading*). Akan tetapi dalam kecepatan tersebut banyak poin penting yang anda tertinggal atau salah faham. Kemudian apabila ingin membuat kertas kerja, anda gagal mengemukakan maklumat yang bermanfaat dan tepat padahal semuanya sedia terkandung dalam buku-buku yang sudah anda baca sebelum itu. Akhirnya anda terpaksa merujuk semula kepada buku-buku tersebut.

Oleh itu cepat bukanlah jimat. Sikap yang terbaik ialah dipertengahan antara cepat dan lambat. Sikap yang dimaksudkan ialah tenang. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berpesan:

!! !! !! !!! !!!!! !<sup>ا</sup>! È!! !!! !!!

***Ketenangan adalah dari Allah manakala ketergesa-gesaan adalah dari syaitan.***<sup>80</sup>

6. **Lakukan pelaburan masa.** Pelaburan bererti menggunakan modal yang kecil untuk memperoleh manfaat yang besar di kemudian hari. Pelaburan

---

<sup>80</sup> **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Baihaqi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami' al-Shagheir*, hadis no: 3011.

bukan sahaja berkaitan dengan wang ringgit, tetapi juga masa. Gunakan masa yang sedikit sebagai pelaburan untuk mencapai manfaat masa yang besar di kemudian hari.

Satu contoh mudah, saya yakin para pembaca sekalian lazim menggunakan perisian *Microsoft Word* untuk menyiapkan kertas kerja kuliah dan sebagainya. Saya juga menggunakaninya untuk menulis risalah ini. Pada mulanya saya menggunakan perisian tersebut secara terus tanpa belajar apa-apa tentangnya. "Alaahl! Microsoft Word! Siapa yang tak tahu guna?"

Akan tetapi pada satu hari, saya mengambil keputusan untuk belajar tentangnya. Saya membeli buku *The Complete Idiot's Guide To Microsoft Word 97* oleh Daniel T. Babola yang diterbitkan oleh QUE Corporation, tahun 1996.

Saya mengambil masa kira-kira tiga minggu untuk mengkajinya. "Wah! Sungguh banyak yang mampu dilakukan oleh perisian ini. Dan semua itu dapat dilakukan dengan amat mudah." Demikian bisik hati saya. Apa yang saya belajar dalam tiga minggu tersebut, sepuluh tahun yang lalu, dapat saya manfaatkan hingga hari ini. Tiga minggu tersebut merupakan satu pelaburan masa yang benar-benar menguntungkan. Ia, *alhamdulillah*, membolehkah saya melakukan pelbagai kerja dengan perisian

*Microsoft Word* dan semuanya dapat dilakukan dengan mudah dan kemas.

Tak dapat bayangkan apa yang saya maksudkan? Cubalah anda melaburkan masa membacanya. Carilah edisi yang terkini. Saya yakin kertas kerja kuliah dapat anda siapkan dengan kemas lagi canggih dalam masa sejam berbanding tiga jam sebelumnya.

7. **Belanjakan RM untuk masa.** Ada satu kata pepatah Inggeris: *Time is more valuable than money*. Iyya! Masa lebih bernilai dari wang ringgit. Maka gunakanlah wang ringgit untuk memperoleh masa yang lebih. Kertas kerja kuliah anda sekali lagi saya jadikan contoh. Adakah anda terpaksa ke makmal komputer atau cybercafe untuk menaipnya? Banyak masa yang terbuang di sana, dari menunggu giliran sehingga kepada petunjuk di skrin yang tidak bergerak searah dengan tetikus.

Sebagai alternatif lain, cuba beli komputer riba sendiri. Anda tidak perlu membelanjakan wang yang banyak. Memadai komputer riba terpakai dengan kelajuan prosesan sederhana. RM1500.00 yang anda belanjakan akan dapat menjimatkan masa anda dalam jumlah yang tidak dapat dihitung.

Menyentuh berkenaan mencari masa di celah-celah masa, saya tidaklah bermaksud agar para pembaca

sekalian menggunakan seluruh masa yang ada untuk bekerja keras. Islam tidak menyuruh umatnya menjadi rahib yang hanya beribadah mahu pun robot yang hanya bekerja. Sebaliknya Islam membolehkan agar ibadah dan kerja diselang-seli dengan lawak jenaka, sembang-sebang bersama rakan dan beristirehat. Ringkasnya, setiap sesuatu ada masanya, yang penting hendaklah kita membahagikannya secara adil.

Salah seorang sahabat dan juru tulis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bernama Hanzalah al-Usaidi *radhiallahu 'anh* pernah menceritakan: 'Satu hari saya berjumpa dengan Abu Bakar as-Shiddiq *radhiallahu 'anh*.' Abu Bakar bertanya: "Kamu apa khabar?"

Hanzalah menjawab: "Saya telah melakukan satu kemunafiqan!"

"*Subhanallah!* Apa yang kamu cakap ni?"

"Sebentar tadi saya bersama Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Baginda mengingatkan kami berkenaan neraka dan syurga sehingga seolah-olah saya dapat melihat dengan mata saya sendiri. Apabila saya berangkat pulang dari sisi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, saya bermain-main bersama isteri dan anak-anak serta melakukan

beberapa urusan sehingga saya lupa kebanyakan (dari apa yang dipelajari dari Rasulullah sebelum itu)."

"Demi Allah! Saya juga pernah mengalami hal yang sama!" ujar Abu Bakar.

Kemudian Hanzhalah dan Abu Bakar pergi berjumpa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Hanzhalah berkata: "Wahai Rasulullah! Saya telah menjadi seorang munafiq!"

Rasulullah bertanya: "Kenapa sedemikian?" Lalu Hanzhalah menceritakan apa yang terjadi padanya. Lalu Rasulullah bersabda:

!!!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !y!! !!!! ! È!! !!!!  
!!!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!  
!!! !!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!

**"Demi Allah yang jiwaku berada di Tangan-Nya, kalau kalian sentiasa dalam keadaan seperti ketika bersamaku dan kalian sentiasa berzikir, nescaya para malaikat akan menemaniku kalian di atas tempat tidur dan juga di jalanan.**

**Akan tetapi wahai Hanzhalah, segala sesuatu ada masanya." (Baginda mengulanginya tiga**

*kali).*<sup>81</sup>

#### **Langkah # 5: Carilah Keberkatan Dalam Masa.**

Sebelum ini saya ada menerangkan tentang formula masa dan pergerakan jam. Memang, ia tidak dapat diubah. Akan tetapi sebagai seorang mukmin, kita beriman kepada wujudnya sesuatu yang istimewa di sebalik formula masa dan pergerakan jam. Perkara istimewa tersebut tidak dapat diukur dengan apa-apa formula dan tidak dapat dilihat pada mana-mana jam.

Perkara istimewa tersebut ialah keberkatan yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada para hamba-Nya yang terpilih. Dengan keberkatan ini, seseorang itu mampu melakukan banyak perkara bermanfaat untuk agama, umat, manusia dan alam sekali pun dalam formula masa dan pergerakan jam yang tetap sama.

Bagaimanakah memperoleh atau mencari keberkatan dalam masa? Berikut dikemukakan dua cara:

- **Memberi perhatian kepada hal-ehwal ibubapa.**

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:



---

<sup>81</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2750 (*Kitab al-Taubah, Bāb keutamaan sentiasa berzikir...*).

**Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibubapa manakala kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibubapa.<sup>82</sup>**

Luangkanlah masa sekurang-kurang seminggu sekali untuk menalifon ibubapa atau menulis surat kepada mereka. Sebulan sekali, baliklah ke kampung menziarahi dan memperhatikan hal ehwal mereka. Dalam zaman materialisme dan individualisme masa kini, ibubapa sering diketepikan. Akan tetapi ketahuilah, keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibubapa kita. Jika ibubapa redha kepada kita, Allah juga akan redha kepada kita. Apabila Allah redha kepada kita, tidak ada perkataan yang mampu saya taip untuk menggambarkan hasilnya.<sup>83</sup>

- **Sedekahkan masa.**

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!  
!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

---

<sup>82</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunnannya*, hadis no: 1899 (*Kitab al-Birr wa al-Shalah, Bab berkenaan keutamaan pada keredhaan ibubapa*) dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* – hadis no: 515.

<sup>83</sup> Lebih lanjut berkenaan kedudukan ibubapa dalam Islam, rujuk buku saya *Wahai Ibu! Wahai Ayah!* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2006.

!! !!! !! !!

**Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya.** [al-Baqarah 2:261]

Dalam ayat di atas Allah Subhanahu wa Ta'ala menerangkan pulangan dividen harta bagi sesiapa yang sebelum itu mensedekahkan hartanya secara ikhlas untuk kebaikan agama dan umat Islam. Secara analogi, demikianlah juga dividen masa yang akan diperoleh oleh sesiapa yang mensedekahkan masanya secara ikhlas demi kebaikan agama dan umat Islam. Sedekah masa yang saya maksudkan ialah melakukan kerja-kerja sukarelawan. Kerja sukarelawan tersebut bukanlah kerana kumpulan atau persatuan, tetapi kerana agama dan umat.

Antara kerja sukarelawan yang saya maksudkan ialah mengajar tusyen kepada pelajar-pelajar sekolah luar bandar, melawat hospital, melawat

rumah orang tua, melawat rumah orang kurang upaya dan memperbaiki rumah yang rosak di kawasan kampung. Jika anda menguasai ilmu agama, lakukanlah *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*.<sup>84</sup> Jika anda menguasai ilmu perbandingan agama, maka jadilah seorang pendakwah. Sesiapa yang mensedekahkan masanya demi kebaikan agama dan umat Islam, maka Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan mengurniakan kepadanya kelapangan masa untuk melakukan pelbagai lagi perkara yang bermanfaat.

Dua perkara di atas, iaitu memperhatikan hal-ehwal ibubapa dan melakukan aktiviti sukarelawan telah saya senaraikan ketika mengupas langkah pengurusan masa # 1. Di sana saya senaraikan bahawa jumlah perkara yang hendak dilakukan oleh seseorang hendaklah dikurangkan kepada:

1. Memberi tumpuan menuntut ilmu agama.
2. Memberi tumpuan kepada jurusan yang diambil.
3. Memberi perhatian kepada hal-ehwal ibubapa di kampung.
4. Menyertai hanya satu aktiviti sukarelawan di kampus.

---

<sup>84</sup> Lebih lanjut tentang ilmu yang saya maksudkan, rujuk buku saya *Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2007.

Apabila anda melakukan perkara ketiga dan keempat secara ikhlas dan sebaik-baiknya, Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* akan mengurniakan keberkatan dalam masa anda sehingga anda memiliki kelapangan untuk melakukan perkara-perkara lain yang bermanfaat. Maka setelah itu, senarai empat perkara di atas boleh anda tambah menjadi lima, enam dan seterusnya. Akan tetapi ingat, hendaklah perkara yang anda tambah itu masuk dalam kategori firman Allah *Subhanahu wa Ta'alaa*:

*Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal shalih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.* [al-'Ashr 103:1-3]

**Surah al-Sajdah Dan  
Solat Subuh Hari Jumaat:  
Beberapa Perkara Yang Perlu Diperhatikan.**

oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Kebiasaan ketika melaksanakan solat subuh berjamaah pada pagi Jumaat, imam membaca surah al-Sajdah (surah ke-32) pada rakaat pertama dan surah al-Insan (surah ke-76) pada rakaat kedua. *Alhamdulillah* amalan ini adalah berdasarkan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana yang diterangkan oleh Abu Hurairah *radhiallahu 'anh*:

!!! !y!!! ! ! !!!!! !y! !!!y!!! !!!!!!! ! ! !!!!! !!  
!!!!!!! !!! ! !!! !â! !!! !!!y!!!!! ! !!! !!! !

*Nabi shallallahu 'alaihi wasallam biasa membaca pada hari Jumaat dalam solat Subuh (surah) Alif lam mim tanzilus sajadah dan (surah) Hal ata 'alal insan hi num minad dahr.* Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam *Shahihnya, Kitab al-Jumu'ah, Bab apa yang dibaca dalam solat subuh pada hari Jumaat*, hadis no: 891.

Dalam risalah yang serba ringkas ini, saya tidak berhajat untuk mengubah kebiasaan di atas kerana ia

sememangnya sudah menepati sunnah Rasulullah yang mulia. Akan tetapi saya ingin memperincikan beberapa perkara yang dirasakan perlu agar sunnah tersebut dapat kita ikuti dan amalkan dengan lebih tepat. Perkara-perkara yang ingin saya perincikan adalah berdasarkan pengalaman saya dan rakan-rakan.

**Pertama: Hukum membaca surah al-Sajdah adalah sunat.**

Berdasarkan hadis di atas, sunat hukumnya membaca surah al-Sajdah dalam rakaat pertama solat subuh pada pagi Jumaat. Ini adalah juga merupakan pendapat Mazhab al-Syafi'e sebagaimana yang diterangkan oleh Imam al-Nawawi:

Dalam hadis di atas terkandung dalil bagi mazhab kami dan mazhab yang sependapat dengan kami bahawa sunat (membaca surah al-Sajdah dan surah al-Insan) pada solat Subuh hari Jumaat'. [Syarh Shahih Muslim bi al-Nawawi (tahqiq: 'Irfan Haswanah; Dar Ihya' al-Turats al-'Arabi, Beirut, tp.thn), jld. 4, ms. 188-189].

Saya yakin para pembaca mengetahui berkenaan hukum sunat ini. Akan tetapi dalam pengalaman saya dan rakan-rakan, adakah ditemui:

1. Para maknum yang menangguhkan iqamat solat Subuh pada pagi Jumaat kerana imam yang hafal

surah al-Sajdah belum datang. Jika tiada yang hafal, makmum saling menolak antara satu sama lain untuk menjadi imam. Masing-masing enggan dengan alasan: "Saya tak hafal surah al-Sajdah."

2. Pernah beberapa kali imam yang sedang membaca surah al-Sajdah tersangkut di tengah-tengah atau penghujung dan tidak ada makmum yang boleh membetulkannya (termasuk diri saya). Maka imam mengulangi semula surah al-Sajdah dari awal sekali lagi.
3. Bagi masjid-masjid yang mempunyai imam yang dilantik secara rasmi, saya dikhabarkan oleh rakan-rakan yang dipercayai bahawa antara soalan yang ditanya ketika temuduga sebelum perlantikan adalah hafal atau tidak surah al-Sajdah. Ia menjadi salah satu syarat lulus temuduga.

Tiga pengalaman di atas memberi isyarat bahawa di sebalik kebiasaan membaca surah al-Sajdah dalam solat Subuh pada pagi Jumaat, ada sebahagian orang yang menganggap hukumnya wajib. Atas anggap wajib inilah mereka enggan menjadi imam, atau salah satu syarat perlantikan imam untuk mengulang-ulang keseluruhan surah jika tersangkut.

Padahal yang benar hukumnya adalah sunat, tidak wajib. Oleh itu jika tidak ada yang menghafal surah al-Sajdah, seseorang boleh menjadi imam dengan membaca

surah lain. Jika tersangkut ketika membaca surah al-Sajdah dan makmum tiada yang dapat membetulkannya, imam boleh terus rukuk atau beralih membaca surah yang lain. Menghafal surah al-Sajdah sepatutnya menjadi satu kelebihan dalam temuduga dan bukannya syarat lulus temuduga.

Selain dari itu, syarat-syarat menjadi imam pula, sama ada imam rasmi atau tidak, bukanlah kerana menghafal surah al-Sajdah. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

!Â! ! !â!y! ! ! ! ! ! ! ! y!! !!!!! ! !!! ! ! ! ! ! ! y!!!  
!! !!!!! !y!!!! !!!!! y!!Â! !!! !!! !!! !y!!!! !!!!! !!!!!  
!! !!!!! y!! !!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! y!! !!!!! y!!Â! !!! !y  
!!!!y!!! !!!!!y!!! !!!!! !!!!! !!!!!y!!

*(Paling layak) menjadi imam bagi sesuatu kaum adalah yang paling baik bacaan al-Qur'an di antara mereka.*

*Jika mereka dalam bacaan berada pada tingkatan yang sama, maka (yang paling layak) adalah yang paling mengetahui tentang sunnah (hukum-hukum fiqh) di antara mereka.*

*Jika mereka dalam (pengetahuan) sunnah berada pada tingkatan yang sama, maka (yang paling layak) adalah yang paling awal berhijrah di*

**antara mereka.**

**Jika mereka dalam penghijrahan berada pada tingkatan yang sama, maka (yang paling layak) adalah yang paling awal memeluk Islam di antara mereka.**

**Janganlah seseorang menjadi imam terhadap orang lain di tempat kekuasaannya dan janganlah seseorang duduk di tempat kehormatan orang lain kecuali sevizinya.** [Shahih Muslim, Kitab al-Masajid, Bab orang yang paling berhak menjadi imam, hadis no: 673]

**Kedua: Sekali-sekala dianjurkan membaca surah selain al-Sajdah.**

Kebiasaan membaca surah al-Sajdah dalam solat Subuh pada setiap pagi Jumaat akan menyebabkan orang ramai menganggap ia adalah wajib. Faktor ini antara sebab mengapa para tokoh Mazhab Maliki berpendapat makruh membaca surah al-Sajdah dalam solat Subuh pada setiap pagi Jumaat kerana bimbang orang ramai akan menganggapnya wajib. Terhadap faktor ini, Imam Ibn Daqiq al-'Id mengulas:

Akan tetapi jika melakukan hal tersebut (membaca surah al-Sajdah) menyebabkan timbulnya kerosakan (menganggapnya wajib), maka eloklah ia ditinggalkan sekali-sekala kerana sesuatu yang disukai adakalanya ditinggalkan juga bagi menghindari kerosakan

yang mungkin berlaku. Dan ia (usaha menghindari kerosakan yang mungkin berlaku) dicapai dengan meninggalkan (membaca surah al-Sajdah) pada sebahagian waktu. [Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari (tahqiq: 'Abd al-'Aziz bin Baz; Dar al-Fikr, Beirut, 2000), jld. 3, ms. 35.

Nampaknya apa yang dibimbangi oleh para tokoh Mazhab Maliki telah benar-benar berlaku. Maka saranan Imam Ibn Daqiq al-'Id perlu kita ikuti, iaitu dianjurkan sekali-sekala agar imam membaca surah selain al-Sajdah pada solat Subuh pagi Jumaat.

**Ketiga: Imam hendaklah memerhatikan keadaan maknum.**

Dalam mengamalkan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, hendaklah kita mengamalkan keseluruhan sunnah tersebut, bukan sebahagian-sebahagian sahaja. Membaca surah al-Sajdah dalam solat Subuh pada pagi Jumaat adalah sunnah, namun memerhatikan keadaan makmum adalah sunnah juga. Dalam *Shahih Muslim, Kitab al-Solat, Bab menyuruh imam meringankan bacaan solat*, hadis no: 468, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

!` !! !!! !!!!!

***Imam ialah kaum kamu, sesiapa yang mengimami satu kaum maka hendaklah dia meringankan (memendekkan) bacaan kerana sesungguhnya di kalangan mereka (makmum) ada orang tua, kerana sesungguhnya di kalangan mereka (makmum) ada orang sakit, kerana sesungguhnya di kalangan mereka (makmum) ada orang lemah dan kerana sesungguhnya di kalangan mereka (makmum) ada orang yang berurusan. Apabila salah seorang dari kalian solat bersendirian, maka solatlah sekehendak dirinya.***

Pada pagi Jumaat, imam perlu memerhatikan dua sunnah. Sunnah yang pertama adalah membaca surah al-Sajdah manakala sunnah yang kedua adalah memerhatikan waktu iqamat dilaungkan. Ini kerana di kalangan makmum ada yang memiliki urusan di awal pagi untuk ke pejabat.

Sama-sama diketahui sini bahawa waktu masuknya Subuh adakalanya awal dan adakalanya lewat. Khususnya pada bulan Januari dan Februari, di Kuala Lumpur waktu Subuh masuk pada pukul 6.10 pagi dan iqamat lazimnya dilaungkan pada pukul 6.20 pagi. Kebanyakan warga kota keluar dari rumah pada pukul 6.30 pagi untuk mengharungi kesesakan jalan raya ke pejabat. Maka merupakan satu kebiasaan pada pagi Jumaat, sebahagian

jamaah tidak menghadiri solat Subuh berjamaah kerana kesuntukan waktu. Sebahagian lagi ada yang hadir siap dengan pakaian pejabat, bergegas keluar sebaik sahaja imam memberi salam yang kedua.

Oleh itu sebelum memulakan solat, imam hendaklah memerhatikan waktunya. Jika masih awal, maka adalah sunnah untuk membaca surah al-Sajdah. Jika waktu sudah lewat, maka adalah sunnah untuk membaca surah lain yang pendek.

Dalam hal ini mungkin ada yang berpendapat, imam sepatutnya tetap membaca surah al-Sajdah. Terpulang kepada makmum sama ada untuk menghadirinya atau tidak, atau mengubah suai masa sendiri ke pejabat. Pendapat ini tidak tepat kerana sebagaimana hadis yang dikemukakan di atas, merupakan kewajipan imam untuk memerhatikan keadaan makmum dan bukan sebaliknya. Jika imam menyusahkan makmum, maka kesalahan berada pada bahu imam dan bukannya makmum.

Abu Mas'ud al-Anshari *radhiyallahu 'anh* berkata, seorang lelaki telah datang menemui Rasulullah *shallallahu 'ala'ihi wasallam* dan berkata: "Wahai Rasulullah! Aku pernah mundur dari solat (berjamaah) disebabkan si-fulan (imamnya) membaca surah yang panjang." (Abu Mas'ud) menyambung: Aku tidak pernah melihat Nabi *shallallahu 'ala'ihi wasallam* amat dahsyat kemarahannya dalam rangka memberi nasihat berbanding pada saat itu. Lalu

baginda bersabda:



**Wahai manusia! Sesungguhnya di antara kalian ada yang membuat orang-orang lari dari solat berjamaah. Maka sesiapa yang mengimami manusia, hendaklah dia meringankan (memendekkan) bacaan kerana sesungguhnya di kalangan mereka (maknum) ada yang sakit, lemah dan berurusani. [Shahih al-Bukhari, Kitab al-'Ilm, Bab marah dalam memberi nasihat dan pengajaran apabila melihat sesuatu yang tidak disukai, hadis no: 90]**

**Keempat: Sujud tilawah hukumnya sunat.**

Saya pernah menjadi maknum ketika imam membaca surah al-Sajdah pada pagi Jumaat. Imam yang sedang membaca surah al-Sajdah terlanjur melepassi ayat ke-15 yang sepatutnya dia dan maknum turun sujud. Maka beliau mengulangi semula dari awal keseluruhan surah al-Sajdah agar dapat sujud ketika sampai pada ayat yang disunatkan untuk sujud.

Perbuatannya itu memberi gambaran seolah-olah melakukan sujud tilawah hukumnya adalah wajib. Yang benar hukumnya adalah sunat. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah melakukan sujud tilawah ketika

sedang solat berdasarkan hadis berikut:

!بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
اَللَّهُمَّ اسْلَمْتُكُمْ سَلَامًا  
اَللَّهُمَّ اسْلَمْتُكُمْ سَلَامًا

**Daripada Abi Rafi', dia berkata: Aku solat Isya' bersama Abu Hurairah (radhiallahu 'anh) dan beliau membaca surah Izas sama'un syaqqat (surah al-Insyiqaq, surah ke-84) lalu sujud. Maka aku bertanya: "Apa ini?" (Abu Hurairah) menjawab: "Aku sujud di belakang Abu al-Qasim (gelaran bagi Rasulullah) shallallahu 'alaihi wasallam dan aku akan sentiasa sujud pada ayat tersebut sehingga aku bertemu dengannya.**

Hadis di atas dikeluarkan oleh Imam al-Bukhari dalam Shahihnya, *Kitab Sujud al-Qur'an, Bab orang yang membaca surah yang ada ayat al-Sajadah dalam solat lalu sujud padanya*, hadis no: 1078. Berdasarkan nama bab yang diberi oleh Imam al-Bukhari, maka beliau sendiri memandang sunat untuk melakukan sujud tilawah di dalam solat bagi orang yang membaca ayat sajadah.

Berdasarkan hadis di atas, jumhur ilmuan berpendapat sunat melakukan sujud tilawah ketika melakukan apa-apa solat yang dibaca ayat sajadah di dalamnya. Mereka tidak membataskan hukum sunat ini kepada surah al-Insyiqaq yang dibaca dalam solat Isya'

sahaja.

Walaubagaimana pun ditekankan bahawa hukum melakukan sujud tilawah adalah sunat dan bukannya wajib. Ini kerana terdapat hadis yang menerangkan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat *radhiyallahu 'anhuma* tidak melakukan sujud tilawah, seperti hadis berikut yang dikeluarkan oleh Imam al-Bukhari dalam *Shahihnya, Kitab Sujud al-Qur'an, Bab orang yang membaca surah yang ada ayat al-Sajadah tetapi tidak sujud*, hadis no: 1073, dimana Zaid bin Tsabit *radhiyallahu 'anh* berkata:

!!! !!!!! ! !!!!! ! !!! ! !!!!! !!!!!!! !! ! !!!!! !!! !!

**Aku membaca di hadapan Nabi shallallahu 'alaihi wasallam surah al-Najm namun baginda tidak sujud padanya.** Para ilmuan menerangkan beberapa sebab mengapa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak melakukan sujud tilawah. Di antara sebab-sebab tersebut, Imam al-Syafi'e dan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani menguatkan pendapat bahawa baginda sengaja tidak sujud tilawah untuk menunjukkan kepada umat bahawa hukumnya bukan wajib tetapi sunat. [*Fath al-Bari*, jld. 3, ms. 260]

Pada waktu yang sama, ingin ditambah bahawa terdapat segelintir ilmuan yang berpendapat makruh untuk melakukan sujud tilawah di dalam solat. Mereka tidak menjadikan hadis *Shahih al-Bukhari* no: 1078 sebagai dalil

kerana apabila Abu Hurairah menerangkan "**Aku sujud di belakang Abu al-Qasim...**", beliau tidak menerangkan bahawa ia berlaku di dalam solat. Alasan ini dibantah oleh Imam Ibn Hajar al-'Asqalani kerana dalam riwayat lain yang dikeluarkan oleh Imam Ibn Khuza'iyah dan Imam al-Jauzaqiy terdapat tambahan lafaz bahawa peristiwa tersebut berlaku di dalam solat. [Fath al-Bari, jld. 2, ms. 497]

Selanjutnya pihak yang memandang sujud tilawah dalam solat adalah makruh menekankan bahawa tidak ada riwayat sahih yang menerangkan Rasulullah *shallallahu 'ala'ihi wasallam* pernah melakukan sujud tilawah apabila sampai pada ayat ke-15 ketika membaca surah al-Sajdah dalam solat Subuh pada pagi Jumaat. Secara kebetulan hujah ini selari dengan keterangan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani yang pernah berkata:

Saya belum menemui apa-apa riwayat dengan jalan yang kuat lagi jelas bahawa baginda *shallallahu 'ala'ihi wasallam* melakukan sujud (tilawah) ketika membaca surah *Tanzilus sajadah*.

Seterusnya Imam Ibn Hajar al-'Asqalani mengemukakan dua riwayat yang beliau ketahui dalam bab ini akan tetapi dalam sanad kedua-duanya terdapat perbincangan sehingga beliau sendiri tidak menjadikannya sebagai hujah. [Fath al-Bari, jld. 3, ms. 35]

Kesimpulan perbahasan kita dalam bab ini dapat

diringkaskan sebagai berikut:

- Apabila imam terlupa untuk melakukan sujud tilawah ketika membaca surah al-Sajdah, dia tidak perlu mengulangi keseluruhan surah demi mendapatkan sujud tilawah. Ini kerana hukum sujud tilawah, mengikut jumhur ilmuan, adalah sunat dan bukan wajib.
- Apabila makmum mendapati imam tidak melakukan sujud tilawah ketika membaca surah al-Sajdah, maka tidak perlu membetulkannya. Ini kerana tindakan imam terbuka kepada beberapa kemungkinan seperti lupa, atau sengaja ingin menunjukkan kepada makmum bahawa hukum sujud tilawah bukan wajib, atau berpegang kepada pandangan yang memakruhkan sujud tilawah di dalam solat.

Demikian empat perkara yang ingin saya perincikan berkenaan amalan membaca surah al-Sajdah dalam solat Subuh pada pagi Jumaat. Semoga perincian ini bermanfaat untuk semua.

## **Cadangan Terhadap Prosedur Merebut Mayat Bagi Orang Yang Diperselisihkan Keislamannya.<sup>85</sup>**

oleh

Hafiz Firdaus bin Abdullah.

### **Latarbelakang Peninjauan:**

Pada tahun 2005 dan 2006 berlaku tiga kes dimana seorang yang meninggal dunia dari kalangan keluarga bukan Islam telah diambil mayatnya oleh pihak jabatan agama negeri atas dakwaan orang yang meninggal dunia tersebut adalah seorang muslim. Tiga kes tersebut adalah:

1. Kes Muhammad Moorthy bin Abdullah yang meninggal dunia pada 20 Disember 2005, dimana keluarganya beragama Hindu.
2. Kes Nyonya Tahir yang meninggal dunia pada 19 Januari 2006, dimana keluarganya beragama Budha.
3. Kes Rayappan Anthony yang meninggal dunia pada

---

<sup>85</sup> Risalah ini pernah saya kemukakan kepada majlis fatwa salah sebuah negeri. Majlis fatwa telah mengkajinya, akan tetapi menahan diri dari memberi apa-apa ulasan kerana bimbang akan fitnah yang mungkin timbul di kalangan masyarakat Islam jika mereka menfatwakannya.

Saya memberanikan diri untuk tetap mengemukakannya dalam buku ini agar ia dapat dikaji oleh para pembaca pula.

26 November 2006 dimana keluarganya beragama Kristian.

Selain itu terdapat beberapa kes lain, seperti kes Kandasamy Sayappu dan Chandran Dharmadass. Namun dalam risalah ini, saya akan beri tumpuan kepada tiga kes di atas sahaja.

Dalam ketiga-tiga kes tersebut, berdasarkan laporan akhbar tempatan, mayat orang yang meninggal dunia diambil oleh pihak jabatan agama negeri. Setelah itu, diadakan perbicaraan di mahkamah untuk menentukan sama ada yang meninggal dunia tersebut adalah seorang muslim atau tidak. Keputusannya:

1. Bagi kes Muhammad Moorthy bin Abdullah, mahkamah memutuskan beliau adalah seorang muslim lalu dikebumikan mengikut tatacara Islam.
2. Bagi kes Nyonya Tahir, mahkamah memutuskan beliau adalah seorang beragama Budha lalu dikembalikan kepada ahli keluarganya.
3. Bagi kes Rayappan Anthony, pihak jabatan agama negeri mengembalikan mayatnya kepada ahli keluarganya kerana kekurangan bukti untuk dibicara di mahkamah.

Tiga kes di atas telah memberi kesan yang amat besar kepada Islam, umat Islam dan kaum bukan Islam. Secara terperinci:

**Pertama:**

Mengambil mayat daripada keluarganya merupakan satu tindakan yang amat zalim, kejam lagi tidak berperikemanusiaan. Sukar saya hendak mencari perkataan yang tepat bagi menggambarkan perasaan yang dialami oleh kaum keluarga yang baru kehilangan ayah atau ibu mereka, lalu tiba-tiba datang sepasukan orang berseragam yang "merampas" mayat tersebut daripada mereka.

Ini memberi kesan kepada ahli keluarga tersebut, adakah Islam sebegitu zalim sehingga sanggup merampas ayah atau ibu kami yang baru sahaja meninggal dunia?

Bayangkan jika ia berlaku kepada salah seorang daripada ahli keluarga kita. Bayangkan jika kita adalah satu keluarga yang hidup di negara lain yang agama rasminya bukan Islam. Dalam suasana sedih lagi hiba di saat ayah yang baru meninggal dunia, tiba-tiba datang sepasukan orang yang merampas ayah kita!

**Kedua:**

Kes-kes ini disiarkan secara meluas oleh akhbar-akhbar tempatan. Ia sekali lagi memberi kesan kepada para pembaca, sama ada Muslim atau Non Muslim: Adakah Islam sebegitu zalim sehingga sanggup merampas mayat yang baru meninggal dunia daripada keluarganya?

Di kalangan para pembaca Muslim, ada yang menyokong tindakan perampasan tersebut. Namun

sokongan mereka adalah lebih kepada ingin melihat kekuatan Islam di atas kaum bukan Islam. Dalam suasana Islam dan umatnya yang menduduki kedudukan rendah sekarang ini, mereka menyokong apa sahaja tindakan yang dapat memberi gambaran bahawa Islam adalah kuat dan masih berkuasa.

**Ketiga:**

Kes-kes ini semakin menjauhkan hati kaum bukan Islam daripada Islam. Ia memberi gambaran kepada mereka bahawa Islam memang zalim terhadap kaum bukan Islam. Ia seolah-olah membenarkan dakwaan para pengkaji sejarah orientalis bahawa Islam memang "agama pedang" sejak ia bermula lebih seribu empat ratus tahun yang lalu.

**Penyelesaian Yang Dicadangkan.**

Tiga kesan di atas menyebabkan saya merasa perlu untuk dicari satu penyelesaian yang:

1. Dapat menjaga kedudukan Islam sebagai agama yang adil.
2. Memberikan keadilan kepada kaum bukan Islam.
3. Membetulkan pandangan umat Islam bahawa Islam yang kuat bukanlah Islam yang zalim, tetapi adalah Islam yang adil lagi berperikemanusiaan.

Penyelesaian yang saya cadangkan adalah: Orang meninggal dunia yang diperselisihkan agamanya, sama ada dia muslim atau tidak, maka agamanya ditentukan oleh ahli keluarganya. Jika selama ini ahli keluarganya mengenali dia sebagai seorang yang beragama sepertimana agama keluarganya, maka dia dikebumikan mengikut tatacara agama keluarganya.

Namun jika keluarganya mengenali dia sebagai seorang muslim, maka ahli keluarga tersebut akan menghubungi mana-mana masjid atau surau berdekatan agar mayat tersebut dapat diuruskan mengikut tatacara Islam.

Melalui cara ini:

1. Tidak ada tindakan mengambil atau merampas mayat dari sisi ahli keluarga.
2. Mayat tidak tertangguh sekalian lama untuk dikebumikan sementara menunggu perbicaraan mahkamah.
3. Ahli keluarga mayat tidak mengalami kesedihan dan tekanan untuk menghadapi perbicaraan mahkamah.
4. Nama baik Islam tidak tercemar, malah dikenali sebagai agama yang adil.
5. Pihak jabatan agama tidak perlu menanggung malu seandainya mereka tidak menang atau tidak

memiliki bukti yang cukup untuk membawa kes ke mahkamah.

### **Beberapa Pertimbangan Lanjut.**

Cadangan di atas memang sesuatu yang sensitif kepada umat Islam. Justeru berikut dikemukakan beberapa pertimbangan lanjut yang turut memerlukan perhatian.

#### **Pertama: Kaum Keluarga Berdusta?**

Mungkinkah kaum keluarga tersebut akan berdusta? Yakni mereka mengetahui ayah mereka yang baru meninggal dunia adalah seorang muslim namun sengaja mereka menyembunyikannya dan terus mengebumikannya mengikut tatacara agama mereka.

Saya berpandangan, kemungkinan tersebut wujud tetapi amat kecil. Ini kerana orang bukan Islam juga menghargai agama mereka dan mereka tidak mudah akan mengebumikan seorang muslim dalam kuil atau gereja mereka dengan tatacara mereka.

Berdasarkan poin di atas, kita umat Islam juga menghargai saudara semuslim kita sehingga kita tidak akan dengan mudah melepaskan dia ke kuil atau gereja kaum bukan Islam untuk dikebumikan dengan tatacara bukan Islam. Akan tetapi jika kedudukan orang tersebut

diragui sama ada muslim atau tidak, maka dia lepaskan kepada kaum keluarganya kerana mereka memiliki kepastian sama ada dia adalah seorang muslim atau tidak.

**Kedua: Terdapat Saksi Bahawa Dia Seorang Muslim.**

Bagaimana jika jiran atau rakan kerja tampil ke hadapan untuk bersaksi bahawa yang meninggal dunia adalah seorang muslim? Atau pihak jabatan agama memiliki bukti bertulis dan saksi-saksi bahawa orang yang meninggal dunia adalah seorang muslim?

Untuk senario ini, kita memiliki dua pilihan:

1. Mayat diambil oleh pihak jabatan agama negeri dan kes ini dibawa ke mahkamah dengan masing-masing pihak mengemukakan saksi serta hujah tersendiri. Kemudian mahkamah akan menentukan sama ada dia muslim atau tidak. Ini adalah prosedur sekarang ini dan ia dilaksanakan ke atas tiga kes yang saya sebut di permulaan kertas kerja ini.
2. Persaksian kaum keluarga mayat dipandang sebagai persaksian yang muktamad dan merekalah yang menentukan sama ada mayat adalah muslim atau tidak.

Di antara kedua-dua pilihan di atas, terdapat manfaat dan mudarat. Namun pada pandangan saya,

kemaslahatan dalam pilihan kedua adalah lebih tinggi berbanding pilihan pertama manakala kemudaratan dalam pilihan kedua adalah lebih rendah berbanding pilihan pertama. Antara faktor yang menjadi pertimbangan saya:

1. Membawa kes ke mahkamah adalah proses yang amat memberatkan bagi kaum keluarga yang baru kehilangan ahli keluarga tersayang.
2. Proses perbicaraan di mahkamah tidak memiliki tempoh yang tertentu. Bagi kes Nyonya Tahir, ia mengambil masa dari 19 Januari hingga 23 Januari 2006, iaitu 5 hari. Bagi kes lain yang akan datang, ia mungkin lebih cepat. Akan tetapi lazimnya ia lebih lama.
3. Pilihan pertama melibatkan tindakan "pengambilan mayat" atau pada pandangan kaum bukan Islam: "perampasan mayat" yang merupakan satu tindakan yang amat zalim.
4. Membawa kes ke mahkamah belum tentu dapat menjamin "kemenangan" bahawa mayat adalah seorang muslim. Namun yang pasti terjamin adalah gambaran meluas bahawa Islam dan umatnya adalah zalim dan tidak berperikemanusiaan.
5. Jika benar yang meninggal dunia adalah seorang muslim, maka dia tetap di sisi Allah sebagai seorang muslim. Dia akan hidup di alam Barzakh sebagai seorang muslim dan menemui Allah

*Subhanahu wa Ta'ala* pada Hari Akhirat sebagai seorang muslim. Tatacara perkebumian yang bukan Islam tidak akan mengubah keislaman seseorang.

### **Ketiga: Pernahkah Kes Seumpama Berlaku Pada Zaman Rasulullah?**

Sejauh kajian saya, secara tepat kes seumpama di atas tidak berlaku pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Akan tetapi terdapat satu kes yang menghampirinya, iaitu kes Najasyi.

Nama beliau yang sebenar adalah Ashama bin Bahr. Najasyi adalah gelaran yang bermaksud "raja" bagi beliau di negerinya, sebagaimana gelaran Firaun untuk raja-raja di Mesir.<sup>86</sup> Sekumpulan umat Islam pernah berhijrah ke negeri beliau dan meminta perlindungan beliau. Ini berlaku sebelum penghijrahan umat Islam dari Mekah ke Madinah.

Beliau asalnya beragama Kristian. Namun setelah mendengar tentang Islam daripada orang-orang yang dilindunginya itu, dia juga memeluk Islam. Akan tetapi dia menyembunyikan keislamannya kerana tekanan yang hebat daripada rakyat dan orang-orang istana.

---

<sup>86</sup> Ibn Katsir – *al-Sirah al-Nabawiyyah* (edisi terjemahan dalam bentuk 4 jilid oleh Trevor Le Gassick atas judul *The Life of the Prophet Muhammad*; Garnet Publishing, United Kingdom, 1998), jld. 2, ms, 18.

Bukti keislamannya yang paling kukuh adalah apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan umat Islam Madinah mendirikan solat jenazah *ghaib* sebaik sahaja mendengar khabar beliau meninggal dunia pada tahun 9 Hijrah.<sup>87</sup> Rasulullah pernah bersabda: "**Pada hari ini seorang lelaki yang soleh telah meninggal dunia. Maka berdirilah dan bersolatlah untuk saudara kamu: Ashama.**" [Shahih al-Bukhari, hadis no: 3877. al-Imam al-Bukhari meletakkan bab bagi hadis ini: "Bab kematian Najasyi"]]

Beberapa pengajaran yang dapat dipetik dari peristiwa di atas:

1. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengetahui bahawa Najasyi adalah seorang muslim.
2. Ketika Najasyi meninggal dunia, tidak ada sesiapa di negerinya yang dapat menguruskan jenazahnya mengikut tatacara Islam. Oleh kerana itulah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mendirikan solat jenazah *ghaib* kepada beliau di Madinah.
3. Najasyi dikebumikan di negerinya mengikut tatacara agama Kristian.
4. Pada tahun 9 Hijrah, umat Islam memiliki kekuatan dan kedudukan yang cukup kuat untuk memastikan

---

<sup>87</sup> Terdapat beberapa pendapat tentang tarikh sebenar beliau meninggal dunia. Nampaknya kebanyakannya ahli sejarah, termasuk Ibn Katsir, menguatkannya kepada tahun 9 Hijrah.

jenazah Najasyi dikebumikan mengikut tatacara Islam. Namun Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* membiarkan beliau dikebumikan mengikut tatacara Kristian.

5. Tidak sekadar itu, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga membiarkan harta Najasyi diwarisi oleh kaum kerabatnya yang tidak nyata sama ada mereka beragama Islam atau Kristian. Padahal dalam beberapa hadisnya, baginda menyatakan tidak ada saling mewaris antara orang yang berlainan agama.
6. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak memandang tindakan membiarkan Najasyi sebagai sesuatu yang menzalimi beliau (Najasyi) atau mengurangi kedudukan Islam dan umatnya. Sebaliknya baginda memiliki beberapa maslahat bijak yang ingin dicapai. Namun di sini bukanlah tempat untuk membicara kemaslahatan tersebut.

Ada pun kaitan peristiwa di atas dengan kes-kes yang berlaku di Malaysia saat ini:

1. Sekali pun kita mengetahui secara pasti bahawa orang yang meninggal dunia adalah seorang muslim, bukanlah satu kemestian untuk kita merampas mayatnya daripada kaum keluarganya. Apatah lagi jika kita sendiri tidak pasti sama ada dia seorang muslim atau tidak.

2. Membiaran seorang muslim dikebumikan mengikut tatacara bukan Islam tidak menukar agamanya kepada bukan Islam. Dia tetap seorang muslim di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.
3. Membiaran penentuan agama seorang yang meninggal dunia, sama ada dia muslim atau tidak, kepada kaum keluarganya memiliki maslahat yang lebih banyak berbanding mudarat.

**Keempat: Tidakkah Tindakan Seperti Ini Menjatuhkan Maruah Islam?**

Sebelum menjelaskan persoalan di atas, ingin saya tekankan semula bahawa:

1. Cadangan ini bukan bererti menyerahkan mayat seorang muslim kepada keluarga bukan Islam. Akan tetapi ia menyerahkan kepada kaum keluarga penentuan sama ada yang meninggal dunia adalah muslim atau tidak kerana mereka (kaum keluarga) adalah orang yang paling mengetahui tentang agama ahli keluarga mereka yang meninggal dunia.
2. Cadangan ini adalah untuk mengelakkan kesedihan dan tekanan kepada kaum keluarga bukan Islam serta mengelak mereka daripada membenci Islam. Selain itu ia menghindari Islam daripada dilabel sebagai agama yang zalim.

3. Kemungkinan kaum keluarga berdusta memang wujud. Namun ia adalah kemungkinan yang amat kecil. Pada waktu yang sama timbul kemudaratannya besar yang berlaku secara pasti, iaitu Islam dipandang sebagai agama yang zalim.
  4. Jika benar-benar berlaku kes dimana seorang muslim dikebumikan mengikut tatacara bukan Islam, ia tidak menjelaskan sedikit juar keislaman orang yang dikebumikan. Di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, dia tetap seorang muslim.
  5. Jika poin keempat di atas benar-benar berlaku, ia juga tidak menjelaskan orang-orang yang membiarkannya kerana terdapat contoh daripada sirah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Kembali kepada persoalan di atas, maruah Islam tidak dijaga dengan cara menzalimi kaum bukan Islam. Sebaliknya maruah Islam dijaga, bahkan dipertingkatkan dengan cara bersikap adil kepada kaum bukan Islam. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

*Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu;*

***sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.*** [al-Mumtahanah 60:08]

Selain itu ingin ditambah bahawa kes-kes yang melatarbelakangi pengusulan ini adalah kejadian-kejadian yang terpencil. Ia bukanlah kejadian harian tetapi sekali dua dalam setahun. Bandingkan dengan kes-kes negatif di kalangan umat Islam sendiri yang berlaku hampir setiap hari dimana ia adalah faktor utama yang menjatuhkan maruah Islam.

Sebelum mengakhiri risalah ini, ingin saya gariskan bahawa apa yang saya cadangkan mungkin amat sensitif kepada sebahagian pembaca. Akan tetapi saya yakin para pembaca sekalian akan dapat membelakangkan perasaan sensitif tersebut dan sebaliknya menghadapangkan pertimbangan yang adil lagi berwawasan dalam persoalan ini.

**Dapatkan Juga:**

***Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 1)***

**Terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2004**

**Yang Memuatkan Tajuk-Tajuk Berikut:**

1. Azab Dan Nikmat Kubur Dalam al-Quran dan al-Hadis.
2. Serangan Terhadap Isu Aurat Wanita.
3. Membantah Azab Kubur Menyanggah Akidah Ahli Sunnah Wa Jamaah.
4. Gerakan Modernis: Antara Kemajuan dan Hawa Nafsu.
5. Empowering Women through the Teachings of Islam: Uncovering the Untruths of Western Feminism.
6. Membedah Kotak Pemikiran Astora Jabat.
7. Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah : An Introduction.
8. Mazhab Imam al-Syafi`i Terhadap Sunnah dan Hadis.
9. Aurat dan Pakaian Wanita: Satu Analisa Ke Atas Artikel “Memahami Aurat Wanita” karangan Zainudin Idris.
10. Kedudukan Hadis Ahad: Dari zaman awal Islam sehingga kini.
11. Menganalisa dan Menjawab Lima Alasan Mereka yang Menolak Penurunan ‘Isa Pada Akhir Zaman.
12. Membongkar Aliran Islam Liberal.

**(Boleh dipesan secara terus dari penerbit di talian 07-235 1602)**

**Dapatkan Juga:**

***Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 2)***

**Terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2005**

**Yang Memuatkan Tajuk-Tajuk Berikut:**

1. Operasi Berani Mati Menurut Neraca Islam.
2. Petunjuk Jalan yang Panjang.
3. Wahhabi Mengharamkan Zikir Sesudah Sembahyang?
4. Mandi Bunga: Suatu Analisis.
5. Working For The Ideal: The True Invaluable Nature of Women's Work in Islam.
6. Kecerdasan Emosi: Satu Pengenalan.
7. Principle references of *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah*.
8. Isra' dan Mi'raj:  
Mukjizat Rasulullah Yang Kedua Terbesar.
9. Teringat Zaman *Italian Football*.
10. Kerukunan Antara Agama,  
Bukan Kesamaan Antara Agama.
11. Memintas *Fiqh Lintas Agama*.

**(Boleh dipesan secara terus dari penerbit di talian 07-235 1602)**

**Dapatkan Juga:**

***Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 3)***

**Terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2005**

**Yang Memuatkan Tajuk-Tajuk Berikut:**

1. Niat Dan Amal.
2. Penyelesaian Rabbani Bagi Masalah Ekonomi.
3. Manhaj Ahlus Sunnah Wal Jama'ah Dalam Isu Takfir.
4. Apakah Wahabi?
5. Kontraversi Dakwaan Ibn Batutah Terhadap Ibn Taimiyah.
6. Jawapan Kepada Astora Jabat Berkenaan Hukum Mengucapkan *Merry Christmas*.
7. Tuhan Islam Kejam?
8. Hukum Kerjaya Yang Memiliki Unsur-Unsur “Tidak Halal”.
9. Hukum Kenajisan Anjing: Satu Penilaian Semula.
10. Tsunami!

**(Boleh dipesan secara terus dari penerbit di talian 07-235 1602)**

**Dapatkan Juga:**

***Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 4)***

**Terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2006**

**Yang Memuatkan Tajuk-Tajuk Berikut:**

1. *Enforcing Public Morality:*  
Satu Analisa Ke Atas Kertas Kerja Zainah Anwar  
(*Sisters in Islam*).
2. Pakaian Muslimah Bertaqwah.
3. Merangka Belanjawan dari Perspektif Islam.
4. Meninjau Semula Hukum Kenajisan Khinzir.
5. Pendirian Aisyah Dan Para Sahabat  
Di Sebalik Perang Jamal.
6. Pendirian Muawiyah Di Sebalik Perang Siffin.
7. Pendirian Muawiyah Di Sebalik Perlantikan Yazid  
dan Pembunuhan Hasan.
8. Pendirian Yazid Di Sebalik Pembunuhan Husain.
9. Pendirian *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*  
Terhadap Yazid bin Muawiyah.
10. Panduan Membicara Sejarah Para Sahabat.
11. Pencerahan Dalam Persoalan Solat Sunat *Qabliyah* Jumaat.

**(Boleh dipesan secara terus dari penerbit di talian 07-235 1602)**

**Dapatkan Juga:**

***Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 5)***

**Terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2007**

**Yang Memuatkan Tajuk-Tajuk Berikut:**

1. Cabaran Tajdid Di Era Globalisasi Masa Kini.
2. *The Bible* Sebagai Bahan Dakwah?
3. Pemimpin Hizbollah Menghantar SMS Terbaru.
4. Sumber Hukum Islam.
5. Di Sebalik Ancaman Islam Liberal.
6. Haiwan Di Dalam Islam.
7. Lalang Oh Lalang!
8. Memasarkan Islam Pada Era Mutakhir.
9. Perkara Ke-12 Yang Mencemari Kemurnian Tauhid:  
Menjadikan Jamaah Sendiri Sebagai Agama.
10. Tahukah Anda Akan Orang Yang Mendustakan Agama?
11. Antara Fahaman Wahabi dan Fenomena Murtad.
12. Selangkah Ke Arah Memahami al-Sunnah,  
Dua Langkah Ke Arah Akhlak Yang Menepati al-Sunnah.
13. Ramadhan Sepanjang Tahun.
14. Jom Berhari Raya (*'Ied Al-Fithri*) Bersama Rasulullah.
15. Adab-Adab Menuntut Ilmu Agama.
16. Unsur-Unsur Yang Merosakkan Ilmu Agama.

**(Boleh dipesan secara terus dari penerbit di talian 07-235 1602)**

**Buku-buku Lain oleh Hafiz Firdaus Abdullah**

**Marilah Mendirikan Sembahyang**  
Jahabersa 2000

**Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam**  
Edisi Pertama: Jahabersa 2000  
Edisi Baru: Jahabersa 2004, 2008.

**Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan**  
Jahabersa 2000, 2005.

**Solat Tarawikh: Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.**  
Jahabersa 2000

**20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya**  
Jahabersa 2002, 2005.

**Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.**  
Jahabersa 2002

**Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil**  
Jahabersa 2003

**Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyyah: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari**  
Jahabersa 2003, 2004.

**Apakah Jihad Di Jalan Allah ?**  
**Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad**  
Jahabersa 2003  
**Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya**  
Jahabersa 2004

**Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada *Syi‘ah al-Rafidhah* dalam Persoalan Khalifah.**

- **Siri Pertama:** Definisi *Syi‘ah al-Rafidhah*, Sejarah Kelahiran *Syi‘ah al-Rafidhah* dan 5 Strategi Asas *Syi‘ah al-Rafidhah* Dalam Berhujah.
- Jahabersa 2004
- **Siri Kedua:** Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada ayat-ayat al-Qur‘an yang dijadikan hujah oleh *Syi‘ah* dalam persoalan khalifah.
- Jahabersa 2004
- **Siri Ketiga:** Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada hadis-hadis Rasulullah yang dijadikan hujah oleh *Syi‘ah* dalam persoalan khalifah.
- Jahabersa 2005
- **Siri Keempat:** Jawapan *Ahl al-Sunnah* Berkenaan Sejarah dan Keutamaan Para Sahabat.
- Jahabersa 2005

**Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa (Himpunan Risalah Berkenaan Puasa dan Permasalahannya)**  
Jahabersa 2005

**Marilah Berkenalan Dengan al-Qur‘an**  
Jahabersa 2005, 2008.

Edisi terjemahan Inggeris: **Let’s Get Acquainted With Al-Qur‘an**. Jahabersa 2007.

**Wahai Ibu! Wahai Ayah!**

Jahabersa 2006, 2006, 2006, 2007, 2008.

Edisi Terjemahan Inggeris: **Dear Mom & Dad**. Jahabersa 2008.

**11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid**  
Jahabersa 2006.

**Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat**  
Jahabersa 2006.

Edisi Terjemahan Inggeris: **Looking For Allah's Blessing  
Behind Differences of Opinion**. Jahabersa 2007.

**Marilah Berkenalan Dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*.**  
Jahabersa 2007, 2007.

**7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam**  
Jahabersa 2007.

**Membongkar Aliran Islam Liberal**  
Jahabersa 2007.

**Menjawab 17 Fitnah Terhadap Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah.**  
(Ulasan kepada karya asal Syaikh Murad Syukri yang diterjemah  
oleh Ustaz Badrul Hisham bin Sulaiman).  
Jahabersa 2008.

**(Boleh dipesan secara terus dari penerbit di talian 07-235 1602)**

**Penulis anda,** Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang.

Sejak awal beliau memiliki minat yang besar dalam ilmu-ilmu agama. Kerjayanya sebagai juruterbang memberi banyak kelebihan (*advantage*) bagi beliau untuk memahami agama dari perspektif yang lebih luas. Pada waktu yang sama beliau juga dapat menimba ilmu daripada pelbagai tokoh dan sumber di serata dunia.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

*Alhamdulillah* buku-buku Hafiz Firdaus mendapat sambutan yang baik di Malaysia dan negara-negara jiran.

Ringkasnya, sesiapa jua yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.